

# KANDUNGAN

## **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

## **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2004

### **Jawatankuasa:-**

#### **Jadual:-**

Maksud B. 48

(Halaman 16)

Maksud B. 49

(Halaman 25)

Maksud B. 50

(Halaman 68)

## **USUL:**

Anggaran Pembangunan 2004

### **Jawatankuasa:-**

Maksud P. 48

(Halaman 16)

Maksud P. 49

(Halaman 25)

Maksud P. 50

(Halaman 68)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P., S.S.A.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. D.C.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S., S.S.A.P. (Selayang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, D.M.S.M. (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
- “ kosong (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P., D.M.S.M. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)

- Yang Berhormat Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)

Yang Berhormat Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)

- “ Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
- " Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- " Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- " Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)

- Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
  - “ Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
  - “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
  - ” Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
  - “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
  - “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
  - “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
  - “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
  - “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
  - “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
  - “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
  - “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
  - “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
  - “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
  - “ Tan Sri Dato’ Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
  - “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
  - ” Dato’ Tiong Thai King (Lanang)
  - ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
  - “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
  - ” Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
  - ” Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
  - ” Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
  - “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
  - “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
  - “ Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
  - “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
  - “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N., S.I.M.P.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- ” Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

**Penolong Setiausaha**

Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah Mohd. Azir  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd. Izhar bin Hashim  
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 23 Oktober 2003**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah keberkesanan Pakej Rangsangan Ekonomi di dalam melaksanakan projek pembangunan kepada peniaga-peniaga kecil untuk semua sektor perniagaan.

**Menteri Kewangan Kedua [Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada soalan yang dikemukakan oleh Kuala Selangor yang sungguh baik sekali.

Dalam pakej baru dalam usaha kita menggerakkan dan memberangsangkan ekonomi negara kita, kita semua tahu Tuan Yang di-Pertua, diumumkan pada 21 Mei 2003, dalam pakej ini kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1 bilion bagi skim kredit mikro untuk membantu peniaga-peniaga kecil dalam semua sektor perniagaan.

Jenis kadar atau cara modul skim kredit ini amat unik sekali, berbeza sekali kerana ia berasaskan cagaran aliran kewangan sahaja bukan seperti cagaran-cagaran yang biasa di bank-bank komersial.

Di bawah skim ini, sebanyak RM500 juta diperuntukkan kepada Bank Pertanian Malaysia, RM300 juta kepada Bank Simpanan Nasional dan tambahan juga kepada Skim Amanah Ikhtiar Malaysia yang kita dengar amat berkesan sekali di peringkat *grass root*.

Skim Kredit Mikro Bank Pertanian Malaysia (BPM) adalah disasarkan kepada golongan petani, nelayan, penternak, peniaga dan pengusaha kecil yang terlibat dalam pengeluaran pertanian termasuk kegiatan penanaman, ternakan, perikanan serta pemprosesan dan pemasaran keluaran pertanian.

Skim Kredit Mikro bagi Bank Simpanan Nasional pula, Tuan Yang di-Pertua, disasarkan pula kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil di sektor pembuatan seperti batik, kraf tangan, keluaran makanan termasuk *bakery*, *catering* dan juga sektor perkhidmatan seperti pasar mini, jualan langsung, peruncit, kedai jahitan, meliputi juga salon rambut dan kedai bunga, ini di antara sektor perkhidmatan yang penting di peringkat bawah.

Manakala Skim AIM pula, Tuan Yang di-Pertua, disasarkan kepada golongan termiskin di luar bandar, kumpulan termasuk ibu tunggal dan nelayan yang terlibat dalam kegiatan seperti pemprosesan makanan, jahitan, tanaman, sayuran, membaiki bot nelayan dan kelengkapan penangkapan ikan.

Tuan Yang di-Pertua, sambutan amat kita bangga sekali, bagi Skim Kredit Mikro amatlah menggalakkan di mana bagi tempoh setakat 8 Oktober 2003, 29,175 hampir 30,000 permohonan bernilai RM440 juta telah diterima oleh Bank Pertanian Malaysia, manakala bagi Bank Simpanan Nasional pula menerima 76,608 permohonan bernilai RM1,278,000. Daripada jumlah ini sebanyak 16,842 permohonan bernilai RM192 juta telah diluluskan oleh Bank Pertanian Malaysia, manakala 37,198 permohonan bernilai RM347 juta telah diluluskan pula oleh Bank Simpanan Nasional. Jumlah keluaran yang diluluskan oleh AIM pula adalah sebanyak RM87,254.

Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion sebagai dana tambahan kepada Industri Kecil dan Sederhana untuk memastikan mereka terus mendapat akses kepada sumber pembiayaan dengan kos pinjaman yang berpatutan.

Di bawah Skim Tabung Industri Kecil Sederhana (TIKS), jumlah dana ialah RM2 bilion, tambahan RM650 juta di bawah Tabung Usahawan Baru (TUB), menyediakan pula jumlah dana TUB sebanyak RM1.150 juta manakala tambahan RM200 juta pula diberikan di bawah Tabung TEKUN. Prestasi pembiayaan dan pengeluaran juga amat memuaskan bagi skim-skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga prihatin terhadap peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang mengalami kesukaran membayar hutang dengan institusi kewangan. Oleh itu, kerajaan telah mengambil langkah untuk membantu pengusaha-pengusaha IKS bagi membantu mereka menangani masalah hutang tak dibayar mereka dengan institusi kewangan melalui skim mekanisme ala CGRC yang telah diumumkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan dalam Bajet yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, tidak lama dahulu.

Bagi tujuan ini Bank Negara Malaysia, telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penyelesaian Pinjaman Kecil yang dianggotai oleh tokoh-tokoh berpengalaman daripada bidang kewangan dan perniagaan. Jawatankuasa ini akan membantu usahawan kecil dan sederhana yang masih beroperasi tetapi menghadapi masalah kewangan agar dapat membantu mereka menyusun semula pinjaman tidak dibayar (NPL) mereka dengan institusi kewangan.

Melalui mekanisme ini juga, pemohon yang layak akan menerima bantuan pinjaman untuk memastikan operasi perniagaan mereka dapat diteruskan. Harapan kerajaan ialah agar mekanisme ala CGRC ini dapat membantu menyelesaikan hutang IKS.

Langkah-langkah Pakej Rangsangan Ekonomi di atas telah menambahkan aktiviti ekonomi tempatan khususnya industri kecil dan sederhana melalui sumber pengembilan yang sedia ada, telah memanfaatkan pertumbuhan ekonomi negara. Lantaran itu, dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Bajet 2004. Hasil daripada usaha-usaha semua ini dan memberikan satu prestasi ekonomi yang baik, sehinggakan *Standard and Poor* menaikkan taraf kita daripada B+++ kepada A- dan juga pada hari semalam, alhamdulillah, pasaran saham BSKL telah menembusi paras 800 mata. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Menteri Kewangan I dan II yang telah membuat pakej ekonomi yang begitu baik untuk rakyat. Tadi juga, telah diberitahu bahawa kerajaan telah ada rancangan untuk menyusun semula kepada syarikat yang tidak berkemampuan untuk membayar balik bersama-sama seperti CDRC dan juga yang diatur oleh Dana harta. Masalahnya ialah bagaimanakah caranya kerajaan untuk memastikan bahawa perniagaan yang dibuat oleh peniaga kecil ini mempunyai pendapatan berterusan. Walaupun kita susun semula pinjaman itu, tetapi mereka mempunyai masalah untuk mendapat pendapatan yang berterusan. Apakah kerajaan akan membentuk juga jawatankuasa untuk memastikan bahawa peniaga ini boleh terus berniaga ataupun produk mereka itu terus mendapat pasaran, dengan itu mereka terus boleh berniaga dan mempunyai pendapatan yang tetap. Dengan itu, boleh membayar balik pinjaman mereka. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Dengan soalan tadi, menunjukkan bahawa prihatinnya Yang Berhormat dan Barisan Nasionallah kepada permasalahan IKS dan peniaga-peniaga kecil. Harapan kerajaan melalui mekanisme ini yang diwujudkan di Bank Negara Tuan Yang di-Pertua, supaya mereka yang menghadapi masalah, hutang mereka kerana *database* yang tidak ada, mereka yang tersangkut hutang mereka dengan satu bank, tidak memberikan peluang kepada mereka untuk mendapat permohonan atau pembiayaan daripada bank yang lain. Oleh kerana itu, perlu dia menyelesaikan masalah NPL mereka dengan satu bank untuk diberikan peluang bagi ditimbang permohonan di bank yang lain. Oleh kerana itu, amat penting sekali permasalahan NPL diselesaikan supaya dana dapat disalurkan. Ini

usaha kita. Satu lagi dari segi pembiayaan perniagaan mereka. Sebab itu, dalam menyusun semula hutang ini, kita juga akan memastikan dana yang baru diberikan kepada mereka, supaya dapat terus menggerakkan perniagaan mereka.

Mana-mana perniagaan mereka yang melibatkan kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan baru-baru ini untuk negara kita mengalih kepada satu negara yang benar-benar menjadi *real trading nation*, kerana beliau mahu negara kita menjadi satu negara perdagangan yang berdagang produk kita sendiri. Oleh kerana itu, beliau telah mengumumkan bahawa perolehan kerajaan di masa akan datang, akan memberikan lebih perhatian dan pertimbangan kepada produk-produk buatan tempatan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II, di atas jawapan yang telah pun diberikan mengenai dengan pakej rangsangan kepada peniaga kecil di seluruh negara. Dengan pelbagai inisiatif yang telah pun diusahakan oleh pihak kerajaan, yang mana telah pun dinyatakan semalam oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri di televisyen Indonesia, yang menyatakan bahawa perlu lagi di kalangan peniaga-peniaga ini diberikan rangsangan seterusnya. Soalan tambahan, sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh mereka ini dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi para peniaga dan sejauh manakah kegagalan kepada mereka ini terutama untuk membayar balik seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang tadi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Segak nampaknya hari ini! Memang kerajaan meminta bank-bank yang mengendalikan skim ini mengawasi perjalanan skim-skim yang diumumkan atau diwujudkan oleh kerajaan. Antara yang kerajaan minta ialah supaya mereka yang diberi kelulusan Tuan Yang di-Pertua, ialah mereka yang benar-benar tulen, yang benar-benar ada perniagaan, ada kilangnya, ada gerainya dan juga ada bukti aliran kewangan yang baik. Alhamdulillah, dengan usaha bank-bank yang diminta ataupun diamanahkan oleh kerajaan, prestasi mereka ini amat baik sekali dan jumlah sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, bagi Bank Pertanian, setakat ini pembayaran balik lebih daripada 95%. Ini suatu petanda yang amat baik sekali sebab peringkat awal ada sedikit unsur-unsur negatif yang juga membimbangkan kita.

Di mana-mana Tuan Yang di-Pertua, ada 'kambing hitam'. Mereka memohon untuk mendapatkan bantuan. Bila pegawai kita pergi melawat ke kilang mereka, kilangnya tidak wujud atau peniagaanya tidak wujud. Sebab itu, bank-bank yang diamanahkan itu, terpaksa menolak permohonan-permohonan atau mereka yang cuba menyalahgunakan usaha baik, nilai usaha murni kerajaan ini. Oleh kerana itulah, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, prestasi pembayaran balik amat memuaskan oleh bank-bank yang mengeluarkan Skim-skim Kredit Mikro yang telah diwujudkan oleh kerajaan ini. terima kasih.

2. **Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau [Saratok]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bolehkah pembinaan kolej komuniti di kawasan-kawasan Parlimen luar bandar di Sarawak dan Sabah diutamakan kerana kedua-dua negeri mempunyai kadar keciciran di peringkat sekolah menengah yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, sebuah kolej komuniti telah beroperasi di Tawau Sabah dan dua buah kolej komuniti telah beroperasi di Sarawak iaitu di Mas Gading dan di Kuching. Kolej Komuniti Mas Gading beroperasi secara menumpang di Sekolah Menengah Teknik Sejingkat manakala, Kolej Komuniti Kuching baru sahaja memulakan operasi di premis sendiri pada tahun ini.

Sukacita dimaklumkan, Kementerian Pendidikan juga terlibat dalam rancangan Program Segera yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) baru-baru ini untuk menambah kapasiti pengambilan pelajar di Institusi Latihan Kemahiran dalam tempoh tiga tahun bermula pada tahun 2004 berdasarkan kepada kemampuan dan kebolehlaksanaan institusi masing-masing.

Untuk pengaduan tersebut, Kolej Komuniti Mas Gading didapati mampu membuat ambilan tambahan pelajar seramai 180 orang setahun dengan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dengan izin, *double shift*. Langkah tersebut diyakini dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah untuk meneruskan pengajian di dalam bidang latihan kemahiran.

Di samping itu, semakin semula sedang dibuat bagi menentukan sama ada sesuai dibina kolej komuniti di tiap-tiap kawasan Parlimen memandangkan sebilangan kawasan Parlimen sudah pun mempunyai institusi latihan sedemikian yang ditubuhkan oleh agensi-agensi lain seperti Institut Latihan Belia atau Institut Latihan Industri. Sebilangan kawasan Parlimen pula terlalu kecil dan mungkin sebuah kolej komuniti boleh menampung keperluan dan atau lebih kawasan Parlimen dalam kes-kes sebegini.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah memberi penjelasan kerana ada perancangan dan begitu juga ditambahkan di mana institusi yang sedia ada.

Jadi, soalan tambahan saya iaitu oleh kerana kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun sedang memikirkan perkara ini untuk tiap-tiap kawasan Parlimen, jadi saya bersetuju kalau banyak tiap-tiap kementerian tentu tidak dapat dilaksanakan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, lebih-lebih lagi tenaga pengajar. Tetapi, boleh atau tidak, dipilih dari mana-mana kawasan Parlimen di luar bandar yang mempunyai kadar keciciran yang tinggi? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat tanya saya tadi, apakah kita akan mendirikan kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen tetapi setelah kita buat satu *review* di mana kita berpendapat bahawa kita akan buat kolej-kolej itu di tempat-tempat yang tertentu sebagai *priority* kita. Jadi, dalam kes Yang Berhormat bagi Saratok, saya anggap bahawa ini kawasan di Sarawak dan Sabah, kita juga sedang memikirkan kawasan-kawasan pedalaman diberi juga keutamaan.

Kalau boleh kita hendakkan bahawa bukan kolej itu disiapkan dengan serta-merta tetapi kita boleh menggunakan juga tempat-tempat yang kita anggap sebagai tempat sementara sebelum kolej itu disiapkan. Walau bagaimanapun, saya bagi keyakinan kepada Yang Berhormat bagi Saratok bahawa di Sabah dan Sarawak juga kita beri *priority*. Terima kasih.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya merujuk kepada jawapan dari pihak Setiausaha Parlimen tadi. Tumpuan untuk pembinaan kolej komuniti ini ialah di tiap-tiap kawasan Parlimen. Jawapan yang kedua tadi diberi tumpuan juga, keutamaan ialah di kawasan pedalaman selain daripada memfokuskan kawasan yang tinggi kadar kecicirannya.

Saya merujuk dalam kes Kelantan, seingat saya belum lagi diwujudkan perancangan untuk pembinaan kolej komuniti ini. Dalam kes ini, saya ingin menarik perhatian supaya pihak kementerian memberi peluang yang sama untuk anak-anak Orang Asli yang saya yakin mereka juga boleh mendapat peluang dalam melanjutkan pelajaran di kolej komuniti kerana Orang Asli sendiri mempunyai banyak kepakaran dan kemahiran yang perlu di"*generate*"kan untuk mereka terlibat dalam arus pembangunan ini demi menjamin masa depan mereka. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali mengenai di Kelantan. Seperti mana jawapan saya tadi, saya katakan bahawa sekiranya tempat-tempat tadi sudah mempunyai institusi-institusi latihan, jadi kita akan beri kemudiannya tetapi *priority* yang kita cakapkan tadi. Oleh itu, kalau kita lihat kepada negeri Kelantan, walaupun di bawah Kerajaan Negeri PAS sekalipun, pelbagai pusat latihan di Kelantan, kita beri keutamaan seperti sekolah menengah teknik, kita beri UiTM, kita beri Hospital USM, *teaching hospital* dan macam-macam lagi kepada Kelantan.

Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang. Kerajaan Pusat di bawah Barisan Nasional tetap menjalankan tanggungjawabnya. Begitu juga mengenai dengan Orang Asli. Saya tidak tahu mengapa Yang Berhormat bangkit mengenai dengan Orang Asli, padahal kita kepada Orang Asli di mana-mana sahaja termasuk di negeri Kelantan. Saya rasa Yang

Berhormat tidak pernah melawat Gua Musang, saya sudah berkali-kali melawat Gua Musang. *[Disampuk]*

Ya, ambo gi Gua Musang. Ambo gi sana ya. Kita juga ada asrama desa, kita ada macam-macam kemudahan untuk anak-anak Orang Asli. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang. Janganlah bila sudah dekat pilihan raya ini, seolah-olah PAS ini membela nasib Orang Asli. Kita lebih awal lagi membela nasib Orang Asli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. *[Tepuk]*

3. **Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah projek udang harimau di Kerpan, Kedah berjalan lancar dan berdaya maju sebagaimana diharapkan sehingga memberi pulangan yang baik kepada pemegang-pemegang sahamnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat yang diperolehi oleh Kementerian Pertanian didapati bahawa projek ternakan udang di Kerpan pada masa ini berjalan dengan baik. Masalah seperti serangan penyakit udang telah dapat dikurangkan. Dalam tempoh peralihan ini, projek Kerpan ini telah dikendalikan menerusi Yayasan Islam Kedah.

Pada tahun 2003 iaitu sehingga 14 Ogos 2003, sejumlah 24 buah kolam telah diternak dengan udang harimau dan berjaya mengeluarkan hasil sebanyak 141.86 tan metrik dan purata pengeluaran sebanyak 5.91 tan metrik, iaitu angka yang agak tinggi. Jumlah jualan pada tempoh tersebut ialah sebanyak RM2.53 juta.

Kementerian Pertanian yakin dengan pengurusan yang berorientasikan perniagaan secara profesional akan memberikan pulangan hasil yang baik dan lumayan kepada pengusaha dan juga pemegang-pemegang saham. Kementerian Pertanian juga sedia membantu pihak pengurusan Kerpan sekiranya mereka memerlukan bantuan teknikal bagi membangunkan projek Kerpan tersebut secara keseluruhannya. Terima kasih.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat datang ke Parlimen kepada rombongan Sekolah Menengah Tengku Bendahara dalam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa Yang Berhormat, terus kepada soalan.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa projek ternakan udang harimau di Kerpan, Jerlun, Kedah itu sekarang sudah mula lembap iaitu berikutan daripada setelah mana Syarikat Aspirasi Gemilang yang memegang saham 11% mengambil alih pengurusannya, Perbadanan Menteri Besar Kedah memegang saham 29%, manakala Kerajaan Pusat melalui Menteri Kewangan memegang saham 60% tetapi atas desakan UMNO Kedah dan *politicking* yang begitu kuat, pengarah eksekutif yang dihantar ke sana oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang memang pakar dan profesional dalam bidang penternakan dan pengurusannya, ditukar dalam keadaan projek tersebut sudah mula menunjukkan kemajuan. Jadi, sekarang projek tersebut sudah mula merosot dan udang tidak boleh dipasarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, apa soalnya?

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Minta penjelasan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mengapa sebab ditukar ya? Silakan.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan kenyataan tersebut kerana keadaan sekarang telah pulih seperti sedia kala. Malahan saya telah katakan tadi, 24 buah kolam telah pun diusahakan dengan pengeluaran yang begitu tinggi

sekali, 5.91 tan metrik adalah satu angka yang tinggi. Tidak tahulah di mana Yang Berhormat mendapatkan maklumat tetapi bagi Kementerian Pertanian, kita berbangga sekali dengan apa yang dilakukan oleh pihak Yayasan Islam Kedah. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada mula-mulanya apabila Kerajaan Negeri Kedah memaksa tuan-tuan punya tanah menyerahkan tanah-tanah mereka untuk industri menternak udang harimau di Kerpan ini, banyak masalah telah berbangkit berkenaan dengan harga pampasan tanah. Setahu umum, selepas satu masa, kolam udang ini tidak lagi sesuai untuk menternak udang harimau kerana ia tercemar dan pengusaha-pengusaha swasta seperti yang ada sekarang di merata-rata tempat, mereka perlu mencari tempat baru atau tapak baru untuk mula menternak udang harimau di tapak-tapak yang baru.

Sekiranya ini adalah benar dan tempat yang telah dijadikan untuk menternak udang harimau tidak lagi sesuai, adakah kerajaan akan mengembalikan tanah-tanah yang telah diambil itu kepada tuan punya tanah yang asal supaya mereka boleh mengusahakan balik tanah-tanah mereka itu?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali tentang pampasan. Pampasan ini mengikut asalnya ialah lebih kurang RM19,000 serelung tetapi sudah dinaikkan pada RM30,000 serelung. Satu angka yang tinggi bagi kawasan Jerlun. Saya ingat Yang Berhormat tahu kerana pihak kerajaan tidak berhasrat hendak menganiaya sesiapa. Sebab itulah kita bagi pampasan yang begitu tinggi sekali malahan boleh dikatakan sama dengan harga yang terdapat di pekan atau di bandar.

Yang keduanya berkenaan dengan tanah sesuai ataupun tidak, tanah itu adalah sesuai untuk penternakan udang kerana kita dahulu ada sawah padi di kawasan tersebut yang hasilnya tidak begitu menjadi. Selepas *convert* kepada penternakan udang, pendapatan mereka bertambah dan kalau saya tidak salah, masalah penyakit itu memanglah ada tetapi pada saya ialah cara kita mengendalikannya. Insya-Allah jawatankuasa yang berkenaan dan juga agensi yang terlibat dengan ternakan udang harimau ini akan terus berusaha untuk menyelesaikan masalah penyakit ini. Terima kasih.

4. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pertanian menyatakan, tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil untuk membantu para pekebun lada hitam yang menghadapi masalah kewangan dengan jatuhnya harga komoditi tersebut sejak lapan tahun yang lalu.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil berat dan mengambil tindakan bagi membantu para pekebun lada hitam termasuk pekebun yang menghadapi masalah kewangan dengan kejatuhan harga komoditi lada hitam. Di antara tindakan-tindakan tersebut adalah;

- (i) Kementerian Pertanian melalui Jawatankuasa Pertanian Sarawak terus menyediakan bantuan kepada pekebun kecil melalui pelaksanaan program pengeluaran lada iaitu *production scheme*. Program ini meliputi penanaman baru dan peningkatan produk pokok lada matang semasa harga rendah di mana petani diberi bantuan berupa input-input pertanian dan kemudahan infrastruktur. Di samping itu juga petani digalakkan dan diberi bantuan bagi menjalankan aktiviti kepelbagaian tanaman agar mereka dapat mengusahakan aktiviti pertanian yang lain untuk menambahkan punca pendapatan;
- (ii) Kementerian Pertanian melalui Jemaah Pengawasan Lada Hitam (JPLH) menjalankan usaha-usaha seperti berikut:
  - (a) menyediakan kemudahan pemprosesan di peringkat asas untuk menggalakkan pekebun mengeluarkan lada berkualiti eksport dan produk-produk tambahan yang bernilai seperti lada putih krim dan lada hitam bersih asli yang mendapat galakan harga premium;

- (b) melaksanakan skim penyimpanan dan penyelidikan lada di mana para pekebun digalakkan menjual lada pada masa harga tinggi dan menyimpan lada pada masa harga rendah; dan
- (c) melalui aktiviti pemberian secara langsung di peringkat ladang, membantu mereka bagi mewujudkan persaingan kawasan yang sihat dan pengeluaran harga yang kompetitif kepada pekebun-pekebun.

Kita amat menggalakkan amalan perdagangan yang sihat di kalangan perantara serta pekebun supaya mendapat pulangan yang lebih tinggi.

Kementerian Pertanian telah meneruskan peruntukan tambahan sebanyak RM23.2 juta bagi membantu pekebun kecil lada bagi menyelenggarakan tanaman dan meningkatkan kualiti pengeluaran lada hitam dan ditambah nilai. Terima kasih.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen di atas jawapan itu. Kita memang amat berterima kasih kepada kerajaan di atas usaha-usaha dan tindakan yang telah dan akan diambil bagi membantu para pekebun lada kita.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi memang baik dan bagus. Akan tetapi atau malangnya ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Seputeh jangan bising, jangan ganggu. Yang Berhormat bagi Seputeh tidak ada kena mengena dengan lada. Jadi usaha banyak diambil malangnya usaha-usaha ini tidak nampak begitu berkesan. Para pekebun lada di seluruh negeri Sarawak yang dianggarkan isi rumah atau melibatkan keluarga 60,000 masih merungut kerana dengan harga lada yang begitu rendah, mereka masih hidup dalam keadaan yang daif.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya lima tahun yang lepas kerajaan telah menubuhkan satu skim iaitu skim yang dipanggil Skim Bantuan Getah. Dalam mana di bawah skim itu, bagi setiap susu getah yang dijual, kerajaan memberi subsidi sebanyak 30 sen. Soalan saya, bagi meringankan bebanan yang dipikul oleh para pekebun lada kita dalam mana harga lada begitu rendah sekarang, saya berfikir kalau kerajaan boleh memberi subsidi, tubuhkan satu skim yang boleh dipanggil sebagai Skim Bantuan Lada dalam mana bagi setiap kilo lada yang dijual subsidi RM2 harus diberikan. Adakah kerajaan bersedia menubuhkan skim yang boleh dipanggil Skim Bantuan Lada ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang prihatin dengan kegelisahan pekebun-pekebun kecil lada hitam kerana mereka adalah tersebar luas dalam kawasan Sarawak. Jadi buat masa sekarang kita belum ada bantuan yang serupa yang kita boleh berikan. Walau bagaimanapun pihak kementerian akan berbincang dengan kerajaan negeri supaya mungkin cadangan Yang Berhormat boleh diutarakan kepada pihak Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum pertanyaan, saya ingin menerangkan bahawa istilah yang patut kita gunakan adalah lada bukan lada hitam oleh kerana di Sarawak pengeluaran lada dibahagikan kepada dua; lada hitam dan lada putih. Jadi nama untuk kesemuanya adalah lada.

Pertanyaan saya, saya ingin tahu sama ada kementerian dapat membantu pengeluar-pengeluar serta penanam-penanam lada memasarkan lada mereka dari kebun hingga ke negeri, selepas negeri hingga ke luar negeri supaya kita dapat menstabilkan harga lada ini dan seterusnya juga, adakah kementerian ingin membuat kempen

menggunakan lada di seluruh dunia seperti yang pernah dijalankan oleh pengeluar-pengeluar bahan utama di negara-negara yang lain?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Ya, memang ada kementerian pasarkan lada ke seluruh dunia malahan kita telah mengadakan pelbagai program termasuklah mengadakan *value added* di peringkat ladang terus ke pasaran dunia seterusnya ke negara lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua, malahan kita telah mengadakan promosi di hotel-hotel berkenaan dan juga di merata-rata iaitu dengan adanya Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negara. Usaha ini akan diteruskan supaya kita harap supaya harga lada akan meningkat dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

5. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah wawasan, sekolah Kebangsaan, S.R.J.K (China) baru (tidak termasuk apa yang dijanjikan dalam pilihan raya umum 1999) dan S.R.J.K (Tamil) baru yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dengan butiran lokasi dan tarikh jangka siap.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sejumlah 198 projek sekolah rendah baru telah dirancang untuk pembinaan. Dari jumlah tersebut sebanyak:

Projek	Jumlah
Sekolah Kebangsaan	191
SJK(C)	6
SJK(T)	1

Misalnya dalam rancangan itu juga kita telah memasuki SJK(C):

Sekolah	Jumlah
Bina Baru	6
Tambahan	25
Gantian	5
Jumlah	36

SRJK(T):

Sekolah	Jumlah
Bina Baru	1
Tambahan	8
Gantian	7
Jumlah	16

Jadi, projek baru SJK(C) Yang Berhormat pohonkan tadi iaitu:

- (i) SJK(C) Cornought II di Selangor dan Wilayah Persekutuan;
- (ii) SJK(C) Ong Fong 2 Ampang, Selangor;
- (iii) SJK(C) Fui Chye II Damansara;
- (iv) SJK(C) Desa Jaya II, Selangor;

- (v) SJK(C) Taman Johor Jaya, Johor; dan
- (vi) SRK(C) Tun Tan Cheng Lock, Subang Jaya.

Projek baru SJK(T) ialah SJK(T) Tun Sambanthan di Subang Jaya. Terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun perlembagaan negara ini memberi jaminan kepada rakyatnya bahawa semua kaum menikmati hak dan kebebasan untuk mempelajari bahasa ibunda mereka. Tetapi hakikatnya ialah peluang untuk mempelajari bahasa ibunda oleh kaum Cina dan India semakin berkurangan dan tersekat. Ini boleh dibuktikan Tuan Yang di-Pertua daripada angka-angka rasmi.

Misalnya, apa yang saya ingin meneruskan dan menjadikan soalan saya, pada tahun 1970 bagi SJK(C) - 1,342 buah wujudnya. Tetapi ke tahun 2000, jumlah bilangan SJK(C) telah dikurangkan menjadi hanya 1,284 iaitu kurang 62 buah. Walaupun dalam tempoh yang sama, bilangan murid-murid SJK(C) telah bertambah sebanyak 183,000 orang. Bagi SJK(T) pula, pada tahun 1970, jumlah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup setakat itu Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... jumlah SJK(T) ialah 657 buah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Sampailah. Sampailah.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... dan sampai ke tahun 2000.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... jatuh ke 526 buah, kurang 131 buah. Walaupun pada tempoh yang sama, pada Disember jika dibandingkan dengan tahun 1970, bilangan murid-murid SJK(T) bertambah sejumlah 11,001 orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Maka.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dah panjang dah tu.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... dengan fakta-fakta saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengapa terjadi .....

**Puan Chong Eng:** Keadaan.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... keadaan yang paling tidak seimbang dan tidak adil ini dan apakah rancangan dasar kerajaan dapat diubahkan berasaskan prinsip keadilan dan berasaskan dasar meregularisasikan pembinaan SJK(C) dan SJK(T) supaya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... di mana-mana kawasan juga .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cheras. Cukuplah. Cukuplah [*Dewan riu*]

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... pembinaan sekolah rendah baru .... [*Dewan semakin riu*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah.

**Seorang Ahli:** Okey. Okey cukup.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*] [*Dewan masih riu*]

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... dipertimbangkan dengan kepadatan penduduk dan keperluan kaum-kaum .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... kawasan-kawasan tertentu. Kerana ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat. Ini berucaplah Yang Berhormat. Cukuplah. Dua soalan sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... ini bukan kata, ini masalah yang tulen, yang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cheras, dua soalan sahaja saya bagi Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila duduk. Hem. Dua soalan sahaja saya bagi. Sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Pertama sekali saya beranggapan, ini anggapan saya, Yang Berhormat tidak membaca Akta Pendidikan 1996. Yang Berhormat tidak memahami akan Dasar Pendidikan Kebangsaan, satu.

Dua, Yang Berhormat kata tidak adil dan tidak seimbang dan sebagainya mengenai dengan jaminan kita dalam perlembagaan mengenai dengan bahasa ibunda termasuk Akta Pendidikan yang mana Yang Berhormat tidak faham. Sekolah Kebangsaan sekalipun sekiranya ada murid 15 orang, sekurang-kurangnya 15 orang kalau memohon untuk diajar bahasa ibunda, kita beri peluang. Kita mengadakan guru.

Jadi, Yang Berhormat kata tidak ada, ini tidak benar.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini bukan soal *election*. Yang Berhormat dengar dahulu apa yang saya cakap. Tadi Yang Berhormat berpeluang bercakap, ini beri saya peluang bercakap *[Disorak]* Dengar! Bila kita dengar, baru kita tenang. Tenang Yang Berhormat Cheras. Saya tahu Yang Berhormat Cheras dah gelabah sekarang ini, Barisan Nasional makin mendapat populariti di kawasan Cheras *[Dewan riuh]* Saya tahu ini Yang Berhormat hendak guna ini untuk kempen pilihan raya nanti. Dengar saya bercakap dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam perlembagaan memang kita beri jaminan. Sekolah-sekolah kita beri jaminan kalau dalam bahasa ibunda, bahasa apa sekali pun kalau dipohon, kita beri termasuk Sabah dan Sarawak.

**Tuan Jimmy Donald:** Betul. Betul. Betul.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kita adakan. Bahasa Mandarin, juga kita benarkan. Kita izinkan. Jadi, Yang Berhormat jangan katakan kita meniadakan pembelajaran, pengajaran bahasa Cina.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Membantah]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Baik. Saya akan jawab itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jangan bimbang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Setiausaha Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kemudian mengenai dengan penubuhan sekolah SJK(C) dan SJK(T). Yang Berhormat bagi *figure* tahun 1970. Sekolah itu sudah dibina. Sudah dibina.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, sekolah itu sudah dibina. Dan ..... duduk. Duduk Yang Berhormat, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekolah itu sudah pun dibina. Sekarang ini sekolah macam saya sebutkan tadi. Ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Yang Berhormat minta. Yang Berhormat bangkitkan *figure* itu yang sudah kita tubuh, sudah diadakan. Jadi apa lagi Yang Berhormat hendak.

Jadi, begitu juga saya ingin jelaskan pertambahan murid, sebab itu perancangan kita dalam segi bajet kita 2004 sudah saya bahas mengenai itu. Dan jangan sekali lagi dibangkit mengenai dengan diskriminasi terhadap SJK(C) dan SJK(T). Ini jangan kita bangkitkan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebab saya kata begitu, sebab .....

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Bangun*] [*Menyampuk*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Alah, DAP diamlah [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setiausaha Parlimen, cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** DAP pasal pendidikan Cina ini, MCA lebih *champion* lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Pendidikan Cina, ini .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sini MCA. Jadi, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya katakan tadi, kita telah beri segala macam kemudahan. Ini tidak termasuk lagi segala bayaran gaji kepada guru, elaun dan buku-buku teks dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini telah kita lakukan. Terima kasih.

6. **Tuan Joseph Mauh Ak. Ikeh [Selangau]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bilakah pembekalan elektrik, air dan telefon kepada rumah panjang dan kampung-kampung di sepanjang jalan raya Selangau, Ulu Balingian, Tatau dan jalan raya Selangau-LKTS, Balingian-Mukah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan merancang untuk melaksanakan....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Tuan Fong Kui Lun:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini pernah buat Yang Berhormat, kita beri satu soalan, bukan tidak pernah buat. Soalan nombor 6, Yang Berhormat. Duduk Bukit Bintang, Cheras, Seputeh, sama dengan Bukit Bintang. Nanti ramai keluar, susah.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan merancang untuk melaksanakan dua projek perbekalan elektrik secara gred iaitu di rumah Ugai di sebelah Selangau dan rumah Umpul di sebelah Tatau bernilai RM10.82 juta pada tahun 2004. Bagi maksud pembekalan air ke kedua-dua kawasan yang dimaksudkan di atas, kerajaan negeri belum lagi mengemukakan cadangan mereka kerana peruntukan yang disediakan perlu memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan lain yang lebih mendesak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bagi bekalan telefon ianya di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia. Dalam hal ini Yang Berhormat bolehlah mengemukakan permohonan mengenainya kepada kementerian berkenaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Selangau.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Soalan tambahan, setakat ini berapa peratuskah daripada jumlah penduduk kurang lebih 6,000 buah rumah panjang dan kampung-kampung di seluruh Sarawak telah dibekalkan dengan kemudahan asas seperti telefon, air yang bersih, bekalan elektrik dan bilakah agaknya *time frame* bahawa negeri Sarawak akan dapat bersama-sama dengan negeri di Semenanjung menikmati kemudahan asas tersebut? Sekian terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman kita menasaskan bahawa sekarang ini bekalan air dan bekalan elektrik bagi negeri Sarawak adalah dalam lingkungan 82% - 86% dan kita menasaskan bahawa dalam tahun 2010 kita akan mencapai, insya-Allah 100%, seperti juga yang ada di Semenanjung. Terima kasih.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Jimmy Lim Donald:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kubang Kerian.

**Beberapa Ahli:** Duduk di Sarawakkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan biar berkaitan dengan ini, Yang Berhormat, ya.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ya berkaitan. Saya rakan baik Yang Berhormat bagi Selangau

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya hendak bertanya kementerian berkenaan dengan mini-hidro yang dibina pada tahun 1999 dekat dengan pilihan raya untuk menjanjikan bekalan elektrik kepada penduduk luar bandar di Sarawak yang kemudiannya apabila dibina, airnya mengikut laporan NST setakat buku lali sahaja, air sungai tersebut. Ada tiga mini hidro-elektrik yang telah dibina dengan kos, saya ingat, dalam RM80 juta. Apakah yang telah terjadi dengan mini hidro tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi memastikan rakan-rakan saya pengundi di Selangau mendapat bekalan elektrik secepat yang mungkin?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mengenai dua mikro hidro-hibrid yang disebutkan, hanya dua dan sedikit punya jauhnya dari Selangau. Satu, Telok Melanau, satunya di Bario, memang jauh. Tetapi ...

**Beberapa Ahli:** Tak pernah pergi ke Sarawak! *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, ini ada satu lagi yang baru Yang Berhormat iaitu Bakun. Insya-Allah, semua ini akan kita laksanakan dan untuk makluman Yang Berhormat mengenai yang kedua ini memang Kementerian Pembangunan Luar Bandar sudah tahu masalah dan kita juga sama seperti Yang Berhormat, dan kita semua merasakan insya-Allah kita akan mencari satu langkah untuk kita mencari jalan supaya kedua-dua ini dapat kita pulih atau buat cara alternatif lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

7. **Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah simpanan air di setiap negeri di Malaysia. Apakah benar, negeri-negeri seperti Kelantan dan Terengganu mempunyai simpanan air yang cukup dan mampu untuk menampung kekurangan air di negeri-negeri lain.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff:** Jawab baik-baik, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah beritahu, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Yong Khoon Seng:** Apa ini, Yang Berhormat Bachok? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak payah jawablah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah simpanan air di negara ini boleh ditentukan berdasarkan kepada keseimbangan hidrologi yang dibahagikan kepada empat kategori seperti berikut:-

- (i) air hujan (*rain fall*), dengan izin;
- (ii) air larian di permukaan (*surface runoff*), dengan izin;
- (iii) air di bawah tanah (*ground water*) *recharge*, dengan izin; dan
- (iv) air tersejat (*evapo-transpiration*), dengan izin.

Berikut ianya adalah keseimbangan hidrologi simpan air secara keseluruhan mengikut negeri dan kuantiti jumlah simpanan. Saya cuma memberikan satu angka bagi satu negeri untuk mempercepatkan jawapan saya. Angkanya tergelung sebagai jumlah simpanan air dalam bilion meter padu setahun.

Negeri	Bilion Meter Padu Setahun
Sarawak	952
Sabah	388
Pahang	160
Perak	100
Johor	90
Terengganu	86
Kelantan	78
Kedah	46
Selangor	35
Negeri Sembilan	28
Melaka	6
Pulau Pinang	6
Perlis	4

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini jumlah simpanan air di negeri Kelantan dan Terengganu adalah mencukupi bagi menampung permintaan di kedua-dua negeri tersebut. Walau bagaimana, pun permintaan air mentah dari kedua-dua negeri ini dan negeri-negeri lain khususnya negeri di Pantai Barat adalah tidak praktikal memandangkan ia melibatkan kos yang tinggi, akibat daripada kedudukan geografi yang dipisahkan oleh Banjaran Titiwangsa. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Bachok.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Jawapan daripada Timbalan Kerja Raya pada hari itu memberitahu bahawa sumber air bagi sebelah Pantai Timur banyak kerana aliran sungai mengikut geografinya banyak ke Pantai Timur. Jadi empat kategori sumber air yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kesimpulannya kita lihat di setiap negeri Sabah dan Sarawak memang tertinggi kerana jumlah air sungai yang terlalu banyak. Kes Kelantan dan Terengganu ini kita dapati memang mencukupi dan memang ada hasrat untuk dua buah kerajaan negeri menyalurkan bekalan air.

Dalam kes perundangan macam mana penyelaras boleh dibuat di antara negeri? Boleh *integrated* atau tidak dari sudut perbekalan air? Sebab kita tahu TNB kita ambil contoh menggerakkan jana kuasanya menggunakan air di negeri Kelantan bagi hidro di Pergau dan juga Kenyir di Terengganu, sumber air itu yang menggerakkan jana kuasa dan boleh membekalkan jana kuasa ke seluruh negara. Bagaimana dengan kes air untuk kita *integrated* dari sudut penyelarasan antara negeri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah jawab tadi. Oleh kerana *mountain range* Titiwangsa ini kosnya memang tinggi. Saya beri satu contoh di mana kita telah pun berminat untuk memindahkan air dari Pahang ke Selangor atau ke Wilayah Persekutuan, dia pun tiada *mountain range* juga tetapi kosnya dalam 40 kilometer kita memerlukan RM4 bilion untuk di sini sahaja. Kalau kita memindahkan air dari Kelantan atau Terengganu pergi ke Selangor mungkin akan mengambil kos berpuluh-puluh bilion. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut.

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tidak apalah Kelantan hendak meminum air keruh, dia punya fasal lah, di bawah PAS. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat tentang lembaga sungai-sungai ini yang telah diwujudkan di Sarawak. Apakah di Kelantan sudah diwujudkan dan juga Terengganu. Ini penting kerana sungai juga merupakan salah satu sumber untuk kegunaan air. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tahu ada Lembaga Sungai di Sarawak dan saya tidak pernah dengar adanya Lembaga Sungai di Kelantan...

**Beberapa Ahli:** Ada, ada!

**Datuk Yong Khoon Seng:** Sumber air sebenarnya kalau kita ikut 4 kategori yang saya kata tadi, kebanyakan memang tertakluk kepada cuaca dan air hujan. Ianya ada lebih 50% sumber air datang dari hujan dan dari lain sumber juga akan bergantung kepada hari kalau tiada hujan. Kerana *surface water* kah, lain itu semuanya bergantung kepada air hujan. Saya hendak tahu dari Kelantan kalau adanya lembaga menjaga kebersihan sungai itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Yong Khoon Seng:** Mungkin saya tidak tahulah atau tidak dengar.

8. **Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi bantuan ataupun skim pencegahan kebakaran kepada kampung-kampung dan rumah panjang untuk menggalakkan mereka menubuhkan pasukan Bomba Sukarelawan di kampung ataupun rumah panjang masing-masing.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan pasukan bomba sukarela seluruh negara bagi membantu menangani kejadian kebakaran di kawasan setempat termasuk di kampung-kampung dan di rumah panjang. Bantuan juga telah disalurkan pada pasukan bomba sukarela untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan mereka semasa menentang kebakaran. Antara bantuan yang disalurkan adalah seperti berikut:

- (i) Membekalkan peralatan asas tentang kebakaran iaitu pam angkut berserta aksesori antara tahun 1983 sehingga 2002 sebanyak 310 unit pam angkut berserta aksesori telah diagihkan. Bantuan ini termasuk kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- (ii) Pada tahun 2002 dan 2003 sebanyak 10 buah jentera bomba terpakai yang disumbangkan oleh Kerajaan Jepun telah diagihkan kepada pasukan bomba sukarela dan ada 10 buah lagi masih lagi dalam agihan.
- (iii) Latihan dan kursus berkaitan teknik menentang kebakaran secara berterusan telah diadakan bagi memantapkan lagi kemahiran pasukan bomba sukarela. Balai bomba yang berdekatan dengan pasukan bomba sukarela telah dipertanggungjawabkan mengendalikan latihan yang ditetapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Baram.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat menteri tadi, saya berharap peralatan-peralatan ataupun bantuan yang diberi kepada kawasan luar bandar itu akan disalurkan kepada Sabah dan Sarawak jugalah. Jadi soalan saya, salah satu daripada sebab-sebab kebakaran berlaku di rumah panjang ini ialah kerana reka bentuk rumah tersebut tidak dibina mengikut reka bentuk yang selamat. Saya ingin bertanya apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi membantu penduduk-

penduduk rumah panjang ataupun kampung-kampung supaya mereka ini boleh membina rumah yang mempunyai reka bentuk yang sesuai dan selamat daripada kebakaran? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang adalah satu cadangan yang baik supaya kalau dapat Jabatan Bomba dan Penyelamat memberi pandangan terutamanya kepada penduduk-penduduk rumah panjang dari segi keselamatan mencegah kebakaran. Ianya bukan sahaja reka bentuk itu penting kalau dapat buat sesuatu untuk mengelakkan kebakaran itu daripada merebak dengan cepat, kesedaran seperti kempen mencegah kebakaran dari segi bagaimana mereka menggunakan alat-alat dan bahan-bahan yang senang dan mudah terbakar, adanya pemadam-pemadam api dan juga pengetahuan asas apabila berlakunya sesuatu. Semua itu adalah sebahagian daripada kempen mencegah kebakaran di seluruh negara. Jadi saya amat tertarik kalau dapat kerjasama daripada pemimpin-pemimpin khususnya mereka daripada komuniti rumah panjang di mana Jabatan Bomba di Sarawak saya akan beri arahan kepada mereka supaya memperhebatkan lagi kempen di kalangan penduduk rumah panjang dan juga dari segi reka bentuk kita boleh kaji bagaimana suatu nasihat boleh diberi secara teknikal.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2004**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2004**

##### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2004 dan Anggaran Pembangunan 2004 dalam Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis" *[Hari Keduabelas]*

##### ***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhammad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.48 [Jadual] -**

**Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2004]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Jadi saya minta Timbalan Menteri menyambung jawapan semalam.

**11.06 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Pengerusi, saya mohon jawab terus..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Terus yang lain ya.

**Dato' S. Veerasingam:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Sila, sila.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Dato' S. Veerasingam:** Berkaitan dengan soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Batu Gajah semalam mengapa mangsa tidak mendapat layanan yang baik dan sebagainya, mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 peruntukan untuk

mendapatkan MPO hanya memerlukan laporan polis sahaja. Jabatan berterima kasih sekiranya Ahli Yang Berhormat ada memberi maklumat lanjut mengenai kes ini supaya JKMM dapat menyasat kedudukan kes dengan lebih teliti lagi. Walau bagaimanapun, kes-kes yang dibangkitkan dipandang serius akan disiasat. Jika Yang Berhormat sudah memberi laporan dan jika pegawai-pegawai saya tidak mengambil tindakan, Yang Berhormat boleh sampaikan maklumat itu kepada saya dan kita akan mengkaji mengapa tindakan yang sepatutnya diambil tidak diambil.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah jawapan standard yang diberi bukan sahaja oleh Kementerian ini tetapi semua menteri memberi jawapan yang *standard* kalau ada apa-apa kes boleh sampaikan kepada Kementerian yang berkenaan. Saya rasa sepatutnya Kementerian ini telah menerima memorandum ke atas kelemahan-kelemahan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga dan juga perkara ini telah di bincang secara panjang lebar oleh Kementerian Pembangunan Wanita dengan wakil-wakil NGO.

Saya dimaklumkan bahawa sebanyak 23 kali mesyuarat telah diadakan dan sekarang laporan itu telah diserahkan kepada Kementerian Yang Berhormat. Saya rasa tindakan yang lebih proaktif oleh Kementerian ialah untuk mengikut laporan itu dan memantau dan memeriksa sistem yang di bawah Kementerian, ini bukan kes bukan *case by case basis*, sistem atau mekanisme di dalam Kementerian telah mewujudkan kelemahan yang besar. Kemungkinan kerana tidak cukup sumber-sumber dan tidak cukup kakitangan.

Jadi, saya tidak mahu menerima jawapan seperti ini 'kalau ada kes boleh sampaikan' kerana kita bukan kata di sini satu kes, dua kes, tiga kes, ini adalah secara keseluruhan sistem dan mekanisme telah ada kelemahan. Sekian, terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kes tertentu telah dirujuk dan saya jawab kerana kes yang tertentu jika tindakan tidak diambil tolong beritahu kerana pegawai-pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa prihatin dan mengambil tindakan apabila dibuat laporan dan laporan kegunaan rumah tangga perlu dibuat melalui pihak polis. Itupun adalah satu perkara yang penting dan tindakan mesti diambil apabila perkara itu disampaikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui pihak polis

Jadi, jika ia tidak berlaku seperti yang ada di dalam akta, kita boleh mengambil tindakan terhadap sesiapa yang tidak menjalankan tugas. Tetapi apa Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sebutkan adalah satu perkara yang lain, iaitu berkaitan dengan Akta Keganasan Rumah Tangga sendiri yang perlu diubah seperti yang sedang dilakukan.

**Puan Fong Po Kuan:** [Bangun]

**Dato' S. Veerasingam:** Tidak lama lagi ia akan dibentangkan di Parlimen supaya apa juga kelemahan-kelemahan yang ada itu boleh diperbetulkan. Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Semalam Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bahawa kes yang saya bangkitkan adalah satu *isolated case*, dengan izin. Hari ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa saya tidak menerima layanan yang baik terhadap kes ini dan pegawai juga tidak menjalankan tugas mengikut akta.

Bukan persoalan ini yang saya harapkan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Masalahnya adalah berkenaan sistem keseluruhannya, pengendalian kes kegunaan rumah tangga. Saya bukan tujukan kepada mana-mana pegawai. Itu harus diambil perhatian. *I'm not referring to a particular officer which has not given me a fair treatment*, atau tidak menjalankan tugas mengikut akta ini. Saya menekankan kepada kefahaman dan kelemahan keseluruhan sistem ini.

Saya pohonkan satu penjelasan sebab saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat supaya jangan bila sampai ada Dewan bermesyuarat baru kementerian kata, "Oh, ada apa-apa kes, bangkitkan". Perkara ini sudah dilaporkan dalam surat khabar dengan begitu besar [Menunjukkan keratan akhbar] berkenaan kelemahan sistem untuk menangani masalah mangsa kegunaan rumah tangga. Jadi, saya pohon satu jawapan yang lebih baik. Saya bukan hendakkan satu layanan baik untuk kes yang saya bawa

tetapi saya mahu satu layanan yang saksama untuk semua mangsa yang pergi ke jabatan untuk meminta perlindungan.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, mengenai soalan yang saya diminta oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah mengapa mangsa tidak mendapat layanan yang baik oleh JKMM, kenyataan itu Yang Berhormat sendiri yang telah sebut. Sebab itu kalau kes individu yang tidak mendapat layanan, tolong beri tahu tetapi pada keseluruhannya, setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil tindakan. Kalau jabatan ini tidak mengambil tindakan maknanya keganasan boleh berlaku di mana-mana tempat juga.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi nampaknya macam tidak ada tindakan langsung, kerajaan tidak mengambil tindakan, membiarkan sahaja keganasan berlaku begitu sahaja. Itu tidak benar dan tidak betul, Yang Berhormat. Tindakan sentiasa diambil tetapi jika ada kelemahan kerana NGO-NGO ada mengemukakan beberapa perkara, tindakan sedang diambil dan apa-apa kelemahan yang perlu dibetulkan akan diperbetulkan. Biasa berlaku macam itu. Banyak perubahan kita telah buat dalam undang-undang yang sedia ada, seperti Akta Kanak-kanak ini, semuanya adalah di atas permintaan NGO-NGO. Kita sentiasa peka kepada masalah yang dibawa oleh NGO-NGO. Jadi, kita tidak perlu pertikaikan perkara ini kerana ini adalah satu perkara yang mustahak dan yang kita sama-sama bertanggungjawab dan kita sama-sama akan mengambil tindakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Dato' S. Veerasingam:** Err, okay. *[Memberi jalan kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]*

**Puan Chong Eng:** Terima kasih. Saya rasa pihak kementerian apabila diberi teguran selalunya mengambil pendirian yang ekstrem. Peranan kami adalah untuk menyampaikan ada kelemahan dari segi mekanisme. Apa yang kami harapkan ialah kenyataan bahawa kementerian akan memantau dan memperbaiki sistem kalau ada kelemahan. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa tindakan selalu diambil untuk mencegah keganasan rumah tangga. Saya rasa ini adalah tidak betul. Tindakan yang boleh diambil ialah mengendalikan kes keganasan rumah tangga. Kalau saya tidak tahu apakah tindakan yang diambil untuk mencegah keganasan rumah tangga, sila beri tahu. Ini yang pertama.

Yang kedua, saya ingin mendapat jawapan spesifik dalam permohonan IPO yang selalunya menghadapi masalah. Pihak polis mengatakan pihak Jabatan Kebajikan yang akan buat; pihak Jabatan Kebajikan pula kata mereka tidak ada masa, tidak senang, boleh tunggukah. Perkara untuk memohon IPO ini adalah *urgent*. Mana boleh tunggu sampai kakitangan Jabatan Kebajikan ada masa? Jadi, inilah masalah di *grass-root* yang kami dan juga NGO tahu. Saya rasa, kalau boleh, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen perlu mempunyai sikap yang lebih terbuka untuk menerima pandangan dan juga teguran kami. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, kita tidak sebut, kita tidak terima pandangan daripada NGO, dan setakat ini kita menerima pandangan-pandangan dan saya juga beri tahu tadi bahawa berkaitan dengan Akta Keganasan itu, kita sedang dalam proses membuat penggubalan dan ia akan dilaksanakan tidak lama lagi. Kita tidak boleh beri tahu satu tarikh yang tepat bila ia boleh dilaksanakan tetapi ia tetap akan dilakukan. Berkaitan dengan pencegahan juga, apabila kita ada program-program keibubapaan dan lain-lain, kita memberi tahu tentang mustahaknya menjadi satu keluarga penyayang, satu keluarga di mana ibu bapa dan anak-anak boleh hidup dalam suasana yang gembira. Kalau ibu, suami dan isteri sentiasa bergaduh dan berlaku keganasan, anak-anak didera, keluarga itu tidak akan menjadi bahagia.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Dato' S. Veerasingam:** Jadi, ada banyak program yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui beberapa agensi Rukun Tetangga, Jabatan Perpaduan Negara. Kita ada banyak program. Satu lagi perkara Yang Berhormat sebut tadi ialah

tentang bilangan pegawai yang dikatakan tidak mencukupi. Macam pihak polis dan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat memang ada masalah tetapi baru-baru ini kementerian saya telah mengambil lebih 400 orang pekerja bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mereka telah ditempatkan di semua daerah. Saya berharaplah masalah yang berkaitan ini dapat diatasi. Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Setiausaha Parlimen. Persoalan sekarang ialah pegawai yang kena membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga ini tidak fasih undang-undang. Saya hendak tahu berapa kerapkah pihak kementerian ada memberi kursus kepada mereka? Jangan kata program keluarga bagi ibu bapa, kalau ibu bapa bergaduh anak-anak tidak akan bahagia. Semua ini secara am semua orang tahu. Sekarang masalah ialah pegawai yang di hadapan dan menjalankan tugas untuk memberi bantuan kepada mangsa tidak fasih tentang undang-undang.

Saya hendak sebutkan tentang kes saya bersama dengan pengadu itu. Pihak NGO juga memaklumkan kepada saya apabila saya bawa mangsa ini pergi ke tempat perlindungan mereka, dia kata, "Semua sama". Mereka tidak fasih undang-undang. Saya katakan bukan mereka tidak mengambil tindakan langsung. Saya ajar dia, ini akta kata apa-apa Jabatan Kebajikan perlu buat, baru dia pergi buat. Usaha ini, saya ajar dia, saya nasihat dia. Bayangkan kalau orang biasa, tambahan pula seorang yang berpendidikan bersama dengan seorang wanita, pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat seorang diri, bayangkanlah apa yang dia akan hadapi, *like a ping pong ball*. Saya bersama mangsa pergi ke balai polis, polis pula minta dia pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bila sampai di sana, suruh dia sendiri pergi ambil laporan polis. Ulang-alik, *I was like a driver*, dengan izin, ulang-alik bawa dia ke hospital.

Persoalan sedemikian, bayangkanlah kedudukan seorang wanita mangsa keganasan rumah tangga perlu melakukan semua ini sendiri. Dalam kes ini, dia adalah seorang warga asing. Jadi, ini persoalannya. Berapa kerapkah kementerian ada memberi kursus latihan yang berkenaan dengan akta ini, berkenaan sensitiviti dan kepekaan terhadap mangsa-mangsa keganasan rumah tangga ini?

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih, Yang Berhormat kerana begitu prihatin membawa mangsa berkenaan kepada pihak polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, balik dan sebagainya. Jadi, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Berkaitan dengan kursus, memang kita ada kursus bagi pegawai-pegawai kita dari masa ke masa. Perkara yang Yang Berhormat sampaikan akan diambil kira dan kita sendiri akan menyiasat mengapa pegawai yang berkenaan tidak tahu tentang undang-undang yang ada di situ sebab semua pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat sudah dilatih dan mereka tahu tentang semua undang-undang yang sedia ada.

Baru-baru ini juga kita telah melantik sebanyak 34 *counselors* baru yang boleh membantu di dalam perkara-perkara ini. Tetapi, saya ucapkan terima kasih khasnya kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang begitu prihatin dan jangan kkuatir kementerian saya sentiasa peka dengan masalah-masalah yang disampaikan oleh semua NGO. Kita akan mengambil tindakan. Saya beri jaminan itu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat supaya perkara-perkara yang perlu digubal dalam undang-undang itu akan dilakukan demi kepentingan penduduk-penduduk yang juga perlu bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat yang berkenaan juga telah menyentuh tentang tempat perlindungan dan juga tentang institusi yang digazetkan di bawah Akta Keganasan ini. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengenal pasti 29 buah institusi di bawah JKM sebagai tempat selamat bagi kes-kes KRT. Sungguhpun tempat-tempat ini berada di institusi seperti RSK, tetapi bilik rumah yang dikhaskan itu adalah berasingan dari penghuni lain.

Selain daripada Jabatan kebajikan Masyarakat kita juga mengenal pasti institusi di bawah NGO sebagai tempat selamat. Buat masa kini, hanya tempat-tempat yang digazetkan di bawah JKMM sahaja yang boleh menerima kes-kes keganasan rumah tangga ini. Tempat-tempat ini sahaja di mana Jabatan boleh memberi perlindungan kepada kes-kes seperti ini.

Sebanyak 29 itu dikenal pasti untuk kes-kes IPU yang dikendalikan pada tahun 2001 adalah sebanyak 478 kes, dan pada tahun 2003 adalah sebanyak 587 kes dan sehingga Mac 2003, ialah sebanyak 96 kes.

Yang Berhormat bagi Larut telah menyebut tentang pengemis. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun 2002 sahaja sebanyak 822 kes pengemis telah ditahan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama dengan Dewan Bandaraya dan juga pihak polis sentiasa membuat tinjauan untuk menangkap pengemis-pengemis supaya mereka juga boleh dibantu. Kita juga mendapati ada pengemis-pengemis dari luar negara juga di tempat-tempat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu di Bangsar dan Sri Hartamas, di mana sentiasa pegawai-pegawai kita mengambil tindakan.

Berkaitan dengan bantuan sara hidup.. ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

**Dato' S. Veerasingam:** Ya.

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada kementerian. Saya tertarik mengenai dengan pengemis yang telah pun ditangkap oleh pihak kementerian seramai 822 orang. Apakah tindakan selanjutnya kepada mereka ini? Adakah ditempatkan di rumah orang-orang tua ataupun terus diberikan bantuan Kebajikan Masyarakat seperti mereka yang perlu diberikan bantuan. Terima kasih.

**Dato' S. Veraasingam:** Tuan Pengerusi, yang ditahan juga melalui pihak polis dan dibawa ke mahkamah. Mahkamah akan menjatuhkan hukuman jika mereka ditahan, berapa tahun akan di tempatkan di rumah-rumah perlindungan yang sedia ada, di mana mereka akan menghabiskan masa itu, di masa itu kita berikan latihan.

Latihan, supaya apabila mereka balik, mereka boleh buat satu kerja. Jadi, dengan cara itu kita boleh bantu mereka. Jika mereka adalah keluarga yang miskin, mereka juga akan diberi bantuan mengikut syarat-syarat yang ada pada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Beliau juga telah menyentuh tentang bantuan sara hidup yang ditarik balik. Biasanya bantuan yang diberi bukanlah untuk seumur hidup. Bantuan diberi adalah untuk masa yang singkat. Kita juga berharap dalam masa itu, keluarga itu dapat bekerja dan cukup untuk menguruskan keluarga. Tetapi, apabila dia diberhentikan, dia boleh buat rayuan, jika tidak ada pendapatan lagi, bantuan itu boleh diteruskan.

Yang Berhormat bagi Tumpat telah menyebut tentang anak-anak yatim dan anak-anak orang kurang upaya yang tidak mendapat perhatian. Adalah menjadi dasar Jabatan Kebajikan Masyarakat bahawa anak-anak kurang upaya dan anak-anak yatim diberikan perhatian yang sewajarnya, di mana terdapat program-program khusus disediakan kepada mereka.

Pada tahun 2002, seramai 50,787 orang kanak-kanak daripada 11,841 keluarga telah mendapat bantuan di bawah Skim Bantuan Kanak-kanak yang melibatkan peruntukan RM28.5 juta. Bagi kanak-kanak kurang upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan 274 buah pusat pemulihan dalam komuniti yang boleh menampung seramai 6,500 kanak-kanak kurang upaya yang dapat latihan dan pemulihan di seluruh negara.

Di samping terdapat 5 buah Taman Sinar Harapan yang boleh menampung 840 orang kurang upaya untuk menjalani latihan dan pemulihan. Manakala kanak-kanak kurang upaya yang boleh mengikuti pelajaran, mereka berpeluang mengikut pelajaran formal melalui program pendidikan khas di sekolah-sekolah khas, kelas integrasi dan *inclusive* di mana dianggarkan 11,000 orang kanak-kanak sedang mengikut program tersebut. Di bawah Bajet 2004, kerajaan akan memberi elaun RM20 hingga RM40 bagi setiap kanak-kanak kurang upaya yang mengikuti program khas.

Bantuan diberhentikan tanpa sebab, yang dibawa oleh Ahli Parlimen bagi Tumpat, sudah jawab tadi, sama dengan Larut. Bantuan yang diberikan oleh JKM adalah sementara

sehingga seseorang itu mampu berdikari. Ia dikaji semula setiap 6 hingga 12 bulan sekali. Bantuan yang diberi boleh menampung keperluan ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

**Dato' S. Veerasingam:** Oh! Sudah mari.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang saya bangkitkan semalam ialah mereka yang dapat saaraan hidup, hendak tidak hendak, siapa lagi hendak bela mereka. Kalau hendak tunggu mereka, ditarik balik bantuan tersebut, sebagai contoh, kemudian hendak tunggu pula sumber lain, memang tidak ada.

Jadi, yang saya bangkitkan ialah supaya dilihat kalau bantuan tersebut dikeluarkan kenapa ditarik balik? Itu sahaja. Jikalau ditarik balik bererti dia tidak ada punca pendapatan yang lain. Kalau ditarik balik kerana melihat dia ada punca-punca lain, saya rasa ini tidak timbullah. Itu maksud saya semalam, yang saya bangkitkan.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, itu yang saya jawab tadi, kita beri 6 hingga 12 bulan, tetapi jika pendapatan keluarga masih kurang iaitu di bawah RM400, bantuan ini akan diteruskan, walau dalam masa 6 bulan atau 12 bulan itu, jika keluarga itu pendapatannya meningkat lebih daripada RM400, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat akan berhenti supaya mereka boleh uruskan diri sendiri. Jika, warga tua dia tidak ada siapa-siapa dan jika dia perlu bantuan itu diteruskan, mereka akan diberi bantuan berterusan.

Jadi, kalau ada kes-kes di mana mereka dihentikan dan jika pendapatan keluarga itu masih kurang daripada syarat-syarat yang ada di Jabatan Kebajikan Masyarakat, maka pemberian itu boleh diteruskan, jadi mereka boleh membuat rayuan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut. Pada fahaman saya, satu peruntukan itu diberi dalam satu tempoh waktu, setahun katakan. Kemudian pemohon kena mohon balik. Jadi, masalah yang timbul apabila pemohon terdiri daripada orang yang cukup daif. Jadi, kepada dia, hendak mohon semula itu merupakan satu proses yang susah. Tidakkah boleh di pihak Jabatan, dikategorikan orang-orang yang dapat peruntukan daripada Jabatan, kalau dia kategorikan orang yang tua, daif, yang buta huruf dan sebagainya, *treatment* kepada orang yang macam ini berbeza dengan orang yang ada secara fizikalnya lebih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, memang kita melakukan macam itu apabila kajian dibuat untuk memberi sumbangan itu, pada masa itu kita tahu ada seorang anak barangkali umur dia 18 tahun, habis belajar dijangka akan bekerja dalam enam bulan lagi, orang seperti itu kita berhenti sumbangan. Selepas masa itu jika anak itu tidak dapat pekerjaan lagi, jadi pemohon perlu memberitahu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bahawa anak itu belum dapat pekerjaan lagi supaya diteruskan sumbangan. Tetapi jika dia tidak ada siapa dan semasa kajian dibuat dia adalah seorang diri, dia tiada keluarga, dia tiada anak dan perlu bantuan seterusnya, bantuan itu akan diteruskan.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Bolehkah tidak Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada menunggu orang hendak memberi laporan, memaklumkan ini adalah orang yang miskin, yang memerlukan bantuan, dia tidak ada anak, tidak ada saudara mara sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi. Jabatan Kebajikan Masyarakat hendaklah mengadakan satu banciaan berterusan, jangan menunggu sehingga ada laporan barulah pihak jabatan akan pergi siasat dan sebagainya. Semasa itu orang itu mungkin sudah meninggal.

Jadi, kenapa tidak Jabatan Kebajikan Masyarakat buat banciaan berterusan dari masa ke semasa dengan tidak menunggu sebarang maklumat dan laporan. Ini salah satu pendekatan yang baik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk bermesra dengan rakyat sama ada menggunakan penghulu atau ketua kampung tidak menjadi masalah. Kadangkala laporan tersebut yang kita hantar pun tidak dapat, selepas itu hendak tunggu siasatan dan kajian. Jadi kenapa tidak Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat satu

pendekatan buat bancia berterusan, tidak kiralah ambil daripada laporan mana-mana daripada hanya menunggu bila orang lapor baru hendak ambil tindakan. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, pandangan Yang Berhormat akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan supaya jika ianya boleh kita mengkaji. Kita ada satu brigade kebajikan sebenarnya, satu jawatankuasa yang ditubuhkan di tiap-tiap daerah. Brigade kebajikan ini juga boleh membantu kalau ia menjadi aktif. Semalam saya pergi di satu tempat di Kuang untuk memberi sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir, saya nampak brigade kebajikan yang begitu aktif. Mereka pergi ke tiap-tiap rumah mengambil laporan dan sampaikan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini adalah adanya pemuda-pemuda yang terdiri sebagai masyarakat penyayang yang sentiasa mengambil kira tentang orang-orang miskin dan menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan terus membantu mereka. Tetapi pandangan Yang Berhormat akan diambil kira. Ya.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak tambah sedikit. Bukan apa Yang Berhormat, saya tidak mahu imej Jabatan Kebajikan Masyarakat merosot. Sebab bila berlaku banjir, pembangkang tidak nampak muka. Dia hendak angkat seluar kah, kain kah tidak ada. Selepas banjir habis baru dia masuk bawa beras, saya tidak tahulah pembangkang yang sebelah mana. Ini yang berlaku, ini yang membimbangkan. Jadi, saya tidak mahu imej Jabatan Kebajikan Masyarakat ini menurun hanya semata-mata pihak pembangkang mengambil kesempatan di waktu bermusim. Sebab itu saya minta supaya berterusan. Itu pandangan saya.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat juga telah menyentuh tentang rumah kanak-kanak dan rumah orang tua yang tidak mencukupi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk menanya sedikit. Yang Berhormat, berkenaan dengan pertubuhan kebajikan di satu-satu tempat. Saya ada satu kes, ada seorang perempuan yang umur lebih kurang 50, dia mengalami kecacatan otak, dia *not very sounding*, tidak boleh pergi keluar untuk mencari rezeki. Dia perlu bergantung kepada ibunya. Dia sudah 50, sudah semestinya ibunya 75 agak lebih. Ibunya pun miskin, dia kena membuat kuih setiap hari. Dia masak kuih untuk dijual. Dan ibunya tumpang dengan anak lelakinya. Anak lelakinya ada keluarga, tiga empat orang anak dan isteri, dan anak lelaki ini pun kerja di kilang sahaja.

Jadi, ibu tua ini datang kepada saya dan tanya sama ada boleh memperkenalkan atau rekomen supaya anak perempuan yang mengalami cacat ini dimasukkan ke rumah kebajikan di bawah Kementerian Yang Berhormat. Tetapi apabila pegawai kebajikan datang siasat, dia kata dia ada keluarga. Perempuan sipemohon ini ada keluarga untuk tempat bergantung. Jadi, dia tidak dapat terima orang ini. Jadi, pada fikiran Yang Berhormat, perempuan sipemohon ini adakah layak dia dimasukkan ke rumah-rumah kebajikan Kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, saya hanya boleh bayangkan apa yang telah berlaku tetapi saya tidak dapat memberi jawapan kepada soalan. Bolehkah dia berhak untuk masuk ke dalam rumah perlindungan yang ada. Satu perkara berkaitan dengan kurang siumannya, mental problem, adakah dia itu orang kurang upaya atau belum pasti lagi. Satu perkara yang kita baru sahaja bincang dengan Kementerian Kesihatan supaya semua yang ada mental problem, masalah mental health juga dijadikan sebagai OKU. In principle kita terima. Saya akan jawab itu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia bukan orang tidak siuman, dia mental *retarded*, dengan izin, sorry.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, dalam kes seperti ini jika ada keluarga, keluarga boleh menjaga. Kalau keluarga itu tidak cukup pendapatan untuk menjaga dia, boleh memohon bantuan khas untuk anak itu supaya dia jaga dalam keluarga. Kita menggalakkan semua kes orang kurang upaya dijaga dalam keluarga. Jika mereka tidak

boleh menjaga baru mereka ditempatkan di rumah-rumah yang sedia ada oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi, terpulang kepada kedudukan, kalau mereka perlu kepada bantuan kewangan supaya anak itu boleh dijaga dalam keluarga itu lebih baik bagi anak itu. Kalau tidak dapat dijaga kerana sesuatu sebab yang tertentu, mereka boleh juga memohon, kalau tidak dapat boleh membuat rayuan kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri untuk mengambil tindakan selanjutnya dan dia boleh ditempatkan. Itu tidak ada masalah. Kalau boleh dijaga dalam keluarga itu adalah lebih baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak lagikah?

**Dato' S. Veerasingam:** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab semalam Timbalan Menteri kata berapa minit boleh selesai, sekarang sudah setengah jam.

**Dato' S. Veerasingam:** Berapa minit boleh selesai. [Ketawa] Baik Yang Berhormat. Jadi, bagi Tumpat juga beliau telah tegur tentang ibu tunggal tidak mendapat perhatian yang sewajarnya, Yang Berhormat mencadangkan bapa tunggal juga dimasukkan dalam Akta Ibu Tunggal. Bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita mengambil kira tentang semua keluarga dengan pendapatan rendah. Jika pendapatan keluarga kurang dari RM400 kita memberi bantuan. Jika pendapatan kurang dari RM500 dan ada lebih tiga orang anak yang belajar, kita bagi bantuan kanak-kanak, kita bagi bantuan sekolah. Jadi, kita tidak kira dia ibu tunggal, bapa tunggal atau siapa. Program khas Ibu Tunggal ada di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga program-program dijalankan untuk....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Serian bangun.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini tentang mereka yang layak untuk memohon untuk mendapatkan bantuan di bawah skim kebajikan ini seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, mereka yang berpendapatan kurang dari RM400 layak. Saya khusus mengambil contoh, di Kawasan Parlimen Serian, saya ingat ramai yang layak yang jatuh dalam golongan ini, tetapi masalahnya untuk mendapat *even to get application form* kadang-kadang susah, kadang-kadang rumit. Kalau kita minta dari pegawai kebajikan kadang-kadang mereka enggan memberi *even* borang permohonan itu kepada kita. Jadi, apa jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada ini.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Sabah dan Sarawak semua sumbangan dilakukan oleh negeri sendiri. Kita tidak memberi apa-apa bantuan daripada Pusat. Hanya jika ada bencana alam dan lain-lain yang perlu bantuan khas, kita memberi bantuan. Tetapi kriterianya serupa, tidak perlu kita isi borang, kita boleh tulis surat kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan wakil rakyat juga boleh bantu jika jika pendapatan kurang dari RM400 dan ada keluarga, dia tidak mampu dan dia perlu bantuan maka dia boleh memohon untuk mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat bagi Pulau juga telah sebut tentang penghuni-penghuni rumah warga tua swasta dan NGO tentukan tidak mengganggu jiran-jiran di persekitaran.

Yang Berhormat, baru-baru ini saya telah mengadakan mesyuarat dengan semua Pengarah-pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan meminta mereka mengambil tindakan supaya semua rumah bukan sahaja rumah warga tua tetapi juga semua rumah jagaan yang ada di daerah masing-masing, kita perlu semak dan kita perlu juga dapat tahu adakah mereka telah menerima lesen daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menjalankan operasi. Ada juga banyak tempat, ada tempat-tempat jagaan di mana mereka tidak memohon untuk mendapatkan lesen. Jadi adalah mustahak mereka mendapatkan lesen untuk mengadakan pusat-pusat jagaan ini supaya rumah-rumah ini dapat dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Memohon peruntukan *grant* bagi sembilan buah rumah anak yatim di Johor. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat ada memberi *grant* penyelenggaraan tahunan kepada lapan buah rumah anak yatim di Johor kecuali Rumah Anak Yatim Darul Hanan di Pasir Gudang yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Johor dan yang lain, semuanya ada menerima bantuan.

Yang Berhormat...

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' S. Veerasingam:** Ya, Larut.

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin tahu sama ada Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu mana-mana individu. Tadi Yang Berhormat sebut adalah merupakan kumpulan atau persatuan yang membiayai anak-anak yatim. Bagi individu, bagaimana pula? Adakah kalau mereka ini memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, jabatan ini juga boleh menimbang permohonan tersebut? Yang individu, mungkin ada. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Yang Berhormat, jika ada sesebuah keluarga, dia menjaga seorang anak yatim, dia boleh memohon untuk mendapatkan bantuan pelihara iaitu bantuan khas dan ianya akan diberi tetapi dia hendaklah dibuktikan bahawa yang dipelihara itu anak yatim dan dia akan menjaga kepentingan anak yatim itu dan dia bukan menjadikannya anak angkat. Anak angkat sudah menjadi anak sendiri tetapi dia prihatin, dia ambil seorang anak yatim dan dia menjaga kepentingan anak yatim, Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh memberi bantuan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tanjong telah menyebut tentang ramai penghuni kurang siaman di daerah timur laut Pulau Pinang, Jalan Petaling, Bukit Bintang, Pudu Raya dan tempat-tempat lain maka perlu ditubuhkan pusat-pusat bagi orang kurang siaman, apakah tindakan terhadap sindiket-sindiket pengemis asing?

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menjalankan operasi pengemis dari masa ke semasa sepanjang bulan Januari 2003 hingga Jun 2003. Jumlah pengemis dan kutu rayau yang telah diselamatkan di seluruh negara adalah sebanyak 549 kes. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 143 operasi bersepadu dan berjadual telah diadakan.

Operasi bersepadu adalah tindakan bersama-sama agensi yang berkaitan seperti pihak Imigresen, polis, pihak berkuasa tempatan, hospital dan agensi dadah. Di samping itu, jabatan juga turut mengambil tindakan serta merta bagi aduan-aduan awam dan kes-kes sukarela. Cadangan untuk mengadakan talian aduan khas bagi kes-kes pengemis akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Bagi kes-kes kurang siaman, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyelamatkan kes-kes berkenaan, akan dirujuk kepada pihak hospital untuk tindakan selanjutnya. Pengemis asing sindiket akan dirujuk kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya...

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, saya.....

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, Terima kasih. Pasal sindiket ini tadi. Yang Berhormat menyebut bahawa ianya akan dirujuk kepada jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Imigresen. Tidakkah Jabatan Kebajikan Masyarakat melihat perkara ini begitu serius? Mungkin ada sindiket yang tidak dapat di banteras kerana mengambil kesempatan ke atas orang-orang tertentu untuk mengemis sedangkan mereka duduk senang lenang mengambil segala kutipan yang dilakukan oleh pengemis ini.

Adakah pendekatan yang terdekat pihak jabatan boleh menggunakan seperti penguat kuasa bandar raya umpamanya, sebagaimana Majlis Perbandaran di Ampang, saya tidak ingat, yang telah mengambil tindakan ke atas warganegara asing yang cuba bersembunyi tetapi duduk sebagai tetamu ataupun pelanggan. Macam-macam strategi dan taktik yang digunakan kerana ini telah menjejaskan nama baik negara kita, seolah-olah ada orang ambil kesempatan di atas kesenangan yang kita kecapi pada hari ini.

Jadi saya minta supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat adakan satu pendekatan segera ke atas sindiket-sindiket ini. Kalau tidak ada sindiket, mungkin tidak ada pengemis-pengemis yang sanggup menggadaikan diri sendiri, berjaga sampai jam dua, tiga pagi, merayau untuk meminta sedekah. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, ini adalah satu masalah. Bila kita sebut penduduk Malaysia adalah masyarakat penyayang, apabila mereka melihat seorang pengemis mereka memberi sumbangan, mereka menderma. Kalau mereka tidak menderma kepada pengemis, kita boleh mengatasi masalah pengemis ini. Kita pergi ke pasar malam dan ke lain-lain tempat, kita nampak ada pengemis. Ada juga barangkali didalangi kerana ada orang kurang upaya yang langsung tidak boleh berjalan, dia ada di tengah-tengah jalan itu, minta sedekah. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengambil tindakan dan kumpulan baru pula datang.

Bagi orang-orang dari luar negara atau orang asing yang datang kerana Malaysia begitu kaya. Orang cepat hendak bagi duit sebab itu mereka kata ini adalah satu kerja yang lumayan. Mereka boleh mendapat sumbangan tanpa membuat apa-apa. Apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat dan jabatan berkenaan mengambil tindakan, kalau dapat tahu dia itu orang asing, ianya hendaklah dimaklumkan kepada Imigresen dan pihak polis, mereka akan membuat siasatan jika ada sindiket-sindiket yang terlibat. Apabila siasatan selesai, mereka akan didenda di bawah akta yang ada – penjara, hukuman rotan dan lain-lain lagi yang ada dalam kesalahan masuk tanpa kebenaran dan duduk dalam negara kita. Jadi apabila ditangkap, tindakan yang diambil adalah tegas supaya mereka tidak mengulangi lagi.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua yang beragama Hindu dan kawan-kawan lain, sila berkunjung ke rumah kita bila ada majlis rumah terbuka. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM469,562,700 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Wang sebanyak RM469,562,700 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM27,534,000 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM27,534,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

#### **Maksud B.49 [Jadual] -**

#### **Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan 2004] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Tambun.

#### **11.48 pagi**

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa secara ringkas sahaja Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, mengenai dengan program-program yang dijalankan oleh kementerian yang menumpukan kepada peranan suri-suri rumah yang juga merupakan ibu kepada keluarga, dalam sesebuah rumah tangga.

Saya menyentuh di bawah Jabatan Pembangunan Wanita dan juga Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Tuan Pengerusi dan dari apa yang dapat saya lihat, sebahagian besar daripada usaha kementerian ini menumpu kepada wanita-wanita yang bekerja dengan izin, *career lady* ataupun menumpukan kepada isu-isu

dan masalah-masalah yang timbul dan dihadapi oleh wanita. Perkara besar meliputi *the silent majority* iaitu *housewife* dengan izin, atau suri rumah ataupun ibu tidak diberi perhatian. Kita tahu dalam mana-mana negara mahupun tamadun manusia, ibu dan juga suri rumah merupakan entiti yang penting, merekalah yang akan membangunkan keluarga. Kalau kita lihat apa yang dikatakan oleh seorang ahli psikologi 'Henry Clay Lindgren' mengatakan pembangunan seorang kanak-kanak daripada baru lahir sehingga umur lima tahun menentukan asas-asas yang kukuh bagi seorang individu itu untuk menjadi orang yang berguna pada masa akan datang.

Kita lihat dalam institusi kita, institusi rasmi kerajaan, umur lima tahun masuk tadika dan kemudian sekolah rendah umur enam tahun dan seterusnya sehingga besar. Waktu antara umur satu hari hingga lima tahun akan berada di tangan seorang suri rumah ataupun seorang ibu. Begitu juga bila kita lihat dari segi persekolahan di peringkat sekolah rendah ataupun menengah, dari segi waktu mereka bersekolah hanya enam jam. Ini bermakna 18 jam mereka bersama dengan suri rumah ataupun seorang ibu. Jadi, kita sedar bagi seorang kanak-kanak yang umurnya daripada satu hari hingga berumur lima tahun, penting kanak-kanak ini dibangunkan dengan kekuatan fizikal mereka, kekuatan mental dan juga kekuatan spiritual. Barulah mereka apabila masuk ke peringkat sekolah nanti, dapat mencapai prestasi yang tinggi.

Sehubungan dengan itu Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian tentang kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada suri rumah dan juga ibu ini. Kemudahan dari segi latihan-latihan. Kita tahu dalam sebuah negara yang menuju kepada negara maju dan moden, kita perlukan suri rumah dan ibu yang juga moden dari segi nilai-nilai pemikiran mereka untuk mereka dapat menjaga anak menjadi baik. Jikalau ibu yang tidak membaca, yang tidak moden, yang tidak tahu perkembangan-perkembangan moden, bertemu dengan anak di sekolah menengah ataupun universiti yang berfikiran tinggi, mereka tidak boleh berinteraksi dan nilai seorang ibu ke atas anak-anak ini akan hilang. Anak yang tidak mempunyai hubungan dengan ibu, akan kehilangan punca. Dia akan masuk dalam masyarakat dan terlibat dalam perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh nilai-nilai tradisi sesuatu bangsa itu.

Jadi, apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan dan apakah perancangan dari segi kementerian untuk kita mendidik ibu-ibu dan juga suri rumah supaya mereka memiliki nilai-nilai moden. Dari segi kementerian, adakah satu kajian telah dilakukan untuk melihat dari segi ibu-ibu dan suri rumah sekarang ini dari segi tahap pemikiran, sikap mereka dan dibandingkan dengan keperluan pada zaman moden ini, adakah mereka lebih tinggi dari segi diri mereka dengan keperluan zaman moden ini ataupun mereka di belakang. Kalau di belakang, apakah langkah-langkah yang harus diambil supaya nilai-nilai yang mereka pegang selaras dengan keperluan zaman.

Yang kedua Tuan Pengerusi, dari segi persatuan-persatuan. Untuk suri rumah dan ibu-ibu, saya tidak nampak wujudnya persatuan-persatuan. Kita tahu dalam sistem demokrasi, selain daripada institusi kerajaan, institusi Parlimen dan wakil rakyat, NGO merupakan badan yang dianggap *legitimate* untuk memperkukuhkan sistem demokrasi. Bagi suri rumah dan ibu, mereka merupakan bilangan yang cukup besar di dalam negara kita. Di manakah persatuan-persatuan untuk mereka dan siapakah dia penaung-penaung supaya persatuan ini dapat bergerak dengan cergas supaya suri rumah dan ibu ini mempunyai tempat untuk mereka melahirkan apa-apa yang mereka perlukan. Kita jangan lihat apabila berlaku masalah, kita kata ada masalah. Suri rumah dan ibu mungkin tidak ada tempat untuk mereka menceritakan keperluan mereka.

Masalah ini bukan dapat dilihat secara *tangible* seperti suri rumah bila dipukul atau masalah psikologi, masalah agama, masalah untuk berinteraksi dengan anak yang lebih bijak itu pun juga merupakan satu masalah yang akan dipikul oleh seorang suri rumah ataupun seorang ibu. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk dapat merencanakan penubuhan dan penglibatan suri rumah dan juga ibu di dalam persatuan-persatuan. Apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan? Apakah dari segi bentuk kewangan? Institusi manakah yang akan terlibat dalam membina persatuan-persatuan tersebut?

**Puan Chong Eng:** Penjelasan. Tuan Pengerusi, saya rasa apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun itu adalah penting. Tetapi, saya rasa ia

bukan di bawah kementerian ini. Saya rasa yang kita perlu ialah ada satu dasar tentang pendidikan kanak-kanak kecil yang *early childhood education*. Ia patut diadakan. Menjaga dan mengasuh anak kita, bukan sahaja ibu, bukan tanggungjawab ibu sahaja. Wanita tidak seharusnya dilihat sebagai seorang ibu sahaja. Yang perlu dilihat sebagai seorang manusia terlebih dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat sebab masa untuk Tambun pun.....

**Puan Chong Eng:** Tidak apa, dia sudah kata ringkas. Jadi, saya rasa kementerian ini perlu berbincang dengan beberapa kementerian untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung, ya.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Oh! Gulung. *[Ketawa]* Okey Tuan Pengerusi. Saya setuju apa Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam nyatakan. Oleh kerana kita ada banyak kementerian, berlaku pertindihan dasar-dasar dan sebagainya. Jadi, yang saya bangkitkan tadi soal ibu dan suri rumah dalam konteks kementerian ini yang saya lihat tidak banyak diperhatikan. Itu sahaja. Jadi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

11.57 tgh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil peluang untuk bersama-sama dalam B.49 – '02000, 03000', Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Apa itu?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya bangun untuk menolong kementerian ini, hendak menolong kementerian ini.....

**Seorang Ahli:** Betul.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .....dan sebenarnya hendak memberi sedikit nasihat kepada masyarakat. Soal perkahwinan, soal rumah tangga, soal keluarga dan soal perceraian, menentukan kebahagiaan rumah tangga menjadi sendi yang utama kepada keutuhan rumah tangga. Tanpa kebahagiaan rumah tangga, maka rumah tangga tidak akan dapat bertahan sampai ke akhir hayat. Baling setuju dengan saya, Yang Berhormat bagi Pulau setuju dengan saya.....

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya setuju!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat Sipitang pun setuju.

**Seorang Ahli:** Seputeh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Seputeh nanti dahulu. *[Ketawa]* Satu aspek penting dalam perkahwinan, dalam masyarakat moden hari ini, yang telah diketepikan ialah masalah kufu. Orang Islam faham ini, kufu. Kufu ini maknanya setanding, lelaki dan perempuan, setaraf, sepadan. Itu yang dikatakan 'bak pinang dibelah dua'. Ini kufu. Kebanyakan rumah tangga runtuh kerana tidak ada kufu. Yang ada ialah cinta. Cinta sebelum kahwin berbeza apabila sudah mengalami kehidupan rumah tangga yang sebenar. Waktu bercinta, minum air tawar pun rasa madu, masa bercinta. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Minum air keruh pun rasa manis.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini berbeza. Itu soal kufu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kufu ini sepadan, agaknya macam.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ....ini masalah cinta ini, mana satu....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya masuk, saya masuk Tuan Pengerusi. Kufu ini hendak senang, kufu ini ialah agaknya macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan dengan Seputeh, itu kufu agaknya. *[Ketawa]* Itu kufulah. Kalau yang bukan masyarakat Islamlah, macam mana hendak bezakan. Macam Tuan Pengerusi dengan agaknya Batu Gajah, itu kufu saya ingatlah Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah libatkan sayalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]* Saya hendak buat perbandingan Tuan Pengerusi, macam saya dengan siapa tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batu Gajah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jangan kacaulah, masa saya tidak ada ini. Okey, okey.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya mohon Yang Berhormat bagi Sri Gading, apabila berbahas jangan guna nama-nama Ahli dalam Dewan ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okay, okay. Saya minta maaf.

**Puan Fong Po Kuan:** Hormatilah sedikit, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yalah, saya cuma...

**Puan Fong Po Kuan:** Bukan sahaja hormat saya, hormat juga....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...nama tidak sebut.

**Puan Fong Po Kuan:** ...Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okay, saya minta maaf. Saya cuma...

**Puan Fong Po Kuan:** Saya haraplah jangan main-main bila bahas isu wanita ini. Bukan kali pertama....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bukan main-main. Saya hendak cerita gambaran kupu, maknanya setanding.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat, dia sudah minta maaf.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Bagi hormat sedikit....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okay, okay, saya teruslah.

**Puan Fong Po Kuan:** ...Ahli-ahli dalam Dewan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia sudah minta maaf.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okay, okay, okay!

**Puan Fong Po Kuan:** Ya, hormat Tuan Pengerusi jugalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, saya pun hormatlah. Saya....

**Puan Fong Po Kuan:** Tidak baiklah macam ini...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okay, *thank you*.

**Puan Fong Po Kuan:** ...bila berbahas isu wanita!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta maaf, Tuan Pengerusi. Saya sangka baik pasal kupu ini maknanya orang yang setaraf. Jadi, saya sangka baik. Jangan marahlah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah ya. Saya ingat Tuan Pengerusi pun maafkan saya pasal bukan sangka buruk, baik, pasal kupu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat minta maaf, saya terimalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okay. Itu satu. Yang kedua, wanita, minta maaf, wanita selalunya tidak, tidak, tidak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah tiga kali tidak! *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ... tidak mementingkan dirinya selepas perkahwinan. Walhal ini, Tuan Pengerusi, saya hendak bagi contoh, wanita ini penting untuk terus segar-bugar, untuk terus *maintain* dia punya kelebihan.

Bagi lelaki, Tuan Pengerusi, bagi saya, wanita ini ada dua putih yang diperlukan. Ini kelebihan wanita, kena jaga. Dua putih, putih giginya, putih alur rambutnya. Itu sebab kadang-kadang wanita tidak jaga rambut, kelemumur. Itu yang suami jelak. Sebab itu, putih alur rambutnya, putih giginya. Ada dua hitam yang penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut ini, apakah tujuannya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, saya hendak beritahu kepada wanita, bagaimana rahsia kecantikan wanita ini harus dipelihara untuk menentukan keharmonian rumah tangga. Dua hitam yang baik, dua hitam, dua hitam. Satu hitam matanya, hitam rambutnya. *[Disampuk]* Eh! Ini bukan senang dapat.

**Seorang Ahli:** Betul, betul!

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dua hitam. Dua merah. Dua merah ini, merah bibirnya, merah tumitnya. Bukan senang dapat ini. Tuan Pengerusi, saya sedang berfalsafah. Dua halus, halus kulitnya, halus jarinya.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya,

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dua lembut.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Lembut suaranya, lembut hatinya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak payahlah, saya...

**Puan Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, saya tidak ada masa. Kalau Tuan Pengerusi bagi masa, saya boleh bagi. Saya hendak beritahu bagaimana kerukunan rumah tangga ini.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak bagi jalan, Tuan Pengerusi, pasal masa tidak ada.

**Puan Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Masa tidak ada. Berapa minit lagi, Tuan Pengerusi, saya ada?

**Puan Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat.

**Seorang Ahli:** 10 minit lagi.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, saya rasa apabila Ahli-ahli terutama Yang Berhormat bagi Sri Gading bahas, biar ikut Butiran ya. Kita bukan datang untuk menghadiri taklimat berkenaan wanita. Apa deskripsi yang dua merah, dua putih, dua hitam, semua

itu? *[Disampuk]* Kita hendak pentingkan apa program yang dilaksanakan oleh kementerian. Kita bukan datang sini untuk terima taklimat daripada seorang Ahli...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Duduklah, duduklah!

**Puan Fong Po Kuan:** ...berkenaan dengan kenapa wanita harus menjaga kecantikan. *This is not a beautician talk. [Disampuk]* Saya harap ikut peraturan, Tuan Pengerusi. Nasihatkan, bagi *ruling*...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi...

**Puan Fong Po Kuan:** ...Yang Berhormat bagi Sri Gading ini jangan bazirkan masa dalam Dewan ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah ini tidak faham apa maksud saya. Saya bercakap tentang Butiran 020000 – Jabatan Pembangunan Wanita, yang kedua, Butiran 030000 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Saya bercakap dari segi untuk menentukan rumah tangga dapat dipertahankan di mana soal suami dan isteri itu menjadi soal pokok. Lelaki dan perempuan ini akan menentukan kerukunan rumah tangga dan kerukunan rumah tangga ini perlu kepada kaedah-kaedah yang tertentu.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah belum berumah tangga, belum faham tentang perkara ini. Saya tidak menghina kaum wanita, malah sebenarnya ini hendak mendorong wanita supaya menjaga diri ini untuk menentukan rumah tangga akan penuh dengan kenikmatan dan kebahagiaan dan ini memberikan usia yang lanjut kepada rumah tangga untuk kekal sampai ke akhir hayat dan ini dapat mengelak daripada berlaku gejala-gejala yang kurang baik daripada keruntuhan rumah tangga...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...yang disebabkan oleh tidak cocoknya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak cocoknya antara lelaki dan perempuan ataupun tidak cocoknya atau tidak serasinya antara...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...suami dan isteri.

**Tuan Pengerusi:** Hendak bagi jalan atau tidak ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mana satu, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Yang mana satu, ikut suka.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang mana satu pilihan?

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Ada dua ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagi kepada yang telah pun bersuami, ...

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Mertajam. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading. Apa yang Yang Berhormat bagi Sri Gading katakan itu adalah pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading, sesuai untuk Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Tetapi tidak semestinya sesuai untuk semua lelaki...  
[Disampuk]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, ya!

**Puan Chong Eng:** ...dan juga semua perempuan dan wanita. Jadi, saya ingin minta penjelasan. Kalau seorang wanita, sebelum dia kahwin, dia muda, dia cantik. Setelah kahwin, dia akan tua juga. Lelaki akan tua juga. Dia jadi gemuk, perutnya jadi besar. [Ketawa] Jadi, macam mana kalau hanya kecantikan itu boleh memastikan keharmonian.

**Tuan Pengerusi:** Ya, cukuplah Yang Berhormat!

**Puan Chong Eng:** Macam mana?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Masa dia pun sudah hendak habis.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, sebab itu dahulu, yang memilih jodoh ini ialah orang tua-tua. Contoh, ini rumah tangga. Dahulu orang tua-tua pergi ke rumah si perempuan, Tuan Pengerusi, kadang-kadang dia tengok jari. Jari perempuan yang baik ialah jari telunjuk lebih panjang daripada jari hantu. Itu perempuan yang baik.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagi lelaki yang baik, jari telunjuk lebih pendek daripada jari hantu. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Lain, lain. Jari perempuan, telunjuk lebih panjang.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jari lelaki, telunjuk lebih pendek. Sebab itu, Tuan Pengerusi, kalau pergi *shopping*, dia menunjuk sahaja, Tuan Pengerusi, tunjuk mana-mana. [Ketawa] Itu yang lelaki kena beli itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, ya!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tetapi itu jenis perempuan yang baik.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kita boleh buat drama. Ya. [Ketawa]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini pandangan saya, Tuan Pengerusi, supaya lelaki dan perempuan, masing-masing memberikan saham dalam menentukan kerukunan rumah tangga. Jadi, ilmu rumah tangga ini adalah satu ilmu yang patut dituntut dan ilmu yang dituntut untuk menentukan kestabilan rumah tangga ini harus kita turunkan, kita panjangkan, kita sebarkan kepada generasi kita supaya jangan terpedaya hanya perkahwinan dengan cinta semata-mata.

Cinta semata-mata tidak akan menjamin. Saya rasa Yang Berhormat bagi Baling setuju dengan pendapat saya. Banyak ramuan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat bagi Sri Gading!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Eh, apa pula ini? Yang Berhormat bagi Seputeh itu belum berumah tangga. Tetapi kalau...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya mahu membentangkan cadangan saya kepada Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah, Yang Berhormat! Yang Berhormat, ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** masa dia sudah habis itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jadi, Yang Berhormat bagi Sri Gading...

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah habis, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ha?

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah, cukuplah itu! Cukuplah!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya menyokong, Tuan Pengerusi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat, ya. Baiklah, Bukit Mertajam ya. Bercakap ya, boleh. Apa hendak cakap, ya.

**12.09 tgh.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading ada lihat kepada buku ini, apakah objektif Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, dia akan tahu. Objektif yang utama ialah untuk mencapai kesaksamaan di antara *gender*, lelaki dan wanita. Saya rasa Yang Berhormat bagi Sri Gading, umur dia pun sudah meningkat.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Dia sesuai untuk....

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Chong Eng:** ...era itulah!

**Tuan Pengerusi:** Zaman dahulu, ya.

**Puan Chong Eng:** Untuk era itu! Kerana tidak semestinya, zaman sudah berubah dan tidak semestinya tidak berkahwin, tidak bahagia. Kita tengok Mother Teresa, kehidupan beliau lebih bermakna daripada mana-mana di antara kita ini. Walaupun Yang Berhormat bagi Sri Gading berkahwin dua, tidak bermaksud dia lebih bahagia daripada orang yang tidak kahwin.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Puan Chong Eng:** Jadi, ini adalah sikap ataupun pandangan dan fikiran perlu berubah. Yang ingin saya tanyakan kementerian ini, Menteri atau Setiausaha Parlimen, objektif utamanya ialah kesaksamaan *gender* tetapi apakah program yang secara konkrit di bawah kementerian ini untuk mempromosikan kesaksamaan ini. Saya rasa pada bajet tahun lepas ada satu butiran mengenai latihan kesedaran *gender* tetapi untuk tahun ini, butiran ini sudah tidak ada.

Jadi saya rasa ini adalah kurang munasabah kerana ini satu-satunya objektif yang begitu penting untuk kementerian ini. Mengapa ia sudah tidak diberi atau dihapuskan secara langsung, sudah tidak ada lagi. Jadi bagaimana kementerian ini hendak mempromosikan kesaksamaan *gender*, bagaimana, tidak ada program.

Saya juga dimaklumkan bahawa di INTAN ada kursus mengenai kesedaran *gender* tetapi ia dijalankan oleh pakar lelaki. Saya tidak katakan bahawa lelaki tidak boleh menjadi pakar dalam kesedaran *gender* tetapi kalau kita katakan sejarah *gender* selalunya wanita yang mangsa dalam ketidaksamaan, jadi wanitalah yang lebih sedar. Seperti di Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga bolehkah lelaki untuk menjadi menterinya? Kalau lelaki itu faham, boleh tetapi mengapa kita tidak? Kerana biasanya lelaki tidak begitu sedar, peka dalam masalah ini. Jadi saya pohon untuk kursus-kursus dan program-program ini, ia dijalankan oleh pakar wanita kerana memang kita mempunyai ramai pakar wanita dalam NGO. Oleh sebab itu saya harap kementerian akan mengambil perhatian.

Saya juga lihat bahawa satu butiran telah dikeluarkan dalam kementerian ini iaitu Jawatankuasa Kebangsaan mengenai keganasan terhadap wanita. Tahun lepas ada lebih kurang RM4.5 juta peruntukan tetapi tahun ini butiran ini telah dikeluarkan. Saya difahamkan ini telah dipinda balik kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Lipis bangun ya.

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti dahulu.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Nanti topik berubah pula,

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Nanti Yang Berhormat beralih kepada peraka yang lain pula.

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti. Saya menyuruh kementerian ini supaya menumpukan kepada dasar-dasar dan program-program yang boleh menggalakkan kesaksamaan *gender* dan jangan memberi perkhidmatan yang telah pun diberi oleh kementerian yang lain kerana nanti ia bertindih dan objektif yang terpenting itu tidak tercapai. Silakan Yang Berhormat bagi Lipis.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Lipis.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berminat sungguh dengan ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi terutama tentang memperjuangkan kesaksamaan *gender* ini. Tetapi apabila dia menerangkan berkait dengan lelaki, saya dengar Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kata lelaki ini kurang layak jadi menteri kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Jadi, di sini kita dapati bahawa bagaimanakah untuk mewujudkan kesaksamaan *gender* ini sedangkan dari awal-awal sudah prejudis kepada lelaki.

**Puan Chong Eng:** Okay.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Saya sudah faham, saya sudah faham.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Dan saya percaya Sri Gading memang layak barangkali kalau tidak jadi menteri kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, boleh jadi Timbalan Menteri.

**Puan Chong Eng:** Cukup itu, sudah faham.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Saya memang memperjuangkan wanita juga Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, baiklah.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Tetapi dari segi kecekapan dan kebolehan dia mestilah mencapai satu taraf tertentu yang boleh kita iktiraf dia sebagai pemimpin tetapi *not for the sake of being* wanita *and then you lead the man or something like that or by virtue of you are a man* dengan izin, kita tidak boleh *to lead the women*, minta penjelasan sedikit.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, sudah, sudah.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Sebab saya selalu tengok Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam selalu merendah-rendahkan kita orang lelaki. Jadi saya pun lelaki dan kawan-kawan saya pun suka menunjukkan kelelakian kami.

**Puan Chong Eng:** Cukuplah, cukuplah, sudah faham, cukuplah.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah. Ya, sila, sila.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat bagi Lipis, dia salah faham apa yang saya kata tadi. Untuk menjadi menteri kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang lebih sesuai ialah wanita, yang pertama. Yang kedua, bilangan menteri dalam Kabinet telah banyak berkali ganda kalau dibandingkan dengan wanita. Jadi kalau kita kata kesaksamaan *gender*, bilangan itu mestilah lebih kurang sama.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** [Bangun]

**Puan Chong Eng:** Saya tidak beri laluan, nanti di luar Dewan bolehlah, tidak ada masa, tidak ada masa, *sorry*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia sudah tidak bagi jalan ya.

**Puan Chong Eng:** Saya rasa yang terpenting sekali kementerian ini perlu ialah untuk menukar fikiran dan pandangan terhadap wanita kerana di dalam ucapan bajet pun yang dikatakan mengiktiraf sumbangan ataupun kedudukan serta peranan wanita ialah yang pertama, wanita ialah sebagai seorang ibu. Wanita biasanya peranan tradisionalnya ialah menjadi seorang ibu tetapi zaman telah berubah dan tidak sama lagi. Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri ialah kejayaan wanita mengimbangi dwi peranan ini sudah terbukti dan amat dikagumi. Bagi wanita, ini adalah menjadi satu dilema, satu kesusahan kerana perlu menjaga keluarga selain daripada menjalankan tugas di dalam bidang pekerjaan. Yang kami minta ialah supaya *burden* atau beban ini dikongsi atau dikurangkan dengan dasar-dasar kerajaan seperti mengadakan pusat jagaan kanak-kanak kerana kalau ingin mencapai kesaksamaan *gender*, yang utama ialah membebaskan wanita daripada peranan tradisionalnya kalau mereka ingin keluar untuk bekerja. Kalau tidak, wanita akan selama-lamanya tetap di rumah sahaja menjadi suri rumah tangga dan tidak akan menjadi Menteri atau Timbalan Menteri.

Jadi ini adalah satu dasar yang begitu penting. Saya merayu supaya kementerian ini memberi perhatian kerana Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga seolah-olah tidak ingin mendesak supaya dasar ini dilaksanakan ataupun rancangan itu dilaksanakan. Jadi saya rasa adalah penting untuk mengadakan satu dasar untuk mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak ataupun pada waktu sekarang, *tax relief* diberikan untuk jagaan kanak-kanak. Inilah satu-satu langkah yang boleh membantu wanita dan juga boleh menggalakkan kesaksamaan *gender*.

Kalau kita lihat di negara-negara Eropah Barat seperti Sweden, Norway, mereka yang ada satu *common factor* ialah mereka semua ada dasar keluarga dan juga mengadakan pusat jagaan kanak-kanak yang *subsidize* oleh kerajaan dan di Sweden kita lihat bilangan menteri wanita adalah lebih kurang sama dengan lelaki. Jadi kita perlu memandang ke sana, jangan pandang ke Timur kerana polisi untuk wanita di Jepun juga kurang baik. Saya juga ingin meminta.....

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta gulung Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Puan Chong Eng:** .....kerajaan atau pihak kementerian ini untuk memberi satu penjelasan kerana pada tahun lepas kita ada mengatakan untuk ibu-ibu tunggal mereka diutamakan untuk membeli rumah kos rendah. Berapa ramaikah ibu tunggal yang telah membeli rumah di bawah dasar ini? Kerana kalau tidak ada pemantauan, dasar kita boleh adakan program tetapi kita tidak tahu kemajuannya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, Batang Sadong.

12.20 tgh.

**Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian ini kerana pada tahun hadapan dalam bajet yang telah dibentangkan akan menerima peruntukan yang jauh lebih besar daripada tahun-tahun yang lepas iaitu RM128.5 juta kalau dibandingkan dengan tahun lepas iaitu RM99 juta.

Namun demikian, kita dapati ada penurunan daripada peruntukan di bawah P.49 iaitu Pembangunan, hanya RM3 juta kalau dibandingkan RM8 juta tahun lepas. Ada beberapa perkara yang ingin saya timbulkan, Tuan Pengerusi.

Pertama saya ingin menyokong apa yang dikatakan Yang Berhormat bagi Tambun tadi tentang aktiviti wanita dan persatuan-persatuan wanita. Saya pun merasakan bahawa kebanyakan aktiviti ataupun persatuan yang dijalankan lebih tertumpu kepada bandar (*urban*). Misalnya Persatuan Ibu Tunggal lebih tertumpu kepada bandar pada hal ibu tunggal pun ramai di luar bandar yang belum mendapat bantuan, bimbingan dan sokongan kerana ibu-ibu tunggal di luar bandar ini lebih menghadapi masalah kerana mereka tidak mempunyai pekerjaan dan tidak mempunyai pendidikan. Sebab utamanya tidak ada pendidikan sebab itulah pekerjaan tidak ada dan apabila sudah menjadi ibu tunggal memang masalahnya begitu besar sekali.

Saya pernah bertanya kepada Persatuan Ibu Tunggal di Sarawak mengapa aktiviti hanya ditumpukan kepada bandar (*urban*) dan saya juga pernah mempersoalkan hal ini dalam Parlimen. Tetapi jawapannya cuma secara am. Tidak ada aktiviti khusus ataupun tindakan-tindakan khusus untuk membantu ibu-ibu tunggal di luar bandar. Apa dikatakan pertama sekali mereka ini perlu menjadi ahli persatuan dahulu. Kena bayar kalau tak silap saya RM10 menjadi ahli

Bagi masyarakat luar bandar yang daif RM10 ini adalah satu jumlah yang besar. Kita rasa kita ketepikan dahulu hendak menjadi ahli. Yang penting ialah untuk mengusahakan sesuatu untuk membantu ibu tunggal di luar bandar ini yang kategorinya sama ada ditinggalkan suami kerana suami meninggal ataupun yang diceraikan oleh suami, kerana yang banyak masalah besar ialah yang diceraikan oleh suami yang tidak memberi nafkah hidup.

Ada kesilapan saya rasa di kalangan kaum lelaki. Minta maaf, mungkin kaum lelaki di dalam Dewan ini tidak, apabila disyaratkan mesti membayar nafkah, ada di antara kaum lelaki menganggap nafkah itu adalah untuk bekas isteri. Saya merasakan nafkah yang dikatakan itu bukan untuk bekas isteri tetapi adalah untuk anak-anak. Jadi, tanggungjawab untuk anak-anak itu perlu ada. Mungkin kementerian ini walaupun Kementerian Wanita perlu juga mengadakan aktiviti untuk memberi penjelasan, penerangan kepada kaum lelaki kerana setiap kali ada aktiviti, ada ceramah dan sebagainya yang hadir lebih ramai ialah kaum wanita.

Tuan Pengerusi, PIBG pun yang ramai orang perempuan. Jarang sekali, sedikit sahaja bilangan kaum lelaki hadir kerana mereka menganggap kebajikan anak-anak adalah kaum wanita.

Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian kepada 00200 – Penyelidikan Hal Ehwal Wanita. Saya dapati pada tahun hadapan tidak ada peruntukan yang diberikan, hanya token RM10. Adakah ini bermakna bahawa tidak perlu lagi penyelidikan tentang isu-isu ataupun hal-hal wanita dan saya difahamkan pada tahun lepas diberikan RM1.5 juta. Saya ingin mendapat penjelasan apakah penyelidikan kajian telah dibuat bidangnya dan apakah dapatannya hasil daripada kajian-kajian tersebut kerana kita belum mengetahui apakah kajian telah dibuat dan hasil daripada kajian itu.

Kemudian saya ingin juga membangkitkan Butiran 00100 - Pusat Khidmat Wanita. Saya tidak tahu di mana letaknya apa yang saya timbulkan ini kerana butiran-butiran dalam kementerian ini tidak begitu terperinci, agak umum, iaitu Dewan Nur. Satu ketika dahulu kita dipanggil untuk diberikan taklimat tentang pewujudan Dewan Nur tetapi hingga kini nampaknya tidak ada apa-apa perkembangan. Mungkin ada tetapi mungkin saya tidak tahu. Saya ingin mendapat penjelasan apakah perkembangan Dewan Nur yang diura-urakan itu kerana kalau kita lihat dari segi peruntukannya hanya RM1.1 juta. Kalau hendak ditubuhkan Dewan Nur di seluruh Malaysia, di seluruh kawasan Parlimen di Malaysia saya rasa tidak memadai dengan RM1.1 juta ini apatah lagi dari segi *staffing*nya dan sebagainya. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan.

Kemudian, saya ingin juga mendapat penjelasan tentang aktiviti lain yang dibuat oleh kementerian ini. Tiap-tiap tahun kita merayakan Hari Wanita. Selepas Perayaan Hari Wanita apakah kesan daripada perayaan itu. Pada tahun ini saya difahamkan perayaannya

agak *locale*, dengan izin, tidak seperti dahulu-dahulu sehingga di Sarawak misalnya kita hanya serahkan kepada Bahagian. Kami di Sarawak ialah bukan Bahagian dalam parti tetapi Bahagian Pentadbiran iaitu *Residence* dan sebagainya untuk menguruskan.

Jadi, adakah oleh kerana tidak ada peruntukan kewangan ataupun bagaimana, jadi kita dapati mula-mula dulu *quite high do* - besar-besaran. Tetapi, nampaknya akhir-akhir ini sudah menurun. Adakah bermakna semangat wanita ini juga menurun ataupun kerana kewangan yang menurun atau apa sebabnya. Kita tidak nampak lagi adanya semangat berkobar-kobar seperti pada mula-mulanya dahulu. Jadi, saya inginlah mendapat apa-apa penjelasan tentang hal ini.

Dan seterusnya kalau boleh saya mintalah kementerian ini memainkan peranan lebih lagi dari segi membantu wanita. Misalnya tadi kita dengar kebajikan, macam-macam masalah. Kawasan saya pun banyak, setiap tahun saya hantar nama beratus-ratus nama untuk mendapatkan bantuan kebajikan tetapi yang diluluskan sedikit sahaja. Setiap kali pergi ke kawasan, itulah rungutan kaum wanita mengapa tidak dapat bantuan.

Mungkin kementerian ini boleh juga terlibat sama dalam memastikan wanita memang memerlukan bantuan ini dibantu, mungkin mencari jalan bagaimana beberapa kementerian yang mempunyai persamaan dari segi tugas-tugasnya mungkin pertindihan tugas dapat menyelaraskan aktiviti masing-masing jangan tunggu menunggu. Misalnya kebajikan ada berkaitan dengan wanita. Kemudian Kementerian Perusahaan Utama pun ada, Kementerian Pembangunan Usahawan pun ada. Di KPLB pun ada. Mungkin kalau dapat diselaraskan beberapa aktiviti kita dapat menjimatkan kos dan menjimatkan staf, kakitangan supaya lebih berkesan tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap keperluan-keperluan kaum wanita ini kerana banyak sangat masalah kaum wanita. Seperti kita maklumi pada suatu ketika dahulu Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah mengatakan bahawa wanita atau suri rumah tangga yang lebih ramai yang miskin, daif kalau dibandingkan dengan lelaki. Luar bandar memang jauh lebih ketinggalan.

Jadi, saya harap kementerian ini lebih aktif lagi, terus bergerak untuk membantu wanita dan kalau boleh mendapatkan peruntukan yang lebih lagi dan staf yang lebih lagi agar apa-apa yang dirancangan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Jeli.

**12.28 tgh.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Betapa Islam memandang tinggi dan mulia kepada wanita, Tuan Pengerusi. Kita boleh merujuk daripada banyak-banyak Firman Allah S.W.T., saya ingin membawa ke Dewan ini dua Firman Allah S.W.T.

[*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] yang bermaksud: "*Wahai manusia, aku jadikan kamu lelaki, perempuan, berbangsa-bangsa supaya kami dapat kenal antara satu sama lain, dapat berkasih sayang di antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah S.W.T. ialah orang yang lebih banyak takwanya.*" Maknanya tidak ada pengelasan lelaki warganegara kelas satu dan wanita warganegara kelas dua, Tuan Pengerusi.

Bahkan, dalam Islam itu sendiri meletakkan bukan lagi di belakang lelaki itu wanita tetapi di sebelah lelaki adalah wanita. Kalau pepatah Inggeris banyak berkata: '*Behind a man is a woman*', tetapi dalam Islam sebelah lelaki adalah perempuan. Sebab itu dalam banyak hal '*Mukminin Wal Mukminat*' '*Muslimin Wal Muslimat*' Maknanya sentiasa berangkai. Maknanya betapa pentingnya hendak meletakkan wanita dan lelaki adalah setara bagi pandangan Islam.

Begitu juga Tuan Pengerusi, ayat [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] bermaksud: "*Di antara tanda-tanda kebesaran yang ditunjukkan kepada manusia ialah Aku jadikan wanita-wanita itu bagi lelaki 'mawaddatanwarahmah' dia rasa tenang rasa sayang, rasa kasih dengan wanita. Inilah tanda-tanda kebesaran Aku yang Aku tunjukkan kepada mana-mana kaum yang hendak berfikir*". Sebab itu saya rasa cukup sedih dalam

merujuk kepada Butiran 020000 - Jabatan Pembangunan Wanita dan 00100 - Pusat Khidmat Wanita. Bila mana di celah-celah kita rasa angkuh dengan undang-undang keluarga wanita yang ada dalam negara kita, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Kelantan menangis beberapa kali bila mana menceritakan tentang wanita.

Bagaimana kita begitu angkuh dengan undang-undang yang ada hari ini hendak mempertahankan wanita tiba-tiba Canny Ong bukan orang Islam, dibunuh bahkan hari-hari dalam akhbar 4-5 kes rogol. Ada rogol dibunuh, ada rogol yang tidak dibunuh. Di mana silapnya sehinggakan boleh terjadi begitu. Tiba-tiba ada dua negeri yang cuba hendak mempertahankan kaum wanita dengan memperkenalkan hudud dengan alasan untuk memberi satu ketakutan, tiba-tiba kita memperlekehkan usaha-usaha mereka yang hendak mencuba, dalam negeri yang rakyat memang sangat-sangat berhajat kepada perkara tersebut.

Bayangkanlah bila mana kita memperkenalkan hudud di Kelantan dan Terengganu. Hudud adalah satu perkara yang jelas Tuan Pengerusi, dia tidak boleh lebih daripada enam perkara ini:-

- (i) mencuri;
- (ii) merompak;
- (iii) berzina;
- (iv) minum arak;
- (v) riddah; dan
- (vi) menuduh orang berzina.

Mana boleh kita hendak menambah lagi daripada yang enam ini. Kalau kita tambah makna kita telah menambah hudud Allah S.W.T. Tidak timbul masalah hudud ini hudud PAS atau hudud sesiapa. Siapa pun boleh membuat hudud Tuan Pengerusi, tiba-tiba ada mereka yang becok mulut mengatakan "he! gelinya hudud ini", seolah-olah mereka boleh pergi ke Kelantan, Terengganu boleh liwat hari-hari. "Saya tidak sanggup hendak kahwin dengan orang Kelantan", ada kenyataan. "Sekarang ini kalau saya kahwin dengan orang Kelantan maka saya dibolehkan, ada hak (*prerogative*), *privilege* kepada suami hendak meliwat isteri", saya mencabar kepada mana-mana yang berani hendak liwat isteri datang ke Terengganu, datang ke Kelantan kalau hendak kena sebat 6 sebatan setiap hari, sila datang ke Kelantan dan Terengganu.

Kerana telah jelas bahawa telah ada di dalam enakmen syariah yang maksimum, yang enakmen syariah boleh pergi berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, yakni mana-mana orang apabila dilaporkan oleh isteri bahawa suaminya telah meliwatnya, maka pihak berkuasa berdasarkan hukum takzir, maka suami boleh dijatuhkan.

- (i) denda RM5,000;
- (ii) tiga tahun penjara, dan
- (iii) enam kali sebatan.

Sebab itu perkara yang jelas jangan kita mempertikaikan, sebab itu adalah membimbangkan kita sekarang ini. Kita sedang memperjuangkan hak-hak wanita tetapi pada yang masa sama kita jangan lupa memperjuangkan hak-hak kaum bapa, kaum ibu, kaum lelaki. Sekarang ini kita cuba hendak memperkenalkan beberapa undang-undang yang lebih keras.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas sila.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Kelmarin dalam perbincangan Timbalan Menteri Penerangan mengatakan bahawa negara kita adalah negara Islam, tetapi dalam waktu yang sama

beliau mengatakan bahawa, "saya menolak hudud", dua tiga kali dalam ucapannya kelmarin, "saya menolak hudud". Jadi, inilah di antara ucapan-ucapan yang boleh menimbulkan suatu respons yang tidak baik. Jadi, bila kita sebut bahawa ucapan-ucapan begini boleh mengeluarkan seorang daripada tuntutan beriman kepada Allah S.W.T, nanti kalau kita menyebut sedemikian barangkali dikatakan bahawa kita menuduh si polan ini begitu, begini tetapi dengan sengaja disebut perkara-perkara yang sedemikian. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jeli?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Dalam Al-Quran surah Al-Maidah tiga kali Allah telah mengulangi [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*]. Jadi cukup kita jangan sengaja mencerca kerana perkara ini perkara yang datang daripada Allah S.W.T yang mencipta manusia dan dia tahu di mana kelemahan manusia.

Saya hendak berbalik kepada Jabatan Pembangunan Wanita dan Pusat Khidmat Wanita. Sekarang ini masalah apa? Sekarang ini kita hendak memberatkan hukuman, antaranya sumbuh mahram. Ada wanita-wanita ini dirogol, maka kita hendak memberatkan hukuman-hukuman supaya mereka ini tidak melakukan tindakan sebegitu rupa, tetapi saya fikir Tuan Pengerusi yang lebih afdal yang lebih utama sekarang ini wanita-wanita itu hendaklah *dieducate*, diberikan kursus. Sekarang ini kita sudah ada, bermakna sebelum pasangan itu berkahwin mereka perlu menjalani kursus, kalau ada sijil kursus maka mereka baru boleh berkahwin.

Jadi, alangkah baiknya kalau kementerian ini bersama-sama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di peringkat negeri masing-masing mengadakan kursus bukan hanya satu hari, tetapi kita mengadakan selama tiga hari. Di antaranya kita menyatakan hak seorang isteri. Misal kata sekarang, kita tengok kenapa banyak tidak melaporkan kes-kes bapa merogol anak. Kerana kita tengok di kampung-kampung ibu-ibu semuanya meletakkan bahawa "*the sole breadwinner of the family*", Tuan Pengerusi terletak kepada bapa, kalau bapa dipenjarakan dia kata habislah tempat bergantung kita. Jadi, kalau kita membuat undang-undang lebih tinggi pun Tuan Pengerusi, kalau keluarga tidak lapor, dia tidak ke mana juga.

Alangkah baik sekarang ini kita *educate* mana-mana pasangan yang hendak berkahwin supaya mereka tahu hak dan kepentingan mereka, tentang apa kelebihan yang ada pada wanita. Jangan kita sekarang ini seolah-olah meletakkan wanita lemah, wanita takut. Jadi kita sendiri yang meletakkan wanita di paras sebegitu rupa. Saya hendak memuliakan wanita, sebab itu sekarang ini kita lebih penting, kita berikan *education* kepada wanita dalam batas-batas, umpama untuk agama Islam ada kursus seperti mana yang saya katakan. Untuk agama-agama lain saya fikir dia boleh menyusun dengan NGO dan sebagainya buat kursus dan ada sijil dahulu baru melayakkan mereka untuk berkahwin. Supaya tidak berlaku penganiayaan dan sebagainya kepada wanita.

Penganiayaan itu kadang-kadang diizinkan kerana perempuan sudah tidak ada pilihan bagi dia, melainkan sekarang kita lihat kalau wanita itu dia ada kemampuan dia sendiri, maka mungkin dia boleh ada keberanian untuk melakukan sesuatu. Tuan Pengerusi, satu lagi kita tengok antara beberapa punca masalah keluarga yang berlaku. Kalau Tuan Pengerusi tengok di Pekeliling, Sentul, masih lagi rumah-rumah pangsa satu bilik, sedangkan LRT lalu dekat situ, STAR pun lalu di situ tetapi rumah-rumah pangsa kita masih lagi satu bilik yang disewakan oleh DBKL.

Cuba bayangkan Tuan Pengerusi, macam mana boleh ada satu, anak perempuan hendak tidur dekat mana? Suami dan isteri hendak tidur di mana. Ini merupakan antara punca-punca yang mesti kita lihat bahawa punca-punca yang menyebabkan berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan. Bahkan kalau mana-mana rumah yang tidak mengandungi tiga bilik, maka anak-anak akan mencari kepuasan di luar, bermakna tidak lagi di dalam rumah. Satu lagi kita tengok faktor-faktor yang menyebabkan keluarga ini sukar kita bentuk menjadi keluarga yang baik ialah kerana suami dan isteri terpaksa bekerja.

Kalau kedua-dua kerja buruh, kalau gaji RM1,000 tinggal di Kuala Lumpur memang tidak boleh, kalau dekat kampung saya di Kelantan RM1,000 insya-Allah bolehlah. Di beberapa bandar-bandar kecil sedikit pun alhamdulillah, si isteri tidak perlu bekerja tetapi

di Kuala Lumpur RM1,000 tidak cukup, sebab itu suami dan isteri kena bekerja. Bila suami dan isteri kena bekerja maka di mana anak-anak itu akan menumpang kasih sayang, di mana anak-anak mendapatkan kebahagiaan keluarga. Maka sudah tentu dia akan mencari kawan-kawan. Sebab itu sekarang ini kita mesti fikir bagaimana mengatasi supaya isteri tidak perlu bekerja.

Macam di Jepun satu peringkat dahulu bagaimana dia hendak memajukan ekonomi. Isteri berada di rumah, kebanyakan saya tengok, tidak dikatakan semua. Suami berada di tempat kerja, maknanya keluarga telah dijaga oleh isteri itu sendiri. Sekarang kalau kita hendak suruh anak kita dijaga oleh orang lain, sudah tentu kasih sayang tidak sama seperti mana dengan yang diberikan oleh ibunya. Begitu juga dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, kalau kita ingat dahulu kerajaan bercadang hendak menjadikan 70 juta penduduk negara dalam waktu beberapa tahun tertentu. Apa yang berlaku sekarang sudah berlaku, sedangkan kita perlukan penduduk yang ramai sekiranya kita mahu meningkatkan KDNK kita, pembangunan ekonomi berasaskan kepada perbelanjaan domestik.

Kerana sedia maklum bahawa sekarang ini FDI yang datang ke negara kita cukup kecil, tambahan pula China sudah memboloti daripada Asia Timur 85%, FDI sudah pergi ke China dalam rangkaian negara-negara Asia Timur. Sebab itu kita hendak mengembangkan perbelanjaan domestik dari segi hendak meningkatkan KDNK negara. Saya fikir dengan penduduk 23 juta tidak cukup, maka kita sasarkan pada ketika itu 70 juta, tetapi nampaknya cadangan rancangan tersebut hanya "hangat-hangat tahi ayam". Dahulu bukan main beria-ia tetapi sekarang di mana tindakan-tindakan susulan untuk mendapat taraf penduduk 70 juta.

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Bahkan kita bimbang umpamanya di kalangan-kalangan masyarakat bukan Islam, teman-teman kita bukan Islam sudah ada satu trend seperti mana Singapura sama ada tidak berkahwin atau lewat kahwin. Ini merugikan negara kerana kita berhasrat, berhajat kepada penduduk yang ramai untuk memantapkan ekonomi. China kalau tidak ada pelabur luar sudah cukup dengan perbelanjaan domestik untuk membangunkan, memangkinkan ekonomi mereka. Sekian terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kuala Selangor.

**12.40 tgh.**

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan dalam B.49 dan P.49 - Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Syabas dan tahniah kepada kerajaan pada hari ini yang telah pun mewujudkan satu kementerian khusus untuk wanita. Kita tidak menafikan bahawa wanita merupakan salah satu daripada institusi keluarga yang penting dalam rumah tangga. Yang mana di dalam Islam sendiri telah diiktiraf dan mengiktiraf kepada wanita ini dalam Al-Quran yang mempunyai 30 juzuk dan juga 114 surah dan termasuk di dalam 114 surah ini ialah Surah an-Nisa'. Ini menunjukkan penghargaan daripada agama Islam sendiri kepada wanita.

Dalam masa yang sama telah pun diperakui sendiri oleh junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, yang mana disebut dalam sebuah hadisnya menyatakan [*Membaca sepotong Hadis*] Bahawa syurga itu di bawah tapak kaki ibu.

Dalam masa yang sama Tuan Pengerusi, dalam institusi keluarga ini merupakan satu faktor yang paling penting dalam membina masyarakat dan juga negara. Hari ini kerajaan sama ada daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan daripada institusi agama seperti JAKIM dan juga kerajaan-kerajaan negeri termasuklah Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang menyatakan bahawa untuk melahirkan *Baiti Jannati* iaitu rumahku syurgaku, itu adalah bukan mudah. Hendaklah ada komunikasi yang bersefahaman di antara yang dinamakan seorang lelaki yang dalam masa yang sama sebagai seorang suami dan sebagai seorang bapa dan juga ketua keluarga. Begitu juga

kepada seorang perempuan yang bernama dalam masa yang sama sebagai seorang isteri, sebagai ibu dan juga sebagai suri rumah tangga.

Apa yang kita harapkan dalam hal ini adalah institusi keluarga ini dibina dengan sifat harmoni daripada sebagaimana yang diperkatakan tadi oleh daripada...

**Tuan Pengerusi:** Lipis, Lipis tadi.. ya?.

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said:** Yang Berhormat bagi Lipis dan teman-teman yang lain mengatakan bahawa rumah tangga yang diwujudkan pada mulanya berumah tangga adalah manis tetapi lama-lama sebagaimana konsep daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini bagaimana caranya untuk kita mendidik diri kita agar semakin hari semakin sayang. Dan kita nampak pada penglihatan zahir daripada bagi mereka terutama para pelawat dari luar negara manakala datang ke negara kita, ketika menyeberang jalan, berpimpin tangan antara suami dan isteri. Begitulah kita melihat harmoninya bagi mereka yang sudah berusia emas antara suami dan isteri, begitu harmoni. Itu juga perlu dilahirkan dalam masyarakat kita hari ini untuk mengujudkan semakin hari semakin sayang ini supaya dapat mengurangkan kepada perkara-perkara yang berlaku hari ini iaitu seperti masalah kerosakan rumah tangga.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian yang mana telah pun dinyatakan di dalam Dewan ini dalam Soalan Jawapan Lisan baru-baru ini mengatakan bahawa dengan adanya konsep mengadakan beberapa kursus dan berbagai intensif kepada suri-suri rumah tangga dan juga kepada suami dan isteri ini diberikan kursus maka akan kurang berlaku perceraian.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya mencadangkan supaya kepada keluarga-keluarga yang ditinggalkan oleh suami, yang dinamakan dia sebagai ibu tunggal supaya diberikan satu dana khas kepada wanita sendiri. Walaupun ada agensi kerajaan seperti Badan Kebajikan Masyarakat yang juga memberikan peruntukan kepada wanita dan juga lelaki yang lemah dan juga yang daif tetapi apalah salahnya oleh kerana wanita ini diberikan satu kementerian khas diwujudkan satu dana untuk diberikan terutama kepada ibu-ibu tunggal ini dari segi pembangunan keluarganya terutama perniagaan dan sebagainya, diberikan peruntukan seperti yang dibuat oleh kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Pengerusi, saya menyatakan bahawa penghargaan dan penghormatan daripada kerajaan hari ini telah pun memberikan satu perkara yang paling tinggi kepada kaum wanita selain daripada sebagai suri rumah tangga yang mana hari ini kerajaan telah pun memberikan satu penghargaan dengan mengadakan Hari Wanita dan juga insya-Allah apa yang dinyatakan dalam Dewan ini mungkin insya-Allah akan lulus radio wanita. Jadi ini menunjukkan penghargaan dan penghormatan kepada kaum wanita di negara kita.

Dalam masa yang sama mengenai dengan wanita yang bekerja dengan tidak bekerja. Saya memang simpati dan menghargai kaum wanita. Terutama wanita yang mana menyebabkan saya ada pada hari ini iaitu ibu. Dengan adanya ibu saya maka saya berada di Dewan yang mulia ini. Justeru itu kadang-kadang kita tidak dapat ditanya oleh sahabat kepada seorang lelaki, isteri kerja mana? Isteri saya tidak kerja. Jadi perkataan isteri tidak kerja ini satu perkara yang perlu hari ini ditinggalkan kerana walaupun mereka tidak bekerja dengan kerajaan tetapi bekerja di rumah tangga adalah lebih daripada bekerja dengan kerajaan ataupun kepada swasta. Daripada waktu selepas bangun pagi menyiapkan untuk anak-anak kita, menyiapkan untuk diri kita dan sejauh manakah kita sebagai seorang suami mengucapkan terima kasih. Kalau kita hendak makan dan pergi kerja, isteri kita di rumah, adakah kita ucapkan terima kasih di atas masakan ataupun daripada bangun pagi menyediakan persiapan sarapan pagi? Dan daripada pagi membasuh pakaian, menyiapkan hidangan tengah hari kalau suami balik dan paling tidak waktu malam.

Justeru itu saya terbaca di dalam sebuah risalah mengenai bahawa dengan adanya sejarah yang menceritakan bahawa manakala Rasulullah s.a.w sampai ke Madinah, beliau menyatakan kepada Sayidatina Fatimah, "Wahai Fatimah, ada seorang perempuan yang lebih dahulu masuk syurga daripada kamu, wahai Fatimah!" Terperanjat Sayidatina Fatimah oleh kerana beliau adalah merupakan anak Rasulullah tetapi rupa-rupanya ada perempuan yang terlebih dahulu masuk ke dalam syurga daripadanya.

Tuan Pengerusi dalam hal ini, bahawa peranan wanita adalah penting. Justeru itu...

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said:** Oh! Saya ingat hendak cerita lagi. Justeru itu saya lagi sekali memberikan satu cadangan kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga agar mengadakan kursus yang lebih banyak bersama-sama dengan JAKIM dan juga bersama dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya dapat dan juga kepada setiap isteri, dengan suami duduk sebelah, bersama-sama berkursus. Ini supaya kalau berlaku dalam rumah tangga baik maka baiklah kalau tidak maka mereka akan saling menjeling di antara suami dan isteri, isteri dan suami. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kinabatangan.

### 12.50 tgh

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berhujah dalam Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan Dasar, dan juga Jabatan Pembangunan Wanita dan Pusat Khidmat Wanita itu sendiri. Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, walaupun kementerian ini baru tetapi telah merealisasikan hasrat Kerajaan Barisan Nasional itu sendiri iaitu ingin melihat bahawa wanita di negara kita sentiasa terjamin dan terbela dalam apa juga bentuk.

Walaupun pada saya isu *gender* ini merupakan satu isu yang kalau dibicarakan bertahun-tahun pun, Tuan Pengerusi, tidak akan dapat diselesaikan kerana banyak faktor yang perlu kita ambil kira, iaitu sekurang-kurangnya ia tidak bertentangan dengan undang-undang yang sedia ada. Pada saya, rasa saya, wanita di negara kita adalah wanita, yang kalau boleh, mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan sebab kita telah melakukan yang terbaik untuk kepentingan wanita kita.

Saya, Tuan Pengerusi, ingin mengulas dan saya tidak setuju dengan rakan saya Yang Berhormat bagi Jeli di mana saya memang mengakui dan menerima bahawa Islam memandang tinggi dan mulia terhadap wanita tetapi beliau bercakap seolah-olah semut jauh di lautan dia nampak, tetapi gajah di depan mata dia tidak nampak. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kenapakah DAP tidak mempersoalkan Kerajaan Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu berhubung dengan *gender* sedangkan telah jelas Kerajaan Kelantan menyatakan “Wanita cantik tidak harus diberi kerja sebab dia boleh berkahwin, lebih senang dengan orang yang mewah”?

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak ada jalan Tuan Pengerusi. Saya tidak ada masa.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya mahu habiskan. Saya mahu memperjelaskan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Bagilah. Jangan buat kenyataan yang karut itu. [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Perkara ini, Tuan Pengerusi, rasa saya memalukan.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dia bercakap tidak betul itu. [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapa ramai EXCO kerajaan negeri di Kelantan dan Terengganu

yang terdiri daripada wanita? Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapa ramai pegawai kerajaan dari kalangan wanita yang memegang jawatan tinggi seperti yang berlaku dalam Kerajaan Barisan Nasional? Gabenor Bank Negara adalah wanita dan sebagainya, adalah wanita, bahkan ada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, tetapi ini tidak dipersoalkan oleh pemimpin dia sendiri sebab dia *taasub* dengan kepimpinan, walaupun salah mereka jadi tukang angguk juga!

Pada saya, Tuan Pengerusi, walaupun objektif kementerian ini untuk mencari keseragaman di antara *gender* lelaki dan wanita tetapi ini tidak bermakna kita sebagai kerajaan tidak melunaskan tanggungjawab ini. Jadi, pada saya, saya ingin bertanya kementerian negeri ini, mengikut statistik yang sedia ada, kenapakah angka perceraian ini ataupun ibu-ibu tunggal ini terus sahaja muncul seperti cendawan tumbuh selepas hujan? Apakah punca sebenarnya? Ini yang perlu kita kaji. Apakah punca perceraian ini?

Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa perkahwinan dengan percintaan semata-mata tidak akan menjamin keutuhan rumah tangga itu sampai akhir hayat sebab orang tua-tua dahulu tidak pernah bercinta tetapi dia boleh melahirkan 13, 14 orang anak. Tuan Pengerusi, saya mempunyai 13 orang adik-beradik. Orang tua saya tidak pernah pun berjumpa. Mereka berkahwin, mereka cerai meninggal dunia semata-mata. Hari ini kita tengok ramai remaja kita berpeleleran, berlepek di sana-sini, kononnya cinta sehidup semati. Tetapi cinta bertahan satu bulan sahaja, Tuan Pengerusi, sesudah itu habis, tidak ada, rapuh!

Jadi, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga harus memainkan peranan ini, memberi kaunseling, meminta kerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan sebagainya, supaya dapat memberi kaunseling kepada belia-belia kita ini, remaja-remaja kita ini.

**Puan Fong Po Kuan:** [*Bangun*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Satu lagi rasa saya yang perlu kita ambil kira, iaitu kalau boleh kementerian ini meminta semua wanita di negara kita ini, kalau boleh, yang remaja-remaja, masuk kelas mempertahankan diri kerana ini perlu sebab dalam kes-kes rogol, bunuh dan sebagainya, ia banyak melibatkan wanita-wanita kita.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Tidak ada masa, Tuan Pengerusi. Saya mahu habiskan ini. Saya mahu balik ke Kota Kinabalu, Tuan Pengerusi. Kalau ini dapat kita bina, rasa saya, kita akan dapat membantu menyelesaikan masalah ini sedikit demi sedikit sebab sekurang-kurangnya mereka mempunyai asas bagaimana mempertahankan diri. Kes Canny Ong, kita telah mengikuti perkembangan dia – dia mempunyai ruang dan peluang untuk melepaskan diri tetapi dia tidak berhasrat untuk melepaskan diri. Apa sebabnya? Apa puncanya? Kalau kita lihat, kalau wanita ada keberanian, mereka ada kehendak untuk mempertahankan diri mereka tanpa menunggu untuk dibunuh atau dimakan oleh si pemangsa, Tuan Pengerusi.

Rasa saya wanita perlu mengambil kira, meminta kerajaan supaya menyediakan peruntukan yang secukupnya. Justeru itu, Pusat Khidmat Wanita perlu diwujudkan, kalau boleh di setiap daerah, kalau pun tidak boleh sebuah di setiap kampung tetapi di setiap daerah mesti ada satu Pusat Khidmat Wanita ini sebab ia perlu. Pertama, untuk memantau berapa statistik ibu-ibu tunggal sebab ibu tunggal itu hari-hari ada - hari ini ada sepuluh orang besok sudah bertambah menjadi satu ratus orang - sebab berlaku perceraian, pergaduhan dan sebagainya. Ada juga yang bercerai, Tuan Pengerusi, kerana umur, mati dan sebagainya, tetapi majoritinya begitulah, perceraian.

Pada saya, sudah sampai masanya kita semua, menerusi kementerian yang sedia ada ini, walaupun kita percaya kementerian ini masih banyak lagi kekurangan, bukan sahaja dari segi peruntukan, kakitangan dan sebagainya, tetapi banyak lagi yang perlu diberi *input*, yang ditambah oleh kerajaan. Saya mencadangkan supaya kerajaan kita memberi peruntukan yang secukupnya kepada kementerian ini sebab kita ingin membela untung nasib wanita-wanita kita di seluruh negara sebab pada saya wanita ini memang

benar ia harus menjadi pujaan kita sebab kita pun dilahirkan oleh wanita. Kalau tidak ada ibu kita, kita tidak akan ada di dunia ini.

Pada saya tidak timbul tuduhan oleh pembangkang bahawa kita tidak membela untung nasib wanita. Jelas daripada dahulu sampai sekarang, Tuan Pengerusi, dasar kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional begitu tepat sekali, bukan seperti Kerajaan PAS, cakap tidak serupa bikin. Saya lihat Tok Guru dia, Menteri Besar Kelantan bercakap dalam TV, "Tidak payahlah bagi perempuan cantik bekerja, dia boleh kahwin".

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tetapi dia tidak baca.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Bagi jalan, Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya dengar Menteri Besar Kelantan bercakap keculililah kalau televisyen membohong. Kalau tidak bohong, saya nampak dengan mata kepala dan telinga saya sendiri! Tidak ada laluan, Tuan Pengerusi. Duduklah! Masa saya pun sudah habis! Jadi kita memintalah ..

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Cuba cakap sekali lagi!

**Tuan Pengerusi:** Biarlah, biarlah. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Dia yang bacul, Tuan Pengerusi! Dia kata saya bacul! Dia yang bacul! Dia bacul! Pengikut! Yang salah pun begitu! Inilah masalah, Tuan Pengerusi, pemimpin mereka ini kalau mereka bercakap, kita diam, kita dengar tetapi apabila kita bercakap, dia bukan alang-alang agresif, mempertahankan benang yang basah!

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Memang betul pun. Jadi inilah kerenah pemimpin-pemimpin pembangkang. Kita mahu rakyat menilai pemimpin-pemimpin yang sebegini. Pilihlah pemimpin yang baik sedikit, yang boleh mendengar, boleh menerima sebab kita sebagai wakil rakyat bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah rakyat. Macam Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, *[Memandang ke arah Yang Berhormat Kubang Kerian]* dia *steady*, memang boleh pilih lagilah, saya tengok. Ini yang kita mahu. Tuan Pengerusi, jadi pada saya, saya mintalah kementerian dan kerajaan menumpukan peruntukan-peruntukan yang lebih banyak untuk memastikan masalah *gender* di negara kita ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**12.58 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan Dasar dan Butiran 020000 – Jabatan Pembangunan Wanita. Saya ingin merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, yang mana beliau menyentuh isu kupu dalam perkahwinan, dan dia juga menggunakan peribahasa "Seperti pinang dibelah dua". Kalau sebiji pinang dibelah dua, ini bermaksud, kalau inilah untuk menggambarkan perkahwinan yang baik, ini bermaksud satu suami satu isteri.

Jadi, ini harus dijadikan prinsip yang dipegang oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading, yang mana mereka tidak harus berkahwin dua kerana ini bermaksud, kalau mereka berkahwin dua, pinang itu bukanlah dibelah kepada dua tetapi dibelah kepada tiga. *[Ketawa]* Jadi, ini memang tidak secucuk dengan peribahasa Melayu itu. Jadi, saya hendak ingatkan Yang Berhormat bagi Sri Gading tentang isu yang dibangkitkan tentang kupu itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada isu imigresen yang dihadapi oleh wanita di Malaysia, yang mana kita faham bahawa sekarang lelaki Malaysia yang berkahwin dengan wanita asing, wanita asing itu selalunya boleh mendapat visa untuk bermastautin di Malaysia dengan senang. Saya masih ingat dua tahun yang lepas, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah berkata bahawa kerajaan akan melonggarkan syarat bagi suami asing yang ingin berkahwin dengan wanita Malaysia tetapi selepas pengumuman itu dibuat, saya tidak melihat apa-apa kelonggaran dari segi undang-undang imigresen kita. Jadi, saya hendak tanya kementerian sama ada syarat ataupun apa-apa peraturan tentang imigresen ini telah dilonggarkan, dan berapa ramaikah suami asing yang telah dibenarkan masuk selepas pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini? Saya hanya ingin tahu sama ada syarat imigresen kita sudah dilonggarkan ataupun tidak.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta sambung sebelah petang, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okay.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang pukul 1.00 tengah hari, Yang Berhormat.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Seputeh sambung.

**2.32 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengikut undang-undang negara kita, bagi wanita yang berkahwin dengan lelaki asing, anak mereka hanya boleh menjadi rakyat Malaysia sekiranya mereka melahirkan anak mereka di Malaysia. Tetapi, sekiranya wanita ini melahirkan anak mereka di luar negara, maka anak mereka pun terpaksa mengikut kewarganegaraan suami asing. Ini bermaksud wanita Malaysia yang berkahwin dengan lelaki asing tidak mempunyai layanan yang sama seperti lelaki Malaysia yang berkahwin dengan wanita asing.

Undang-undang seperti ini adalah amat tidak adil terhadap wanita di Malaysia dan saya berharap kementerian dapat membetulkan keadaan yang berat sebelah dari segi undang-undang kita ini. Sehubungan dengan itu, masalah yang dihadapi oleh isteri asing di negara kita adalah mereka harus bergantung kepada suami mereka untuk membaharui visa mereka.

Dalam sesetengah kes di mana si suami yang tidak bertanggungjawab enggan membaharui visa untuk isteri mereka, isteri asing ini pun tidak dapat bermastautin di Malaysia dan mereka terpaksa meninggalkan tempat ini atas sebab perkahwinan yang tidak berjaya. Keadaan akan bertambah susah bagi mereka yang mempunyai anak, kerana mereka terpaksa berpisah dengan anak mereka atas undang-undang seperti ini.

Tuan Pengerusi, sejak Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ditubuhkan, aktiviti yang selalu kita lihat dalam media adalah lebih merupakan perhimpunan raksasa pada Hari Wanita Malaysia dan sebagainya, dan hadirinnya pula selalunya merupakan anggota wanita Barisan Nasional pula. Walaupun perhimpunan seperti ini dilihat sebagai menunjukkan kuasa wanita, tetapi memandangkan sumber kementerian ini

terhad dan wanita di negara kita menghadapi pelbagai masalah yang harus dipandu oleh kerajaan.

Jadi, saya cadangkan supaya pihak kementerian memperuntukkan lebih sumber untuk memberi latihan kepada anggota akar umbi masyarakat kita dan juga memberi bantuan kepada mereka. Ini termasuk memberi bantuan guaman, memberi latihan kaunselor dan menubuhkan rumah perlindungan untuk wanita yang beranak tetapi belum berkahwin ataupun mangsa keganasan rumah tangga. Kesemua perkhidmatan ini, kini diberi oleh pertubuhan bukan kerajaan, tetapi memandangkan kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, jadi usaha dan perkhidmatan seperti ini seharusnya juga dipikul oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, saya juga selalu menerima aduan daripada kaum Muslimin yang tidak berpuas hati terhadap undang-undang syariah yang mana mereka berkata berat sebelah dan berpihak kepada kaum lelaki. Selain dari itu, dalam sesetengah kes, mereka juga mengadu bahawa Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman yang berat sebelah kepada kaum wanita, tetapi bukan pada lelaki.

Mengikut kes yang ada pada saya, contoh beberapa kes yang diberi oleh mereka, mengikut Seksyen 29 dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah, sesiapa yang berkelakuan tidak senonoh dalam tempat awam adalah bercanggah dengan undang-undang Islam, contohnya dalam satu pertandingan *Miss Malaysia*, di mana tiga wanita, mereka didapati bersalah dalam dua minggu, tetapi bagi lelaki yang menunjukkan tubuh badan mereka, mereka tidak dijatuhkan hukuman yang sama seperti *Miss Malaysia* tersebut.

Selain daripada itu, selalunya penyanyi wanita di pub, ditahan oleh Jabatan Agama kerana dikatakan tidak hormat kepada agama Islam, tetapi manakala lelaki pula selalunya dibebaskan begitu sahaja. Dalam satu kes di Kedah, pada tahun 1998, di mana tiga remaja, mereka ditangkap kerana kononnya mengadakan satu seks parti di sebuah rumah. Selepas itu lelaki yang terlibat itu, lelaki yang berumur 18 tahun itu, dia dikenakan hukuman denda RM1,000 sahaja, manakala dua gadis yang terlibat yang berumur 18 tahun dan 15 tahun itu haruslah dihantar untuk *rehabilitation*.

Jadi, kes seperti ini menunjukkan bahawa selalunya lelaki boleh dibebaskan begitu sahaja. Jadi, ini adalah aduan yang saya terima dan saya ingin meminta pandangan daripada pihak kementerian, apakah pendirian kementerian terhadap aduan tentang Undang-undang Syariah ini, dan adakah kementerian bercadang untuk melakukan apa-apa seperti mengadakan apa-apa bentuk rundingan dengan Jabatan Agama yang berkenaan untuk membetulkan keadaan ini, supaya undang-undang kita ini lebih saksama dari segi jantina.

Sekianlah ucapan saya, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah dahulu, selepas itu Yang Berhormat bagi Selangau, selepas itu Menteri menjawab.

**2.38 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 – Jabatan Pembangunan Wanita. Baguslah Menteri ada hadir untuk mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita ini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan semua agensi kerajaan, terutamanya pihak polis agar mewujudkan satu persekitaran yang mesra kepada wanita terutamanya yang menekankan kepada isu keselamatan bagi wanita.

Pihak NGO wanita juga tidak ketinggalan menyeru, merayu kepada pihak yang bertanggungjawab termasuk bahagian Wanita Perhimpunan Dewan Cina Selangor, turut menyerahkan memorandum kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini, agar memberi penekanan atau memberi bantuan serta mendapatkan kerjasama daripada pihak kementerian yang lain agar menekankan isu keselamatan bagi kaum wanita.

Kita dapat lihat di dalam Bangunan Parlimen ini, Ahli-ahli Parlimen wanita juga bersatu hati untuk menyeru kerajaan memberi satu suasana yang selamat bagi kaum wanita.

Saya ingin tanya kementerian ini sama ada apakah ada dibangkitkan dalam mesyuarat yang diadakan oleh kementerian dengan kementerian yang lain berkenaan isu keselamatan bagi wanita ini. Jadi saya juga ingin tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian ini bagi memastikan akan mewujudkan satu suasana yang mesra serta selamat bagi wanita memandangkan begitu banyak rayuan dan seruan dalam kes-kes yang melibatkan keganasan terhadap wanita telah berlaku. Saya juga ingin tahu apakah program, dengan izin, *on the ground* yang telah dijalankan oleh kementerian.

Selepas kes Canny Ong, Tuan Pengerusi, kita boleh nampak pihak NGO begitu kuat sekali bersuara bagi wanita. Kita nampak pihak NGO telah melancarkan satu kempen *Citizen Against Rape* di mana Yang Berhormat Menteri juga ada dijemput untuk menghadirinya. Tetapi kesalnya perarakan besar-besaran yang hendak diadakan di Bangsar telah ditolak kelulusannya oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dengan alasan bahawa ia tidak selamat dan mengancam keselamatan jika kempen ini diadakan bagi menimbulkan dan membangkitkan kesedaran berkenaan keganasan terhadap wanita.

Tetapi kita nampak kalau kita adakan satu program yang dijalankan oleh NGO, perarakan seperti yang dilancarkan oleh NGO ini, pihak polis menggunakan Akta Polis melarang mereka menjalankannya tetapi kalau kita lihat program-program yang dijalankan oleh kerajaan, sebagai contoh *Malaysian For Peace*, saya tidak mempersoalkan niat baik melancarkan *gathering*, dengan izin, yang besar-besaran tetapi ia melibatkan kos yang begitu besar.

Bantahan terhadap keganasan atau perang ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat, itu bagus kita adakan *gathering*, dengan izin, tetapi itu memakan kos yang begitu tinggi. Malahan *Malaysian For Peace* juga mengambil pelajar-pelajar kita untuk berkumpul di Putrajaya untuk menyuarakan bantahan. Itu bagus. Tetapi mengadakan program untuk membangkitkan kesedaran terhadap wanita ini tidak dibenarkan pula. Jadi kita mempunyai objektif yang penting. Objektif NGO wanita ini, suara-suara wanita di luar ini sama juga dengan objektif kementerian untuk satu suasana yang baik untuk wanita.

Jadi saya pohon pendirian kementerian terhadap kes ini sebab kempen ini terpaksa dipindahkan ke Mid Valley yang sewanya begitu tinggi. Selepas itu tidak dibenarkan, dipindahkan pula ke Kolej Damansara Utama, Yang Berhormat Menteri juga ada hadir.

Jadi, saya pohon kementerian apakah ini adalah kerana pihak Kementerian Dalam Negeri merasa isu ini bukan isu yang terpenting buat masa ini. Sebab saya nampak dan saya juga mempunyai pengalaman berdialog dengan pihak polis yang berpangkat begitu tinggi sekali di Petaling Jaya di mana pihak polis mempersalahkan pula wanita apabila berlaku kes-kes ragut beg tangan. Saya terkejut pegawai polis boleh kata wanita kalau tidak pergi berjalan seorang tidak akan ada masalah. Jangan bawa beg tangan. Wanita ini hendak bawa beg tangan kerana hendak masukkan semua *make-up*. Kalau tidak hendak simpan *make-up*, tidak hendak bawa *make-up* ini, tidak payahlah bawa beg tangan. IC itu boleh letak dalam poket. Dia ini meletakkan beban ke atas wanita, seolah-olah mempersalahkan wanita apabila kes ragut beg tangan ini berlaku.

Jadi, ini menyebabkan wanita merasa tidak selamat. Ini bukan tanggungjawab wanita sahaja apabila masalah keselamatan ini timbul, bukan kerana wanita yang membenarkannya atau memberikan satu peluang untuk pihak tertentu melakukan keganasan terhadap wanita.

Yang Berhormat Sri Gading juga membangkitkan bahawa wanita mesti mengekalkan kecantikan. Beritahu dua hitam, dua putih, dua merah semua itu untuk ajar wanita bagaimana untuk jaga kecantikan, untuk kekalkan keharmonian keluarga. Saya rasa itu satu mentaliti yang sudah ketinggalan zaman yang tidak betul dan saya risau wujud ke atas polisi-polisi mereka yang lain. Ini bukan caranya.

Saya haraplah, Yang Berhormat, saya hendak tanya kementerian kalau ada kursus-kursus untuk kakitangan dan pegawai-pegawai juga. Pegawai polis yang selalu berhadapan dengan orang ramai. Pegawai polis, pegawai Jabatan Kebajikan yang telah saya bangkitkan termasuk pemimpin-pemimpin parti politik lelaki yang tidak sensitif. Jadi jangan selalu saya nampak program, kursus dan latihan diadakan, penekanan kumpulan sasarannya adalah wanita sahaja. Sebab kita tahu jawatan tinggi ini, *policy making, law making* ini, dengan izin, semua kebanyakannya diambil jawatan ini oleh kaum lelaki.

Jadi, saya pohon jawapan dan penjelasan berkenaan perkara yang saya bangkitkan. Saya harap tidak akan ditolak tanggungjawab menyatakan bahawa yang saya bangkitkan ini di bawah Kementerian Dalam Negeri sebab saya percaya ini adalah *neutral collective responsibility* dalam perkara sedemikian.

Saya juga ingin beralih kepada perkara berkenaan Skim Mikro Kredit Desa RM100 juta dan juga sebanyak RM128 juta untuk latihan, kursus dan program terutamanya untuk wanita yang kurang upaya dan warga tua ini. Saya rasa apabila kita bangkitkan isu ibu tunggal ini, ramai yang mempunyai satu pandangan bahawa ibu tunggal adalah golongan yang memerlukan bantuan kewangan. Saya rasa ini adalah begitu am sekali pandangan sedemikian.

Saya tidak boleh menafikan ramai ibu tunggal ada yang mengalami masalah kewangan. Tetapi ada yang mempunyai keperluan yang lain seperti kaunseling, nasihat undang-undang, *medical help advice*, dengan izin, dan juga mereka memerlukan pimpinan dari segi mental, psikologi selepas keruntuhan rumah tangga mereka. Jadi, saya hendak tanya apakah kementerian ada menyediakan wanita-wanita kita, ada ramai ibu tunggal yang cekap, mempunyai kebolehan tetapi selepas berkahwin mereka tiada ruang untuk memperkembangkan kebolehan mereka bekerja.

Jadi, saya hendak tanya apakah kementerian mempunyai program untuk melatih mereka menyesuaikan diri dan membolehkan mereka menceburi bidang-bidang di mana pasaran memerlukan mereka ini, memerlukan kepakaran, kebolehan mereka ini. Sebab saya diberitahu oleh pihak NGO banyak program yang dijalankan adalah memasak, membuat kuih, membuat bunga yang saya rasa itu tidak memadai.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Batu Gajah ini wanita DAP. Dalam Dewan ini asyik bertanya sahaja di mana, di mana, di mana tetapi you tidak sama macam wanita UMNO. Wanita UMNO tidak banyak bertanya tetapi banyak buat kerja membela wanita. Nasib baiklah ada wanita UMNO dan Barisan Nasional, keadaan wanita dalam keadaan yang paling baik. Antara nasib wanita yang terbaik di dunia ialah wanita di Malaysia kerana ada Menteri wanita Barisan Nasional, tidak maknanya seperti apa yang - DAP hanya tahu bercakap sahaja - di mana, di mana, di mana? Tadi saya memberikan satu pandangan untuk bagaimana wanita.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** mengekalkan kecantikan dia tidak setuju.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini saya tidak faham wanita DAP ini, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah hendak habis, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Kalau bagi peruntukan saya percaya pihak wanita DAP juga boleh buat kerja lebih banyak daripada wanita UMNO. Sebab kita boleh nampak program-program yang saya tahu, program dianjurkan kementerian banyaknya kerana

memberi wang kepada wanita UMNO untuk hadir, untuk memenuhi ruangan, untuk *five-star hotel*, untuk menunjukkan bahawa sokongan begitu kuat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, kalau boleh saya gulung setengah minit, Tuan Pengerusi, berkenaan pas lawatan sosial isteri wanita asing ini yang saya rasa saya hendak minta bantuan kementerian bagaimana kementerian boleh bantu mereka yang menjadi mangsa keganasan tetapi masih terpaksa bergantung kepada suami untuk melanjutkan pas lawatan mereka ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah putus, Yang Berhormat. Saya kata selepas Selangau, Menteri menjawab ya. Saya sudah putus. Ya, Selangau.

**2.49 ptg.**

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya hendak ucapkan terima kasih kerana Datuk Menteri dapat hadir pada petang ini. Tuan Pengerusi, saya ingin juga bangun dan membahaskan berkenaan dengan Maksud B.49, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Butiran 020000, Jabatan Pembangunan Wanita. Yang kedua, Butiran 030000, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Kita mengucapkan berbilang terima kasih kerana Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini telah menubuhkan kementerian iaitu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Tuan Pengerusi, *charity begins at home*, dalam bahasa Inggeris, pembentukan peribadi anak-anak lebih dibentuk oleh *input* yang diperolehi dalam sistem rumah tangga kita atau didikan rumah tangga kita. Maksudnya, ibu bapalah yang memainkan peranan yang lebih *dominant* berbanding dengan guru dalam sekolah iaitu rumah ialah sekolah yang utama dan pertama.

Dalam hal yang demikian, saya rasa tanggungjawab ibu bapalah yang sangat penting. Kalau kita ingat, semasa saya dahulu ibu bapalah menjaga anak di rumah. Tetapi oleh kerana sekarang dunia telah berubah dan mencabar, ramai daripada ibu kita telah bekerja dan kita menyuruh seperti pembantu rumah untuk menjaga anak. Tetapi perkara seperti ini kadang-kadang kita tidak dapat elakkan sebab kita tinggal misalnya di kawasan bandar kerana cara hidup kita sudah lebih meningkat. Dan kalau gaji bapanya kurang daripada RM1,000 atau RM1,000 lebih, mungkin tidak dapat membantu keluarganya. Tetapi walaupun demikian, saya rasa kita sebagai ibu bapa mesti mempunyai kasih sayang untuk bagikan masa dengan anak-anak kita. Kadang-kadang ibu bapa balik jauh malam kerana tugas dan tidak sempat untuk memberi kasih sayang kepada anak-anaknya. Itulah kadang-kadang punca banyak perkara seperti gangsterism dalam sekolah. Kita tahu ramai orang mengatakan sistem sekolah kita tidak baik, tetapi punca sebenarnya dari keluarga kita. Kata peribahasa 'Kalau bapanya borek anaknya rintik.' Ini kadang-kadang memang betul.

Jadi, saya harap bagi kementerian ini lebih banyak lagi peruntukan yang diberi kepada kementerian ini, bukan sahaja peruntukan yang banyak diberikan kepada kementerian ini, saya bercadang supaya Jabatan Pembangunan Wanita ini patut diberi perhatian yang lebih serius dan ditubuhkan kalau tidak dapat tiap-tiap kampung atau rumah panjang, sekurang-kurangnya di pekan-pekan kecil atau di pejabat daerah, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar.

Juga saya memang berterima kasih kerana di kawasan saya banyak program yang dilakukan oleh jabatan penerangan, tetapi kalau program seperti 'Semakin Hari Semakin Sayang', 'Keluarga Bahagia' diadakan oleh kementerian ini, lebih sesuai selain daripada kursus suri rumah tangga dan macam-macam diadakan oleh kementerian ini lebih tepat lagi daripada yang diadakan oleh Kementerian Penerangan atau 'kementerian hal ehwal khas,' kerana saya rasa mereka lebih tahu lagi. Misalnya, di sekolah, saya bukan merendahkan

bagi kaum bapa atau kaum lelaki. Saya mempunyai lebih 18 tahun dalam pengalaman saya sebagai guru. Guru perempuan lebih baik lagi daripada kaum lelaki sebab caranya bercakap lemah-lembut. Kita garang sedikitlah, maklumlah. Jadi, anak-anak kita pun dia tidak takut perempuan sebab macam emaknya sendiri. Tidaklah semua tetapi cara pukul rata guru perempuan lebih bersifat lemah-lembut, lebih bersifat secara psikologi, tahu cara untuk mengajar anak-anak kita.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan bahawa program ini dapat diterangkan kepada kawasan-kawasan luar bandar sebab sekarang ramai lebih-lagi daripada negeri Sarawak, mereka tanya saya, "Yang Berhormat, saya dengar ada Kementerian Pembangunan Wanita." Tetapi tidak ada aktiviti-aktiviti didedahkan kepada luar bandar. Saya jawab sebab kementerian ini baru dimulakan. Yang saya tahu juga hanya ada dua orang – satu Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen, belum ada banyak kakitangan, belum ada timbalan menteri, sebab ini baru.

Jadi saya haraplah ramai lagi diberi tumpuan kepada kementerian ini supaya ramai lagi para petugas, pegawainya, Menterinya dan sebagainya. Sebab saya fikir kementerian ini yang sangat penting sekali. Oleh kerana pada anak-anak kita hari ini atau belia kita pada hari ini merekalah yang bakal menjadi pemimpin pada masa akan datang negara kita, untuk kesinambungan pembangunan negara kita, terpulang kepada generasi kita akan datang. Kalau mereka tidak baik tidak ada harapanlah bagi kesinambungan negara kita yang telah dibentuk oleh pemimpin kita yang begitu lantang, yang begitu baik, yang dikatakan wira dunia. Tetapi kalau generasi yang ketiga nanti tidak diberi motivasi, tidak diberi semangat, tidak diberi jati diri yang kuat dan *mature* sebagai membela agama dan bangsa kita, harapan kita mungkin tidak tercapai. Wawasan kita mungkin tidak tercapai sebab dunia pada hari ini dunia globalisasi, banyak masalah yang hampir kita. Kita tengok di negara-negara lain yang buat kacau bilau itu bukan orang tidak berpengalaman, bukan orang tidak berintelektual, yang *suicide bombers* itu semuanya saintis dan lain-lain lagi.

Jadi, harapan saya bahawa kementerian ini bukan sahaja peruntukan akan ditambah, timbalan menterinya akan ditambah, Menterinya sudah ada. Setiausaha Parlimen sudah ada tetapi stafnya, pegawai-pegawai di peringkat kalau tidak dapat di kampung-kampung sekurang-kurangnya di peringkat daerah, di peringkat bahagian macam di Sarawak akan ditambah supaya aktiviti seperti yang saya cakap tadi program 'Semakin Hari Semakin Sayang', 'Keluarga bahagia' dan sebagainya dapat didedahkan, dapat diberi kepada rakyat kita di luar bandar. Dengan kata-kata demikian, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ucapkan sebanyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya minta Menteri menjawab.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya lambat datang.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Lima minit sahaja Yang Berhormat. Lima minit ya.

**2.59 ptg.**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang bermurah hati untuk beri kepada saya sekadar lima minit atau 10 minit insya-Allah. Saya masuk terus kepada Butiran 030000. – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Saya kembali kepada rujukan saya pertama sekali kepada ayat Al-Quran dan yang kedua kepada Hadis Rasulullah. Bagaimana Al-Quran menyebut bahawa Allah S.W.T. jadikan di kalangan kita ini perempuan [Membaca ayat suci Al-Quran] Ada dua faktor besar mesti difahami oleh kita semua tidak kira Melayu, Cina dan sebagainya. Pertama sekali Allah S.W.T. menjadikan daripada diri kita ini orang perempuan. Allah jadikan perempuan daripada tulang rusuk, kemudian sifat tulang rusuk itu bengkok. Nabi Muhammad S.A.W. menyebut bahawa: [Membaca Hadis dalam bahasa Arab] ertinya: "Dijadikan perempuan itu daripada tulang rusuk Adam Alaihissalam.

*Sekiranya kamu biarkan tulang rusuk ini berterusan begitu, kamu tidak tegur dia, kamu kerasi dia nescaya dia patah, tetapi kalau kamu biarkan dia nescaya dia dalam keadaan bengkok selama-lamanya. Maka wasiatlah, nasihatlah kepada perempuan-perempuan kamu, isteri kamu, anak-anak kamu dan perempuan-perempuan seluruhnya wasiatlah dengan kebajikan dan kebaikan.”*

Kerana itulah Allah S.W.T. kita melihat mengapa Allah menjadikan perempuan daripada tulang rusuk. Tulang rusuk berdekatan dengan hati untuk disayangi dan berada di bawah lengan untuk dijaga dan dikawal selia, bukan untuk dipukul dan bukan untuk diterajang tetapi untuk dikasihi, disayangi oleh suaminya. Sebab itulah ayat [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Ulama-ulama mentafsirkan “*Mawaddatan*” ini sebagai cinta, kasih. Di waktu mudanya cinta, kasih. “*Warahmatan*” pula di waktu tuanya kasihan belas. Ada hubungan kasihan belas kepada isteri sehingga boleh berpanjangan dan melahirkan rasa sayang dan rasa kasih, hubungan harmonis di antara lelaki dan perempuan ataupun di antara suami dan isteri. Tidak lain dan tidak bukan “*Litashqunu’ Ilaiha*” iaitu semata-mata untuk kamu tinggal bersama dengan isteri kamu, isteri kamu tinggal bersama-sama dengan suaminya.

Oleh hal yang demikian, saya cadangkan di sini bahawa wanita kita ataupun perempuan kita, isteri kita ataupun mana-mana wanita perlu kepada masa lebih sedikit untuk berada di rumah, supaya wanita kita berada di rumah bersama-sama dengan anak-anaknya lebih sedikit daripada masa sekarang ini yang kita lihat bahawa sekarang ini lapan jam berada di pejabat, kemudian sejam balik, sejam pergi, balik, sepuluh jam berada di tengah jalan raya dan di pejabat.

Apakah tidak boleh, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga memperkecil sedikit masa kerja wanita daripada lapan jam kepada enam jam ataupun kepada lima jam? Ataupun pada hari-hari terakhir minggu, diringkaskan atau sedikitkan masa kerja mereka paling-paling tidaknya kurang sejam daripada masa biasa bagi membolehkan wanita bersama dengan anak, bersama dengan rumah tangga. Kita tahu bahawa program wanita lebih banyak dan lebih mencabar di dalam rumah tangganya daripada lelaki. Dialah ibu, dialah pegawai kerajaan dan dialah pengasuh kepada anak-anaknya. Lebih, lebih....

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut berdiri.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Oleh hal yang demikian, dia mesti diberi banyak masa untuk dia bekerja ataupun minta berada di rumah bersama dengan anak-anak. Yang kedua pula, saya cadangkan supaya....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** ....perempuan-perempuan yang bekerja malam digantikan dengan kerja siang... [*Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Larut*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Kalau dia macam itu, tanda tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Oleh kerana masa dia...., oleh kerana masa perempuan ini, wanita ini, kita perlu kepada penyeliaan dan sebagainya serta pengawasan supaya tidak berlaku penganiayaan, penyeksaan dan berbagai-bagai lagi, apa salahnya kalau kementerian berusaha untuk masa kerjanya dibatasi kepada siang hari, tidak pada malam hari. Adalah tidak munasabah isteri ini dijadikan .....

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Larut berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya tidak benarkan dia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak benarkan. Sila duduk.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya ada lima minit sahaja, bukan banyak. Kalau masa banyak tak apa. Kalau Pengerusi bagi satu jam tidak apa. Kita boleh berdialog, boleh berbahas hari ini. Kita boleh berbahas, tidak apa, tidak ada masalah tetapi tidak ada masa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Jadi saya minta supaya masa bekerja juga dianjak daripada malam kepada siang. Saya rasa tidak ada masalah. Dan inilah yang disebut oleh Tok Guru Menteri Besar Negeri Kelantan supaya masa kerja kepada perempuan ini diubah sedikit dan juga masa bekerja waktu malam dipinda kepada siang hari...

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya tidak benar dia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Yang ketiga pula, iaitu mesti ditumpukan kepada golongan *armalah*. Saya tidak guna ibu tunggal kerana tunggal, tunggal ini, banyak. Itu tunggal, ini tunggal, lama-kelamaan jadi tunggal begitu. Saya guna perkataan "*armalah*". *Armalah* iaitu janda yang ditinggalkan oleh suami mereka dalam keadaan suaminya meninggal dunia ataupun janda-janda yang ditinggalkan oleh suami mereka ataupun bercerai dengan suami mereka dan membiarkan mereka dalam keadaan begitu.

Saya rasa kementerian perlu menuntut peruntukan yang lebih banyak daripada kerajaan untuk membiayai ibu tunggal ini ataupun membiayai *armalah* kita. Kerajaan di negeri Kelantan sekarang di dalam keadaan yang tidak ada duit, kita buat peruntukan sejuta ringgit kepada *armalah* dan sejuta ringgit kepada anak-anak yatim di negeri Kelantan.. [Disampuk] Jadi, saya juga di sini memohon daripada Yang Berhormat Menteri supaya mendapatkan lebih banyak lagi peruntukan-peruntukan bagi tujuan supaya *armalah* kita ataupun janda-janda yang kematian suaminya dan tidak ada satu peristiwa besar, melainkan suaminya meninggal dunia dan anak-anak masih kecil. Saya rasa ini memberi.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya. Dan yang ketiga perceraian yang begitu meningkat yang banyak berlaku di negara kita. Bagaimana untuk mengatasi keadaan sedemikian? Saya rasa dapat diatasi dalam peruntukan-peruntukan yang akan datang. Insyallah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Assalamualaikum warahmatullah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Waalaikumussalam. Sila Menteri menjawab.

**3.05 ptg.**

**Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun membahaskan perkara Butiran B.49 dan P.49 –

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga berjumlah sebanyak RM128,568,210.00. Walaupun saya tidak hadir pada pagi ini tetapi untuk sesi petang ini saya dapat merasakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat masih minat dengan isu-isu wanita dan keluarga.

Jadi saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih. Semua idea yang begitu kreatif sekali dan juga beberapa teguran kita mengambil berat dan selepas ini saya dan pegawai-pegawai terutama mereka yang hadir pada petang ini akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Saya minta kebenaran Yang Berhormat Tuan Pengerusi untuk menjawab kepada mereka yang membahaskan pada waktu petang sebelum saya menjawab kepada mereka yang telah membahaskannya pada sesi pagi tadi.

Oleh itu saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas, walaupun dalam masa lima hingga tujuh minit tadi, telah pun memberi pendapat beliau. Saya hendak berkongsi idea dengan Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, apa Yang Berhormat cakap tadi pasal "*Mawaddatan*", "*Warahmatan*" dan sebagainya, memang betul. Cuma pada zaman ini Yang Berhormat, cara kita hendak *mawaddatan*, *warahmatan* dan lain-lain lagi itu, caranya agak berlainan sedikit. Ini bukan hanya kemahuan kaum bapa tetapi juga kaum ibu. Wanita - mana-mana tempat Yang Berhormat pergi sama ada di Kelantan atau Kuala Lumpur pun, wanita hari ini mereka menuntut kesaksamaan dalam apa jua yang mereka buat sama ada tugas dan tanggungjawab di rumah ataupun peluang-peluang pekerjaan yang harus diberi kepada mereka.

Jadi apabila Yang Berhormat kata, boleh atau tidak misal kata wanita diberi masa kerja yang lebih pendek, kalau tanya saya memang kalau bolehlah perkara itu dilakukan, memang semua setuju. Saya rasa lagi suka Kerajaan Barisan Nasional kalau bolehlah perkara itu dapat diimplementasikan, saya rasa Kerajaan Barisan Nasional akan awal-awal lagi mengimplementasikan perkara itu tetapi malangnya oleh kerana kita bercakap sekarang ini tentang kesaksamaan *gender*, jadi saya rasa memang tidak boleh buat masa ini untuk perkara itu dijadikan kenyataan. Kerana Yang Berhormat, kalau seseorang wanita itu dia sudah berfikir panjang dengan ada ilmunya dan dia bekerja, maka seharusnya tanggungjawab yang dipikul bersama disamakan dengan kaum bapa. Itu pertama.

Yang keduanya.....

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya hendak jawab dahulu, boleh tak Yang Berhormat, ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia jawab dahulu.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Keduanya Yang Berhormat, pada zaman ini apabila kita cakap tentang tanggungjawab, itu mesti sama rata. Kita lelaki dan wanita berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Kalau hari ini saya tidak nampak kenapa misal kata kalau isteri terpaksa bekerja kerana membantu suami dan kaum bapa untuk menampung perbelanjaan bulanan, kenapa tidak kaum bapa pun bersama-sama, kita ada jaduallah Tuan Pengerusi. Kalau isteri sudah terpaksa bekerja, maka kaum bapa itu kalau boleh balik awal pun, jagalah anak, sama juga. Sebab itu kita ada kursus keibubapaan. Kita tidak ada kursus hanya keibuan sahaja, Yang Berhormat.

Jadi pada alaf ini, saya hendak menekankan kita berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Wanita amat menghormati kaum bapa. Kita sayang, kita hormat kaum bapa kita tetapi pada masa yang sama, kita hendak kaum bapa kita hormat dan sayang juga pada wanita...

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dua orang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya ingat sebab masanya suntuk, boleh atau tidak saya jawab semua dahulu, pada akhirnya boleh kita bagi *chance*...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Sebab kalau bagi *chance* sana, sini, saya susah hendak pilih dua-dua ini, yang mana satu. Susah hendak pilih... [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi. Larut, dia tidak belaka.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Dua, dua sama hebat ni!

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okeylah, saya bagi dua-dualah. Itu masalah dia Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya.

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tiga. Kalau tiga, jangan lebih daripada empat sudahlah, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Siapa dahulu..

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Siapa dahulu Yang Berhormat? Siapa dahulu? Siapa dahulu?

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mana?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Siapa dahulu Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pilihan. Yang mana satu?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ini yang susah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang mana satu pilihan?

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang muda lah. Yang muda, senang. Yang muda, tepi.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** [Ketawa] Saya ingat, siapa yang paling berpengalaman, dia tanya dahulu. [Disorak]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pasir Mas. Ini masalah Pasir Mas ini. Saya susahlah. Siapa yang berpengalaman, saya pun tidak tahu.

[Dewan gamat dengan ketawa]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ucap tahniah. *Mawaddataw warahmah* ini dipraktikkan oleh orang UMNO. Minta maaf. Biarlah Yang Berhormat bagi Pasir Mas cerita ini, *mawaddataw warahmah*, kasih sayang dan lemah-lembut dalam rumah tangga ini, UMNOlah. Sebab itu, UMNO menghormati hak wanita, hak isteri. Kita tidak menghina, tidak menghina wanita seperti penghinaan PAS kepada wanita.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini, PAS dia memang tidak boleh tahan ungkapan ini, sama-sama Yang Berhormat Menteri pun faham. Satu kezaliman yang begitu

ketara. Saya tidak hendak sebut ayat ini fasal saya segan. Tetapi, kalau PAS kacau saya punya ucapan ini, saya sebut ini. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, persoalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, soal tidak boleh kerja malam, ini diskriminasi PAS kepada wanita. Soal hendak pendekkan masa bekerja. Bekerja bukan paksaan kepada mana-mana orang, sama ada lelaki atau perempuan, hendak kerja, kerjalah engkau, tidak hendak kerja, tidak ada kerjalah, bukan ada paksaan. Tetapi, nampaknya PAS cuba hendak menyalahkan kalau wanita kerja lebih masa, wanita kerja malam jadi salah, bukan ada paksaan dalam negara demokrasi seperti Malaysia ini. Kita melindungi dan wanita kalau bekerja malam, apakah rosak akhlak dia? Ramai wanita yang bekerja malam, yang menyumbangkan tenaga, bakti mereka kepada negara. Polis, *nurse*, macam-macam lagi memberikan perkhidmatan dan mereka ialah isteri yang penuh bertanggungjawab dan mulia.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Betul.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** No, saya hendak beritahu ini, bahawa PAS memandang hina kepada wanita. Kalau kerja malam, jahat. Kalau kerja lebih, ooh, kita menzalimi wanita. Ini pandangan-pandangan yang negatif kepada wanita, yang wanita mesti membela hak wanita ini, jangan dihina oleh PAS....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** PAS hina wanita, itu sebab....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .....PAS kata boleh liwat isteri. Ini semua.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading, cukup Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *No, you* punya Perkara 14 dalam apa? Hudud.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini, saya hendak beritahu. Alhamdulillah, Barisan Nasional wujudkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Apa makna mewujudkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga? Mewujudkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ialah Barisan Nasional memuliakan hak wanita dalam negara ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Oh, tidak cukup dengan dia punya Menteri, Setiausaha Parlimen pula.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading, ini ucapan ini, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Memang ucapanlah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pasal dalam Dewan ini, ucapanlah yang paling penting. Saya hendak memberikan pengiktirafan kepada wanita. Jangan dibuli oleh

orang PAS, membuli wanita. Saya pertahankan Menteri, Setiausaha Parlimen dan wanita Malaysia.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Oh! Oh! Saya peduli apa dia. Saya hendak bela wanita. UMNO, Barisan Nasional memuliakan wanita. So, jangan pura-pura, hipokrit, menghina wanita. Banyak perkara yang boleh kita tonjolkan bagaimana parti pembangkang PAS kononnya memperjuangkan Islam, tetapi Islam yang memuliakan wanita, tidak dipraktikkan oleh PAS sendiri. Apa pendapat Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. *[Dewan gamat seketika]*

**Seorang Ahli:** Jangan layanlah itu semua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Sri Gading, yang amat berpengalaman itu Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi.....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri ini lagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okey Pasir Mas pula.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Pasir Mas.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Selepas itu Larut ya, tadi.

**Seorang Ahli:** Larut tidak ada dah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ooh! Tidak ada dah. Okey, okey.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya kira Yang Berhormat Menteri memahami apa maksud saya dan hujah saya sebentar tadi, demi untuk kemurnian rumah tangga, kemurnian wanita dan untuk kesejahteraan sejagat, saya tidak sebut PAS, UMNO. Dalam ucapan saya tadi pun, saya tidak menyebut PAS, UMNO. Tetapi mengapa Sri Gading bagaikan hilang akal fikiran.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya pernah beri masa kepada dia untuk dia debat saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Haa, cukuplah Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dia menafikan Tuan Pengerusi. Maaf Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi kena bagi kepada saya juga sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dia pernah mengatakan ayah dia belajar agama tinggi-tinggi, apa itu.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Yang Berhormat, itu tidak kena mengena, ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** .....kerana bahasa Arab mengatakan *[Menyebut beberapa perkataan Arab]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pasir Mas, jangan. Ini nanti berterusan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya, maaf Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Berkaitan dengan Kementerian Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Maaf Tuan Pengerusi. Pertama sekali apa yang saya sebut Yang Berhormat Menteri iaitu untuk memartabatkan wanita. Saya tidak usik masalah dia bekerja. Bekerja, bekerja, alhamdulillah dan tidak sedikit pun mengurangkan martabat wanita, tinggal lagi saya minta supaya masa sahaja dikurangkan daripada lapan jam kepada enam jam ataupun tujuh jam, gajinya sama, tidak kurang gajinya. Saya rasa kita orang lelaki boleh bersetuju gajinya sama dan apanya sama, cumanya bagi kesempatan kepada dia lebih banyak bersama-sama dengan anak, dengan keluarga dia, itu yang pertama. Yang kedua pula, saya hendak menyebut bahawa di Kelantan sendiri Dato'. Dato' tahu suami Dato' ini orang Kelantan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah sebutlah Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Bagaimana di Kelantan, peratus wanita kerja di negeri Kelantan tinggi. Di pejabat Menteri Besar, hampir 80% wanita-wanita. Bukan wanita-wanita hodoh, buruk sahaja yang kerja, wanita-wanita cantik yang bekerja di negeri Kelantan, lebih cantik daripada Sabah dan Sarawak. [*Dewan gamat seketika*] Saya kira bahawa.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Pengerusi, ini satu penghinaan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak boleh, tidak boleh.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya tarik balik, saya tarik balik.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ini, kena tarik balik.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya tarik balik, saya tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah tarik balik dah?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tarik balik, ya. Jangan buat macam itu. Kita orang Islam yang beragama, yang beriman.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya tarik balik dah Tuan Pengerusi, saya tarik balik dah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Haa, Pasir Mas sudah tarik balik Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya tarik balik dah. Dan perceraian, saya hendak tekankan lagi, perceraian yang begitu tinggi di Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada kalangan-kalangan intelektual, di kalangan-kalangan orang kita.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, soalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Tetapi, mengapa masa ini masih lagi tinggi dan masih terbiar dengan keadaan wanita-wanita kita begitu seolah-olahnya tidak ada di sana layanan dan ditangani oleh pihak-pihak tertentu khususnya saya kira di bawah Kementerian Dato'lah, insya-Allah dapat melayani keadaan-keadaan yang berlaku di negara kita, khususnya kepada pembangunan wanita itu. Apa pandangan Dato'?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Pasir Mas itu, saya hendak memaklumkan bahawa pihak Kementerian dan juga kerajaan, kita melihat iklim pekerjaan ialah untuk

memudahkan semua pekerja, tidak mengabaikan keluarga, bukan hanya dari segi wanita tetapi juga kaum bapa. Seperti mana saya kata, pada masa ini kita tidak diskriminasi di antara lelaki dan wanita. Apa yang sedang kita rancangkan ialah bagaimana hendak wujudkan beberapa pakej. Di antaranya ialah *flexy hours*. Kita ada *flexy hours*. Kita hendak galakkan apa yang dinamakan (SOHO) *Small Office, Home Office*.

Jadi, kalau ada wanita yang mahu bekerja, tetapi tidak mampu untuk bekerja sekian lama, misal kata lapan jam, sepuluh jam, maka mereka ada alternatif di mana mungkin mereka hendak memulakan pekerjaan misal kata yang kecil-kecilan dari rumah. Jadi, pihak kementerian kita sedang lihat beberapa pakej yang ada pada hari ini, supaya kedua-duanya ibu dan bapa dapat diberi manfaat supaya dapat bekerja dan pada masa yang sama, tidak mengabaikan tugas dan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak dan kaum keluarga. Selain daripada itu, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [*Bangun*]

**Tuan Saupi bin Daud:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tanah Merah berdiri.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Aduh, sudah minta macam itu sampai, okeylah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang Yang Berhormat, hendak beri jalan? Ya, Tanah Merah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Okay, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi dan jawapan ataupun ekoran percanggahan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Saya ingin menyatakan bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading itu memang tidak betul sama sekali, mengatakan Kerajaan PAS dan orang-orang PAS menghina wanita, tidak memartabatkan wanita dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri tahu bahawa Kelantan adalah salah satu negeri yang memulakan pemberian cuti bersalin kepada wanita sebanyak 60 hari. Kemudian, baru diikuti oleh Kerajaan Pusat. Kalau kita lihat siapa yang memulakan? Siapa yang memberi faedah dan keutamaan kepada wanita ini?

Begitu juga yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi. Sekarang saya mencabar mana-mana negeri yang telah memberi keutamaan kepada wanita, yang dimaksudkan dengan "Armalah" tadi, ibu tunggal. Kerajaan Kelantan telah memperuntukkan RM1 juta kepada "Armalah" di seluruh negeri Kelantan. Ini adalah bagaimana Kerajaan Kelantan, Kerajaan PAS memartabatkan ibu-ibu tunggal, ini dalam istilah Barisan Nasional – "Ibu Tunggal".

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Saupi bin Daud:** Kalau boleh... Ini saya sebut sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Saya hendak habiskan ayat, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Menteri sudah faham itu.

**Tuan Saupi bin Daud:** Saya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Menteri faham?

**Tuan Saupi bin Daud:** Yang Berhormat Menteri, saya minta supaya istilah 'ibu tunggal' itu juga ditukar namanya. Sebagaimana kita rasa perkataan "tunggal" itu bagi saya tidak secocok, tidak sebaik mungkin kerana ada juga dikaitkan dengan sejenis binatang....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Saupi bin Daud:** ...yang dinamakan "tunggal". Jikalau boleh, pihak kementerian mencadangkan satu nama lain. Umpamanya kalau apa salahnya kita panggil "Puan Seri" ke. Puan Seri bermakna "puan" itu dia sudah berkahwin, kemudian bertambah seri kerana belum itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Saupi bin Daud:** Jadi, satu cadangan kepada pihak kementerian supaya kita tukar "ibu tunggal" itu. Kelantan memang sudah panggil "Armalah".

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Saupi bin Daud:** Ha.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ramailah Puan Seri, cukuplah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Tidak apalah Puan Seri ramai. *[Ketawa]* Biar dia jawab.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan ucapan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan juga Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Kedua-duanya dari Kelantan.

Sebenarnya saya lihat, maaflah saya cakap ini, Kerajaan Negeri Kelantan sebenarnya banyak propaganda sahaja untuk ibu-ibu tunggal. Sebenarnya kalau betul-betullah kasih dan sayang serta hormat kepada ibu-ibu tunggal, carilah jalan untuk meningkatkan ekonomi negeri Kelantan supaya beri mereka pekerjaan sebab wanita hari ini, Yang Berhormat, mereka tidak mahu *patronage*. Dengan izin, *they don't want patronage*, Yang Berhormat.

Apa yang mereka mahu ialah pertama, semasa menjadi isteri, diberi penghormatan. Keduanya, undang-undang syariah itu dapat diimplementasikan dengan sebaik mungkin supaya hak-hak mereka seperti yang diredai oleh Allah dapat dipertahankan. Ketiganya, jika mereka dapati diri mereka di"tunggal"kan, kita tidak kiralah apa perkataan yang digunakan, apabila mereka di"tunggal"kan, maka biarlah mereka diberi peluang untuk mencari pekerjaan dan pendapatan yang halal.

Kalau macam RM1 juta katanya yang diberi oleh negeri Kelantan itu untuk ibu tunggal dan juga anak-anak yatim, saya rasa itu tidak jadi apa sebab kalau kita banding dengan apa yang diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional, saya rasa 1,000 kali lebih besar daripada apa yang diberi, tetapi pemberian terbesar Kerajaan Barisan Nasional yang diberi kepada wanita termasuk ibu tunggal ialah penghormatan kepada wanita Malaysia. Ini kalau...

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kalau kita hendak berdebat, Yang Berhormat, 40 hari 40 malam pun kita boleh berdebat, kita semua tahu setakat ini, kalau kita lihat tindak-tanduk Kerajaan PAS, saya rasa pendapat saya semua tahulah bagaimana saya rasa sedih, begitu sedih sekali dengan tindak-tanduk Kerajaan PAS menghina dan menzalimi wanita bukan hanya dari segi undang-undang tetapi juga dalam kehidupan seharian mereka.

Jadi, tidak ada soalan lagi. Saya hendak jawab...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Hendak terus jawab soalan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tidak bagi jalan dah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi dah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Jadi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi. Sila duduk Yang Berhormat. Dia tidak bagi dahulu. Sekarang ini dia tidak bagi lagi.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okay. Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dulu Yang Berhormat, dia tidak bagi. Dia tidak bagi.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi dah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Selangau....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya pun hendak juga, Sri Gading.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pasir Mas!

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas, dia sudah tidak bagi.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Pengerusi...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagi Sri Gadinglah pula, bergilir.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Pengerusi, bagi menjawab soalan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Bagi menjawab soalan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** ...daripada Yang Berhormat bagi Selangau...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dahulu, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** ...saya hendak maklumkan bahawa....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dahulu, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** ...pada tahun ini, seperti mana Yang Berhormat kata tadi, memang kementerian kita menjangkau umur dua tahun

setengah. Bagi tahun pertama, kita memberi perhatian untuk penubuhan struktur dan pentadbiran kementerian.

Pada tahun ini, kita telah mula menjalankan program-program di peringkat akar umbi terutamanya. Saya hendak maklumkan bahawa pada masa kini, Jabatan Pembangunan Wanita telah pun ditingkatkan dari segi strukturnya dan juga kakitangannya. Tiap-tiap negeri, kita telah pun berusaha dengan JPA untuk menentukan ada pengarah, timbalan pengarah dan kakitangan yang mencukupi, tetapi ada banyak lagi yang perlu dilakukan.

Tetapi saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa program-program di kawasan luar bandar telah pun dipertingkatkan. Misal kata, saya hendak jawab sekali gus dengan soalan Hari Wanita yang banyak saya dengar diperkatakan.

Untuk tahun pertama, memang secara prinsip, kementerian kita mahu ada satu perhimpunan raksasa, dengan izin, *why not?* Saya tidak setuju langsung dengan pendapat sesetengah Yang Berhormat yang kata kenapa hendak buat besar-besaran untuk Hari Wanita. Saya berpendapat bahawa, dengan izin, *nothing but the best for the women*. Kenapa pula kalau datang program untuk wanita itu, hendak disoal, hendak ditanya. Kalau kita buat, walau tempat yang elok atau program yang canggih, kenapa tidak? Adakah wanita hanya layak benda-benda yang tak bagus atau *not the best*. *Why not?*

Saya hendak maklumkan bahawa di Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, apa jua yang kita buat, kita mencari kecemerlangan. Saya sudah maklumkan kepada semua pegawai bahawa wanita, dengan izin, *deserve the best* dan *we are not apologetic about it*, dengan izin, kerana kita tidak mahu ada mana-mana pihak termasuk mana-mana wanita yang menyoal kita. "Oh, kenapa kita hendak bawa wanita pergi buat program dekat hotel?" Kenapa tidak? Negara kita membangun. *[Disampuk]*

Kenapa kalau buat program untuk orang lelaki, kalau hendak buat di hotel besar boleh, kalau wanita tidak boleh. Di mana harus kita buat program-program untuk wanita, saya hendak tanya kepada Ahli Yang Berhormat yang mempertikaikannya. *Where is it good enough*, dengan izin, untuk wanita? Kenapa ada mentaliti yang cetek sebegini? Itu pertama.

Keduanya, saya hendak maklumkan bahawa dalam perancangan kementerian, kita tahun ini walaupun kita bukan hanya ada program hendak kumpul wanita. Bukan hendak kumpul wanita sahaja. Kalau hendak kumpul wanita pun, saya rasa saya seorang wanita, saya memang seronok jumpa wanita yang lain. *[Disampuk]* Betul tidak? *There's nothing wrong with that*, dengan izin. Tidak ada apa yang salah. Kita buka perhimpunan ini untuk semua, pembangkang pun kita jemput.

Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, walau apapun yang dikatakan, saya hormat beliau tentang Hari Wanita sebab dia selalu datang ke program kita. *[Disampuk]* Ha, dia datang, itu saya hendak puji. Yang lain itu saya tidak tahulah, cakap besar sahaja di Parlimen, bila keluar program wanita, jangan harap hendak datang. Jemput berkali-kali, sekali batang hidung pun tidak pernah nampak.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak maklumkan....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya tidak bagi laluan kepada sesiapa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat, duduk, duduk.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya hendak maklumkan pada tahun ini, Hari Wanita....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** ...Hari Wanita kita sambut di semua kawasan Parlimen yang ada. Kalau kita hendakkan kumpulkan 12.4 juta wanita pun boleh di Kuala Lumpur tetapi kita tidak mahu. Kita, Kerajaan Barisan Nasional. Bagi kita, semua wanita mustahak bagi kita sebab itu kita pecahkan, kita turun ke akar umbi, semua majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga menganjurkan program-program Hari Wanita bagi memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada mereka.

**Tuan Saupi bin Daud:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Tanah Merah berdiri, Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Minta maaf, Yang Berhormat bagi Tanah Merah ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Jadi, Yang Berhormat bagi Selangau, seperti mana saya janji, insya-Allah dalam masa beberapa bulan program-program telah pun di akar umbi, Program Kasih Keluarga, Literasi Undang-undang, Hari Wanita, Pemimpin Bersama Rakyat. Saya sudah kluatir takut semua wanita sudah diberi pengiktirafan yang begitu tinggi sekali, insya-Allah.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, untuk negeri Sarawak sahaja, bantuan yang kita beri kepada Majlis Pembangunan peringkat negeri ialah sebanyak RM900 ribu untuk negeri Sarawak. Jadi, Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat mengambil maklum bahawa tidak ada mana-mana negeri atau kawasan yang tidak mustahak untuk kementerian. Saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat nampak gayanya menaruh harapan yang tinggi kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab soalan-soalan Yang Berhormat bagi Seputeh, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat bukan hanya menjadi ahli fokus wanita Cina yang diwujudkan oleh kementerian supaya bukan hanya bandar atau di luar bandar, wanita profesional, suri rumah tetapi wanita pelbagai kaum, Melayu, Cina dan India dapat menjadi rakan kongsi dan rakan bijak kementerian. Jadi Ahli Yang Berhormat menjadi salah seorang ahli fokus wanita Cina. Saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh.

Soalan pertama tentang kewarganegaraan memang betul, ini adalah salah satu isu yang sedang diberi perhatian. Tahun ini insya-Allah, Yang Berhormat, saya sendiri akan menentukan bahawa perkara ini ada peningkatan. Kalau kita bandingkan situasi tahun sudah dengan tahun ini, saya difahamkan situasinya agak lebih baik sedikit. Dalam isu kewarganegaraan ini, walaupun ia satu isu yang sensitif tetapi kita memberi *priority* kepada isu ini. Insya-Allah Yang Berhormat, jangan susah hati dengan perkara itu.

Tentang undang-undang Syariah, seperti mana Yang Berhormat kata tadi, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memperjuangkan supaya wanita dan lelaki terutamanya di sisi undang-undang tidak ada perbezaan. Kerajaan Barisan Nasional mempelopori konsep ini dan saya harap semua ambil maklum bahawa kalau kita hendak kena hukum - Yang Berhormat kata tadi - Kerajaan Barisan Nasional memang tidak setuju kenapa pula seorang wanita selalu diperdayakan? Dia pula yang hendak kena *be rehabilitated*. *What about the man?* Dengan izin. Jadi itu adalah seperti mana saya kata perjuangan Kerajaan Barisan Nasional dan apabila kita sudah buat program untuk *gender sensitization*, ia lebih berkesan, dan saya percaya satu hari nanti perkara seperti ini - terutama apabila dijatuhkan kepada hukuman yang tidak adil di antara lelaki dan wanita - tidak akan berlaku lagi di Malaysia. Jadi saya mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat yang lain-lain, saya hendak maklumkan, tadi Yang Berhormat ada tanya tentang program Hari Wanita. Hari Wanita, kita ada dua cara, Yang Berhormat. Satu ialah perayaan; satu ialah dia punya *substance*. Tahun ini kita ada Program Sidang Kemuncak Wanita "*Women At Work*" atau Wanita di Alam Pekerjaan dan beberapa rumusan telah dibuat dan telah pun saya hantar kepada Kabinet. Beberapa *ideas* telah disuarakan melalui Sidang Kemuncak Wanita itu. Itu adalah salah satu daripada perayaan Hari Wanita. *The substantive part*, Yang Berhormat, telah pun kita ambil kira dan sedang kita hantar kepada semua kementerian untuk mereka mengambil perhatian.

Tentang program latihan itu, Yang Berhormat, dengan izin, latihan itu *is ongoing*. Jadi beberapa pemimpin-pemimpin wanita dan juga wanita peringkat akar umbi telah pun mendapat manfaat daripadanya.

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri jalan pada Yang Berhormat bagi Tanah Merah?

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tidak bagi jalan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi!

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya hendak maklumkan di sini bahawa Yang Berhormat tadi bertanya kenapa pula semasa program yang dianjurkan untuk menentang keganasan terhadap wanita di mana beberapa pihak penganjur telah pun menyusun atur untuk mengadakan satu perarakan besar-besaran di Bangsar, pihak polis tidak memberi kebenaran. Saya hendak maklumkan, pertama, saya sebagai Menteri di kementerian, kita ada Kerajaan Barisan Nasional. Jadi bila Yang Berhormat kata kerajaan, itu tidak betul, itu termasuk polis. Sebab apa? Sebab daripada awal lagi mewakili Kerajaan Barisan Nasional saya dan kementerian memberi sokongan kepada semua tindak tanduk yang diambil oleh NGO sebagai rakan bijak Kerajaan Barisan Nasional untuk membanteras dan menentang sekeras-kerasnya isu keganasan terhadap wanita.

Jadi walaupun kita di kementerian ini memberi sokongan tetapi pihak polis kata mereka tidak boleh beri kebenaran sebab takut perkara ini akan menjadi ganas. Mungkin kalau sudah terlebih ramai keluar, walaupun hendak menentang keganasan takut-takut nanti apa-apa perkara yang melanggar undang-undang akan berlaku. Jadi pihak polis - saya sendiri tanya dengan OCPD Kuala Lumpur mengapa tidak dapat kebenaran -beliau memberitahu kepada saya bahawa bukan mereka tidak beri kebenaran. Mereka akan beri kebenaran, cuma mereka minta cari satu tempat yang dapat dibendung (*within closed doors*) yang ada macam dewan yang besar. Kalau dapat untuk 10,000 pun asalkan ada dewan itu, beliau kata beliau boleh beri, tetapi untuk di jalan raya memang mereka rasa susah untuk diberi.

Jadi mereka menasihatkan NGOs itu supaya pergi cari tempat yang lebih sesuai, mereka akan beri kebenaran kepada NGOs ini. Saya difahamkan NGOs telah meminta kepada pihak Midvalley Mega Mall dan mereka pun kata mungkin tempat itu *is still open*, dengan izin, dan saya difahamkan pada tarikh yang mereka minta itu, tempat itu telah *dibooked* oleh NGO yang lain untuk program yang lain. Oleh sebab itu tarikh itu ditunda kepada beberapa minggu selepas itu di Kolej Damansara Utama. Pihak polis bagi kebenaran, tidak ada masalah. Saya mewakili Kerajaan Barisan Nasional, saya hadir. Jadi saya rasa tohmahan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu tidak berasas. Namun begitu, Yang Berhormat, saya hendak maklumkan isu ini adalah isu yang mustahak kepada kementerian. Kita bukan hanya hendak adakan kempen tetapi program. Kita melihat undang-undang dan kita bekerjasama dengan beberapa NGOs untuk menentukan program keganasan terhadap wanita ini diberi perhatian yang sewajarnya.

Jadi saya harap.....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Batu Gajah berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, ada soalan hendak tanya? Okay.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa sudah sampai masanya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga beri tekanan yang lagi kuat kepada Kementerian Dalam Negeri berkenaan kebebasan berhimpun dan membangkitkan kesedaran dalam isu-isu tertentu. Sebagai contoh, isu keselamatan wanita saya nampak ada *double standard*, dengan izin Tuan Pengerusi. Kalau "*Malaysia For Peace*" boleh mengadakan kempen besar-besaran dan mengambil anak murid kita untuk *protest* semasa OIC, mengapa tidak wanita? Itu tempat terbuka di Putrajaya. Kenapa tidak wanita? Jadi kalau kita masih terikat oleh Akta Polis menyatakan ia mesti kawasan tertutup, bayangkan berapakah beban kosnya untuk menjalankannya? Kita bukan macam kerajaan, *50 years glorious sharing power* boleh diadakan di Bukit Jalil, *you know?* Berapa kos yang akan dilibatkan?

Jadi saya rasa ia akan memberi satu impak yang sangat kuat kalau ia boleh dibenarkan diadakan secara terbuka. Saya pohon, kita semua sudah matang, kita semua cintakan keamanan, kita tahu kontrol emosi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Pengerusi, saya hendak ingatkan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sebenarnya *Malaysia for Peace* ini adalah satu usaha NGO dan ramai daripada pengasas dan pejuang serta penggerak *Malaysia for Peace* terdiri daripada NGOs Malaysia. Apabila mereka hendak mengadakan program di Bukit Jalil, pihak polis tidak melarang. Walaupun Bukit Jalil itu dibahasakan terbuka tetapi ia - dengan izin - *is still within the confines*. Saya rasa kalau hendak ada program NGO menentang keganasan terhadap wanita, kalau hendak adakan di Bukit Jalil pula, saya rasa mungkin pihak polis akan memberi pertimbangan, tetapi kalau hendak buat *Malaysia for Peace* di tengah jalan, saya rasa memang susah.

Jadi saya rasa bahawa perkara ini tidak menunjukkan bahawa ada sekatan daripada pihak polis, saya tidak nampak. Itu adalah hanya *administrative* sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih keadaan semua Yang Berhormat yang hadir pada petang ini, dan saya hendak beri laluan kerana saya hendak jawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan pagi tadi.

Yang Berhormat bagi Tambun ada meminta penjelasan tentang program-program untuk suri rumah yang dikatakan tidak diberi perhatian yang begitu banyak. Saya hendak maklumkan kumpulan sasaran kementerian ialah kumpulan wanita dan keluarga. Wanita yang dimaksudkan termasuklah semua golongan wanita berumur 18 tahun ke atas sama ada bekerja atau suri rumah pelbagai kaum dan agama dari seluruh pelosok negara, termasuklah daerah dan kampung-kampung.

Program yang dijalankan sendiri dan dengan NGO melalui pembiayaan di bawah Skim Bantuan Khas disertai oleh ramai sebenarnya Tuan Pengerusi, ramai suri rumah yang menjadi pelanggan kita dan mereka nampaknya begitu minat sekali untuk menghadiri program-program kementerian seperti program kesihatan.

Program kesihatan kita banyak yang ditujukan untuk suri rumah. Program Literasi Undang-undang, Program Nur Bahagia, Nur Bestari dan pelbagai lagi. Banyak daripada pelanggan kita terdiri daripada suri rumah.

Selain daripada itu, kita juga ada program latihan peningkatan keupayaan dan kemahiran dalam pelbagai bidang ICT, masakan, jahitan, kraf tangan dan lain-lain. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Program ICT misal kata, melalui 14 Pusat Pembangunan

Kemahiran Negeri telah melatih seramai 11,900 wanita yang kebanyakan suri rumah, pengenalan dalam bidang ICT.

Ini kita menjalankan program di peringkat semua negeri melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri-negeri. Selain daripada itu, persatuan yang boleh disertai oleh suri rumah banyak juga. Misal kata PUSPANITA iaitu suri rumah dalam perkhidmatan awam dan isteri kepada pegawai dalam perkhidmatan awam. Misal kata PERKEP suri rumah kepada pegawai-pegawai polis misal kata. Ataupun WI, malah yang saya tahulah kebanyakan daripada NGO ini dibuka kepada semua wanita melainkan NGO yang hanya menghadkan keahliannya kepada wanita profesional atau mana-mana bidang khusus, tetapi pada umumnya semua persatuan wanita atau yang lain-lain terbuka kepada semua.

Jadi, kalau adalah suri rumah yang minat, saya rasa mereka akan "Kecil tapak tangan, nyiru mereka tadahkan". Ini saya hendak pelawa kalau ada ramai suri rumah yang ingin hendak meningkatkan lagi hidup berpersatuan mereka, sila hubungi NGO-NGO yang tertentu.

Yang Berhormat bagi Tambun juga ada tanya tentang program suri rumah, untuk kemudahan latihan, LPPKN pun telah banyak menjalankan program untuk keluarga termasuk suri rumah iaitu kursus keibubapaan, anak kecil dan anak remaja. Malah aktiviti Januari hingga September melalui LPPKN, kita sudah ada 116 aktiviti latihan, kursus, ceramah dan lain-lain.

Selain daripada itu, kita juga ada program kesihatan reproduktif dan juga program modul keibubapaan. Jadi, itu bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Tambun.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tentang program kesaksamaan *gender*. Saya hendak nyatakan di sini bahawa semua program yang dijalankan oleh kementerian yang paling mencabar ialah Program Kesaksamaan *Gender* kerana ini dia merangkumi bukan hanya aktiviti ataupun kita hendak pinda undang-undang, tetapi ini kita terpaksa meminda .... kena ada apa yang dinamakan *paradigm shift*, dengan izin anjakan paradigma.

Jadi, apabila kita hendak ubah mental seseorang itu ianya bukan satu perkara yang senang hendak dijalankan. Saya ingin nyatakan bahawa Program Kesaksamaan *Gender* ini walaupun kita dah mula, kita sudah buat dengan beberapa para perancang penggubal dasar dan pelaksana khususnya pegawai-pegawai daripada kementerian-kementerian atau jabatan yang utama seperti Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan dan lain-lain. Program juga dilaksanakan dalam modul khusus perancangan projek di INTAN.

Pakar wanita termasuk daripada NGO pun kita bekerjasama dengan beberapa pemimpin NGO dan mereka dijemput untuk turut serta dan menjalankan bersama-sama kita *Program Gender Sensitization* ini. Tetapi, seperti mana yang saya katakan, saya akui bahawa perlu ada peningkatan pada tahun hadapan *Program Gender Sensitization* akan juga diberi keutamaan.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat sentiasa memberi perhatian dan apa-apa cadangan yang bernas sekali. Cukup bernas Yang Berhormat. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kawan baik Yang Berhormat daripada Seputeh. *[Ketawa]*

Yang Berhormat tanya tadi tentang kebahagiaan rumah tangga perlu ambil kira aspek sekufu. Pihak LPPKN telah terbit dan melaksanakan modul persediaan atau pemantapan perkahwinan yang dinamakan "Bahtera Kasih" dan baru-baru ini kita telah pun mewujudkan apa yang dinamakan Pakej *Smart Start* untuk pasangan baru kahwin dan ingin berkahwin.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okeylah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa Seputeh. Tuan Pengerusi, terima kasih Dato' Menteri. Saya melihat trend terkini, trend terkini mungkin kerana kemewahan dan kebendaan rakyat kita. Maka perkahwinan mereka sebenarnya mengikut analisa yang saya tidak berapa pasti, tetapi dikatakan 60% gagal di tengah jalan dan pasangan ini adalah pasangan muda.

Sebabnya adalah kerana mereka berkahwin berdasarkan 'cinta'. Bukan salah dari segi bercinta. Hah, Seputeh *you* fahamlah bagaimana rasa bercinta. *You* tak pernah bercinta. Inilah masalah. Minta maaf Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlulah mengaitkan Seputeh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tak. Pasal dia tegur saya punya pertanyaan kepada Dato' Menteri berdasarkan 'cinta'. 'Cinta' ialah perasaan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kota Melaka fahamkah dengan cinta?

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, dan oleh sebab kadang-kadang berdasarkan atau bermodalkan cinta semata-mata, tiba satu tahap kerana kelemahan antara satu ataupun kedua-duanya lemah, maka sedikit demi sedikit kejanggalan telah mula dirasai kerana berbagai kekurangan. Maka itu sebabnya kita hendak didik masyarakat kita supaya berkahwinlah dengan kufu.

Sebab itu dalam Islam ada empat faktor. Satu faktor ialah keturunan. Hendak memilih pasangan ialah keturunan. Yang kedua kecantikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tak. Saya terus ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa minit?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang ketiga, saya bertanya Tuan Pengerusi. Yang ketiga kecantikan, kekayaan atau harta. Yang keempat ialah agama. Kalau kamu tak pilih yang lain, kamu pilihlah yang agama. Agama maknanya akhlak. Kecantikan maknanya termasuk kebersihan.

Kekayaan bermakna ilmu, jawatan. Kufu, biar kufu. Biar pasangan itu kufu supaya apabila dia pasangan yang kufu, yang serasi yang seimbang yang setara, yang setanding macam ..... macam ..... itulah saya tak tahu macam mana hendak bayangkan antara dua manusia lelaki dan perempuan.

Jadi kalau dia dapat ..... itu sebab orang tua-tua memilih pasangan dan pilihan orang tua, walaupun pasangan itu tidak bermula dengan cinta tetapi pilihan yang betul, perkahwinan itu kekal. Ini yang saya hendak cuba sarankan kepada pihak kementerian supaya mengambil apa yang saya sarankan ini untuk dibuatkan penyelidikan dan diberikan ilmu ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Supaya jangan pasangan .... ini saya terus, ini saya terus, supaya jangan pasangan berkahwin hanya semata dengan cinta. Bukan cinta tidak penting, cinta penting tetapi faktor lain. Untuk menolong kementerian supaya jangan ada perkahwinan dalam negara kita berakhir dengan perceraian. Itulah yang dikehendaki oleh kementerian dan itu salah satu usaha murni kementerian hendak memperteguh institusi rumah tangga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah perkahwinan Yang Berhormat mengikut cara itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Alhamdulillah*, ya Tuan Pengerusi mengikut cara itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** No, itu soal lain. Saya tidak pernah menceraikan perempuan. Saya pun boleh ambil dua lagi tidak ada masalah, *no problem*. Ya, Tuan Pengerusi setuju kalau saya ambil dua lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini terpulang kepada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]* Terima kasih itu pandangan saya dengan ikhlas kepada Yang Berhormat Dato' Menteri. Dato' Menteri hebat dan dengan suaminya saya tengok kufu sangat bagus, teruskan.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading kerana memberikan kita semua satu *short course* tentang cinta dan perkahwinan.

Untuk pengetahuan semua, LPPKN adalah jentera rasmi yang mengendalikan semua isu mengenai pembangunan keluarga dan pada tahun, kita telah membangunkan melalui *Smart Start* beberapa modul untuk perkahwinan. Saya nampak Yang Berhormat pada alaf ini yang paling mustahak selain daripada cinta ialah *crisis management* di dalam perkahwinan kerana apa yang kita hendak maklumkan kepada pasangan, saya rasa tiada perkahwinan yang tidak akan menghadapi fasa percubaan atau *challenge*. Semua perkahwinan ada *challengenya* dan yang mustahak bagaimana pasangan itu mampu untuk menghadapinya.

Jadi, kalau kita cerita kepada anak-anak muda kita yang baru hendak berkahwin dengan izin, *it's go to be honeymoon all the way*, itu bukan satu perkara yang realistik. Jadi, dalam kita membangunkan modul yang baru, kita harap dapat membantu pasangan-pasangan yang baru hendak berkahwin bahawa kalau ada pasangan yang menghadapi beberapa masalah, apa jua masalah itu ada cara untuk menanganinya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Soalan cepu emas sahaja, satu sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, kata Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, "*Sedangkan lidah lagi tergigit, ini kan pula suami isteri. Buang yang keruh, ambil yang jernih, baru teguh peribadi*"

Ungkapan itu sebenarnya satu falsafah yang boleh digunakan oleh pihak kementerian hendak menentukan rumah tangga agar harmoni. Memang suami isteri tidak lepas daripada persengketaan, sedangkan lidah lagi tergigit, P. Ramlee menjadi guru kita sudah lama dahulu..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya memberikan..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hendak minta Menteri menganjurkan satu seminar, Yang Berhormat boleh pergi..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ....sokongan kepada Dato' Menteri. Saya kerana minat kepada kementerian ini iaitu satu kementerian baru yang saya rasa amat perlu kepada masyarakat kita. Saya mendoakan Dato' Menteri terus berjaya dalam kerjaya ini untuk kepentingan wanita dan juga alam rumah tangga negara kita. Terima kasih Dato'.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih di atas nasihat Yang Berhormat bagi Sri Gading. Agaknya daripada mana Yang Berhormat dapat pengalaman sehingga begitu matang sekali Yang Berhormat memberikan nasihat dalam isu-isu perkahwinan..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri boleh anjurkan seminar. Minta dia menjadi Speaker

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya ingat lagi sekali kalau LPPKN ada program untuk *Smart Start* ini saya hendak memanggil Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk memberi ceramah dalam pahit maungnya mendirikan rumah tangga Yang Berhormat...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bukan model

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** [Ketawa] Mungkin saya pun nanti memanggil Yang Berhormat bagi Seputeh untuk membantu kita ya.. [Ketawa]

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, itulah saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading kerana sentiasa memberikan sokongan kepada kita.

Kepada Yang Berhormat bagi Batang Sadong, ada bertanya tentang Hari Wanita. Saya sudah menjawab panjang lebar. Soalan yang kedua yang ditanya ialah tentang usaha untuk menyelaraskan program-program wanita yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian.

Saya mengucapkan terima kasih di atas soalan ini kerana sebenarnya kalau kita lihat struktur kementerian, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini kita tidak ada undang-undang untuk pengawasan kita. Kita tidak ada *implemented agency* selain daripada JPW dan juga LPPKN. Namun begitu kita tidak patah semangat, kita jalankan program dengan begitu baik dengan kementerian-kementerian yang lain. Jadi, kita ada tiga cara untuk menjalankan program, pertama, kita mengaudit undang-undang, polisi dan peraturan kerajaan yang ada, maknanya di mana yang terletak di bawah kementerian-kementerian yang lain dan jika didapati ianya mendiskriminasikan sama ada terhadap wanita ataupun tidak menggalakkan pembangunan keluarga maka kita akan memberi *feed back* kepada kementerian tersebut untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Selain daripada itu, kita juga ada menubuhkan apa yang dinamakan sebagai Technical Working Group (TWG) untuk mengendalikan isu-isu tertentu, seperti TWG undang-undang misal kata. Di dalam TWG itu penyertaan wakil-wakil kementerian dalam jawatankuasa yang relevan akan membawa isu-isu pulang kepada kementerian masing-masing untuk perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Jadi, setakat hari ini cara ini dapatlah sedikit sebanyak menangani ataupun menjawab beberapa isu yang harus diberi perhatian oleh kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor bertanya tentang isu ibu tunggal diberi dana khas untuk memulakan perniagaan.

Seperti mana ibu tunggal yang memerlukan bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan, diberi perhatian oleh agensi-agensi kerajaan tertentu seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar bandar, Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional yang mengendalikan Skim Mikro Kredit Kementerian Kewangan. Wanita yang datang ke Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk tujuan ini akan dirujuk iaitu kita akan membantu mereka dan merujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan. Kerana kita di kementerian sendiri, kita tidak ada peruntukan untuk diberi sama ada dari segi kebajikan, perniagaan dan lain-lain untuk ibu tunggal memang kita tidak ada, cuma kita memberi perhatian kepada polisi dan isu-isu.

Seperti mana baru-baru ini kita ada polisi misal kata, peratusan yang diberikan keutamaan kepada ibu tunggal. Kita minat dengan isu-isu seperti ini kerana didapati bahawa kalau polisi atau peraturan itu baik maka ia dapat dimanfaatkan oleh ramai wanita yang terbabit.

Akhir sekali Yang Berhormat bagi menjawab beberapa pertanyaan Yang Berhormat bagi Jeli, terutamanya tentang suri rumah tadi bersama-sama dengan jawapan untuk Pasir Mas, saya telah jawab, tentang isu soal suri rumah ini. Wanita merupakan 3.3 juta tenaga kerja negara pada masa ini. Sekiranya wanita tidak dibenarkan bekerja, ia merupakan kerugian kepada ekonomi negara dan tentunya tempat mereka perlu diganti dengan pekerja asing selain daripada kalangan penganggur lelaki. Lagipun kalau kita lihat pada hari ini lebih

kurang 67% daripada penuntut universiti adalah wanita. Jadi adalah merugikan potensi yang ada jika kita tidak memberi peluang kepada wanita untuk bekerja.

Yang Berhormat saya rasa semua isu yang dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat telah pun dijawab. Kalau ada mana-mana isu yang tidak dijawab secara terperinci dan jika perlu apa-apa jua penjelasan daripada Kementerian saya dan semua pegawai-pegawai kita rasa bahawa tidak menjadi masalah, kalau sudi datanglah ke Kementerian dan kita akan memberikan jawapan-jawapan yang sewajarnya.

Sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan tentang Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan kepada semua yang memberikan sokongan kepada kami untuk meneruskan perjuangan terutamanya perjuangan Kerajaan Barisan Nasional untuk pembangunan wanita dan keluarga, saya mengucapkan terima kasih. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM125,393,200 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM125,393,200 untuk Maksud B.49 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,175,010 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,175,010 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

#### **Maksud B.50 [Jadual] -**

#### **Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan 2004]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.50 dan Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahaskan. Bagan.

#### **4.00 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, 010000 - Pentadbiran Pertahanan atau Logistik. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, berkenaan dengan sebidang tanah kepunyaan ATM di Teluk Air Tawar Seberang Perai Utara, di mana tanah ini telah di maju bersama dengan pemaju tempatan. Sebenarnya pemaju perlu membina *quarters-quarters* untuk kakitangan-kakitangan ATM dan sebahagiannya dibina dengan pangsapuri atau *apartment-apartment*. *Quarters* untuk kakitangan ATM telah siap dibina dan telah diduduki tetapi *apartment-apartment* telah terbengkalai dan pembeli-pembeli atau penempah-penempah kondominium ini, mereka bertanya-tanya mengapa tanah kerajaan yang di maju sama dengan swasta pun boleh terbengkalai.

Saya ingin bertanya sama ada dalam hal ini Kementerian ada mengalami apa-apa kerugian dan seperti apa yang telah di lapor dalam Laporan Ketua Audit Negara ini pun berlaku di pembinaan Kem Transit dan Kem Rejimen 502 Askar Wataniah di Jalan Padang Tembak di mana ada satu laporan mengatakan kaedah diikuti oleh Kementerian untuk membangunkan kem ini melalui *land swap* adalah wajar. Bagaimanapun bagi mengurangkan risiko kepada kerajaan hak milik tanah berkenaan sepatutnya hanya akan dipindahkan kepada syarikat selepas projek disiapkan. Mungkin tanah-tanah di Seberang Perai Utara yang saya maksudkan ini telah di pindah milik kepada pemaju dan pemaju mungkin telah menggadai kepada bank dan dari segi ini mungkin kerajaan rugi banyak kerana terbengkalai projek ini, saya minta Yang Berhormat memberitahu kemajuan berkenaan dengan hal ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga bertanya berkenaan dengan laporan surat khabar bahawa ada kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembaikan bangunan atau pembaikan elektrik, jentera dijalankan tetapi tanpa kelengkapan dokumen-dokumen kontrak dan ini menyebabkan pembayaran telah dilambat-lambatkan atau ditangguhkan atau tidak dapat dibayar langsung. Kerja-kerja telah disiapkan tetapi tidak boleh dapat pembayaran. Adakah ini kerana pegawai-pegawai tertentu yang menyuruh kontraktor-kontraktor mula buat kerja tanpa membuat apa-apa waran atau dokumen-dokumen tidak diakui oleh kerajaan dan mengapa ia boleh berlaku demikian dan apakah penyelesaiannya supaya kontraktor-kontraktor yang tidak mendapat pembayaran ini boleh mendapat pembayaran mereka.

Tuan Pengerusi 020000 - Bantuan Bersama Pengurusan. Ini berkenaan dengan pengambilan calon Pegawai ATM dan juga Perajurit ATM. Dalam hal ini, saya ingin bertanyakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan kaum-kaum Cina dan kaum-kaum India dan Kadazankah, Dusunkah dari Semenanjung dan dari Malaysia Timur untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan dalam hal ini saya ingin bertanya bilangan perajurit-perajurit latihan atau pegawai-pegawai latihan yang telah ponteng atau lari terus dari pasukan ATM ini? Dan sama ada ini adalah satu kesalahan di mana pelatih-pelatih ini boleh dikenakan apa-apa tindakan. Saya selalu ada dengar orang-orang kampung di mana mereka kata si Anu, si Anu ini baru lari dari kem dan tidak mahu balik ke kem lagi. Ini adalah satu masalah besar dan saya ingin bertanya mengapa pelatih-pelatih ini pada mula-mulanya Mereka sukarela untuk ditemu duga dan diambil jadi pelatih dan selepas beberapa bulan melatih dalam kem, mereka lari terus. Adakah latihan-latihan atau kehidupan harian mereka tersekat sangat atau apa-apa sebab yang menyebabkan mereka lari dari pasukan ini? Sekian sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah.

**4.06 ptg**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi terima kasih. Saya ingin bahaskan Maksud Bekalan dan Pembangunan 50 - Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Butiran 030000 - Pertahanan Darat dan 00100 - Pembinaan. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang projek pembinaan kompleks 7 Brigade Kem Skudai di kawasan Parlimen Gelang Patah.

Tuan Pengerusi, mengikut Laporan Ketua Audit Negara tahun 2002 mengenai penyata akaun awam serta aktiviti kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan yang menyatakan bahawa sebenarnya Kementerian Pertahanan mempunyai perancangan yang baik untuk membangunkan kompleks 7 Brigade di Skudai secara penswastaan melalui kaedah *land swap*, dengan izin, bagi menempatkan semula pasukan tentera darat yang menduduki selama ini di Kem Tentera di Tebrau dan di Kem Majidi di Johor Bahru. Bagaimanapun dari aspek perlaksanaannya beberapa syarat kontrak penswastaan ini tidak dipatuhi oleh pihak konsortium, antaranya mereka memulakan kerja tanpa mendapat kebenaran daripada pihak kementerian dan daripada berkuasa tempatan dan jabatan-jabatan berkuasa, gagal menggantikan bon pelaksanaan yang telah tamat tempoh sah lakunya dan tidak menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Kementerian Pertahanan juga masih belum mendapatkan *land bond* yang baru bagi menggantikan *land bond* yang telah tamat tempoh sah lakunya. Kegagalan pihak yang terlibat dalam projek ini mengambil tindakan yang tegas terhadap konsortium menyebabkan kerajaan menghadapi risiko menanggung kerugian memandangkan tanah milik kerajaan yang bernilai RM256 juta telah di pindah milik kepada konsortium tetapi kerja yang disiapkannya hanya setakat 18.3% yang dianggarkan bernilai RM40.42 juta sahaja. Dari Laporan Ketua Audit Negara itu didapati pihak kerajaan telah menghadapi kerugian sebanyak RM215.58 juta.

Saya ingin mendapat penjelasan terperinci tentang projek ini dan nyatakan langkah-langkah yang berkesan untuk menyelesaikan masalah kelambatan projek Kem Skudai ini supaya kerugian kerajaan tidak ditambahkan lagi.

Tuan Pengerusi, projek ini telah menimbulkan masalah banjir kilat di Kampung Poh Chi Leng dan kawasan Kampung Baru Skudai serta banjir kilat di Jalan Gelang Patah

akibat kerja-kerja tanah dan pembangunan Kem Skudai itu. Tanpa kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah atas alasan projek ini adalah projek Kementerian Pertahanan, dan tidak perlu memohon kebenaran atau kelulusan kerja tanah dan pelan bangunan daripada mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan.

Adakah ini telah mengabaikan kedaulatan undang-undang negara kita kerana pemaju yang terlibat dalam penswastan ini tidak mengambil berat apa-apa notis dan surat-surat daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak JKR. Pihak JKR telah memanggil mesyuarat sebanyak tiga kali dan pada setiap kali juga wakil daripada pihak pemaju yang terlibat dalam penswastan ini telah ditegur tetapi mereka tidak mengambil peduli apa yang ditentukan oleh pihak berkuasa.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu sama ada sebatang jalan baru yang akan dibina dari Kem Skudai menyambung ke laluan Link Kedua dalam pakej Projek Kem Skudai ini, sama ada ia dapat dijalankan bersama dengan projek ini. Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, bawah Butiran 010000 dan Butiran 010200 – Pentadbiran Pertahanan dan Logistik, tentang pengurusan bekalan makanan Angkatan Tentera Malaysia. Mengikut laporan Ketua Audit Negara bagi tempoh 1999 hingga tahun 2002, sejumlah RM527.57 juta telah dibelanjakan untuk membekalkan makanan kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia yang layak.

Bekalan makanan itu disediakan sama ada secara masak sendiri ataupun *out-sourced*. Semakan Jabatan Audit mendapati makanan sering kali disediakan melebihi keperluan harian disebabkan pasukan tidak mengemukakan maklumat yang tepat dan kemas kini berhubung dengan bilangan anggota yang memerlukan makanan pada sesuatu hari kepada pihak yang menyediakan makanan. Bagi makanan yang disediakan secara *out-sourced*, hidangan yang tidak dimakan dianggarkan bernilai RM8.86 juta bagi tempoh 1999 hingga tahun 2002. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah tindakan berkesan yang telah dilakukan untuk menjimatkan wang rakyat? Bagaimanakah pengurusan bekalan makanan Angkatan Tentera Malaysia bagi tahun 2003 dari tempoh Januari hingga September, sama ada keadaan bekalan makanan masih lebih daripada permintaan, masih terus berlaku sehingga membazirkan wang rakyat? Saya minta penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

4.14 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, memandangkan kita mempunyai masa yang cukup, tidak payah dihadkan masa bercakap kerana hanya ada beberapa orang sahaja untuk sampai jam 5.30 petang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Keputusan telah dibuat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha? Tidak payah ada had masa lah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tengoklah, tengok perkara yang dibangkitkan, sama ada patut diberikan masa lebih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh! Memang patut, Tuan Pengerusi ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tengoklah. Saya akan tengok nanti.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ... kerana yang pertamanya, Tuan Pengerusi, halaman 575 Butiran 010000 – Pentadbiran Pertahanan dan kemudian Butiran 010000, Butiran 010200 – Logistik dan halaman 576 – Pertahanan Ruang Udara, Butiran 050400 – Operasi dan halaman 578, Butiran 004000 – Kelengkapan.

Tuan Pengerusi, yang pertamanya mengenai konsep baru k-Force kita. Ha, ini memang, kalau saya cakap satu jam pun tidak cukup, hendak bincang mengenai k-Force kita, kerana kementerian kita hendak membangunkan Angkatan Tentera yang berdaya saing melalui konsep k-Force bagi melahirkan anggota ATM yang mempunyai keupayaan

untuk mengendalikan peralatan teknologi pertahanan yang canggih dan terkini dan mencapai 70 peratus tahap kesiapsiagaan ATM yang tinggi, yang dikatakan amatlah penting bagi membantu ATM melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Di sini saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai tahap pencapaian kesiapsiagaan 70 peratus – kelas pertama. Ini memang penting. Kita hendak tahu dari segi logistik, dari segi konsep pertahanan kita, setakat mana kita dapat mencapai projek k-Force kita setakat ini, Tuan Pengerusi, sebab tidak ramai orang yang menanya pihak kementerian mengenai hal ini, dan dengan yang demikian Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dia anggap kita tidak tahu apa yang dia buat, dia boleh cakap apa-apa sahaja termasuk mengenai angkasawan kita, dan janganlah kita buat macam itu ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, jawapan belum diberikan, macam mana hendak tahu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu, tahu. Ini daripada pengalaman yang lepas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata orang lain tidak bawa perkara ini sebab orang lain tahu Yang Berhormat akan bawa perkara ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dak, dak, dak!. Bukan macam itu. Tidak ramai yang membangkitkan masalah k-Force kita, tidak ramai. Bahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga jarang menyebutkan apa yang dimaksudkan dengan k-Force kita ini. Saya tidak taulah. 'K' ini daripada mana, ha? *[Ketawa]*

**Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal:** Kepong. *[Bercakap tanpa pembesar suara][Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** 'K' bagi Kepongkah? 'Kepong-Force' itu baik juga. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, mengenai masalah penyelidikan dan pembangunan di kementerian ini memang penting, penting untuk pihak kementerian dan pihak pasukan kita mempunyai tahap yang tinggi. Kalau kita bergantung kepada negara-negara lain sahaja itu tidak mencukupi dan kita mesti mengadakan penyelidikan dan pembangunan yang cukup bagi negara kita.

Dalam belanjawan kita, saya tidak nampaklah peruntukan bagi penyelidikan di sini. *[Meneliti buku Belanjawan]* Mungkin saya tidak dapat tengok di sini. Macam mana "penyelidikan" itu pun tidak disebutkan di sini, tidak disebutkan, dan saya tidak boleh percaya macam mana kalau kita hendak mempertingkatkan keupayaan dokongan teknologi pertahanan kita melalui penyelidikan dan pembangunan kita, sedangkan kita tidak ada peruntukan. Macam mana menjalankan penyelidikan tanpa peruntukan? Inilah masalahnya dalam kementerian ini. Cakap tak serupa bikin. Saya hendak tengok jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan peruntukan bagi penyelidikan kita. Mungkin dia tidak ada jawapan, dia hendak jawapan secara bertulis lain kali. Ini masalah kita.

Seterusnya mengenai masalah memperkukuhkan hubungan pertahanan sejagat. Mengenai pertahanan sejagat ini, bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan apakah yang dimaksudkan di sini, sebab kita tidak nampaklah macam mana yang dikatakan "sejagat" di sini? Bahkan juga kalau kita tengok peruntukan, tidak nampak ada peruntukan bagi mempertingkatkan hubungan pertahanan sejagat. Adakah yang dimaksudkan seperti Indonesia, dia bekerjasama dengan Amerika Syarikat dan Amerika Syarikat hantar pakar-pakar dan juga askar mereka ke Indonesia untuk bekerjasama, tetapi di Malaysia saya tidak nampak. Kita tidak nampak. Mungkin dia dari Australia. Ini yang dimaksudkan pertahanan sejagat kita. Macam mana sejagatnya? *Universal defense*. Macam mana *universal defense* kita?

Tuan Pengerusi, sebab itu saya perlukan masa, kalau boleh satu jam untuk membincangkan kes ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, satu jam tidak bolehlah. Berapa minit hendak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memanglah kurang, janganlah sampai 30 minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha! Bolehlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak sampai pun. Tetapi tidak ramai yang hendak berucap. Semua sudah kembali ke kawasan masing-masing. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cara Yang Berhormat cakap, nampaknya Yang Berhormat tidak ada bahan lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yakah? Saya ada banyak bahan, Tuan Pengerusi. Kalau hendak bahan, saya boleh dengan cepat kita tujukan kepada misalnya, *12 Memorandum of Understanding* yang ditandatangani semasa LIMA 2003.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, *k-Force* sudah habiskah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah habis setakat ini kerana hendak dapat jawapan untuk *k-Force* dan untuk penyelidikan dan pembangunan dan seterusnya untuk pertahanan sejagat. Saya tidak mahu jawapan bertulis, saya mahu jawapan lisan. Kalau bertulis, saya harap hari Isnin boleh dapat. Kadang kala mereka cakap hendak jawab bertulis, tetapi tidak jawab langsung. *[Ketawa]* Itu masalah kita di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu mengenai kelengkapan logistik kita, Tuan Pengerusi, ini mengenai *Memorandum of Understanding*, bolehkah Yang Berhormat terangkan *12 Memorandum of Understanding* semasa LIMA 2003. Di dalam media kita memang berjaya, bukan main berjaya, tetapi setakat mana, kerana kita dapati ada 600 syarikat yang menyertai daripada 25 negara dan di *Mahsuri International Exhibition Center, Langkawi.....*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana cukup pula, kita perlukan sekurang-kurangnya sejam dan tidak ada ramai yang hendak berucap, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, memang Yang Berhormat cukup baik, selalu mematuhi Peraturan Mesyuarat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya patuh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bagi lagi lima minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lima minit! Baik! Saya seronok, Tuan Pengerusi. Bolehkah Yang Berhormat secara ringkas beri jawapan mengenai apa yang disebutkan sebagai kejayaan LIMA 2003 dan bila lagi kita akan adakan LIMA ini. Dan, apakah keuntungan kepada pihak negara kita dengan penampilan LIMA ini?

Seterusnya mengenai, yang pertama, setakat mana persiapan untuk pembelian *Sukhoi – SU-30MK two-seater multipurpose fighters aircraft* ini, kerana ia telah dijawab hendak RM1 bilion melalui *barter trade* dengan minyak kelapa sawit. Saya juga nampak ia hendak mengadakan *joint venture-service center for Sukhoi* dan juga pembekalan alat-alat ganti. Saya hendak tahu setakat mana kita dapat menjayakan semua ini dan termasuk pemindahan teknologi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah berkata bahawa ini memang ada pembinaan teknologi, seperti mana dengan MiG29, saya tidak nampak dari mana teknologi itu dipindahkan kepada Malaysia. Setakat ini dia kata, Sukhoi ini lain kira, hendak pindah teknologi ini. Saya tidak nampak. Bolehkah kita berjaya untuk memindahkan teknologi ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, kita ada tiga minit lagi, saya pun hendak mematuhi arahan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sudah biasa tidak tengok jam boleh tahu ada tiga minit lagikah? Betullah! Tepat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itulah, sudah biasa dengan cakap di sini. Tahulah itu. Mengenai program angkasawan 2005, setakat ini saya diberitahu bahawa ada 4,000 orang lebih yang membuat permohonan untuk angkasawan kita dan mungkin di anggarkan lebih 6,000 yang akan membuat permohonan untuk menjadi angkasawan kita dan setakat ini apakah kriteria yang ditetapkan dan jadual masa, kerana kita tidak ada masa, 2005 untuk latihan angkasawan. Saya sudah tengok benar-benar berdasarkan kepada meritokrasi, kepada kesesuaian untuk seseorang itu menjadi angkasawan.

Saya pun tidak tahulah Yang Berhormat Tuan Pengerusi adakah membuat permohonan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setakat ini belumlah. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Akhir sekali.....

**Tuan Lim Hock Sing:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha?

**Tuan Lim Hock Sing:** Sudah berumur.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak...kuat. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bagan kalau hendak berucap kena bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]* Kuat tidak kira. Ada yang sudah lebih 72 usia pun dijadikan angkasawan juga dengan *Shuttle*, yang terlibat dengan kemalangan. Bukan main, jadi semua orang di sini pun layak untuk membuat permohonan.

Akhir sekali mengenai dasar Malaysia. Setakat ini saya nampak Amerika Syarikat sudah mencero bohi Iraq dan kemudian kita nampak setiap hari ada askar Amerika ditembak mati, nampaknya perang masih ada. Pihak Amerika Syarikat sudah meminta negara-negara ini untuk menghantar pasukan. Apakah dasar kementerian mengenai penghantaran pasukan kepada Afghanistan ataupun kepada Iraq? Sama ada kita ada jawapan kepada Amerika Syarikat.

Pernahkah Amerika Syarikat meminta pasukan kita untuk dihantar, supaya kita dapat menyelamatkan masalah serba salah Amerika Syarikat kerana otaknya terlalu besar hendak mencero bohi wilayah orang lain, dan sekarang ditimpa masalah yang rumit seperti di Vietnam dan juga di Korea pada masa abad 50-an. Saya pun tidak tahulah, apakah sikap ataupun pendirian pihak kementerian mengenai penghantaran pasukan sedemikian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Serdang.

**4.28 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, Butiran 010100 – Pentadbiran dan Dasar Pertahanan. Saya difahamkan Projek Pembinaan Hospital Angkatan Tentera (baru) di Kuala Lumpur sedang dijalankan bagi menggantikan Hospital Kinrara, Puchong yang sudah uzur. Dengan adanya hospital baru ini akan memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang bertaraf pakar yang lebih sempurna kepada anggota tentera.

Saya difahamkan bahawa walaupun ada hospital tentera, tetapi pihak kementerian masih menghadapi kekurangan pegawai perubatan. Kalau dengan adanya hospital baru dibuka, cara mana untuk mengatasinya. Ini penting. Kalau tidak ada pegawai perubatan, walaupun bangunan hospital begitu canggih, akan sia-sia. Jadi, ini penting sekali pihak kementerian untuk mengatasi kekurangan pegawai perubatan itu. Saya bertanya kepada pihak kementerian, selepas hospital baru siap, adakah Hospital Kinrara, Puchong akan dipindahkan atau ditutup operasinya? Hospital Kinrara, Puchong ini akan jadi sebagai hospital biasa atau terus ditutup. Saya mahu tanya pihak kementerian, Hospital Kinrara, Puchong akan dijadikan apa pada masa akan datang?

Saya juga hendak mendapat penjelasan dari pihak kementerian berkenaan dengan TUDM Kinrara, Puchong yang kini sebagai satu Pusat Latihan Teknologi Udara dan

saya difahamkan TUDM Kinrara dan Tentera Udara di Kinrara ini akan dipindahkan ke Kedah kalau tidak silap. Kalau begitu, apa jadinya tapak TUDM Kinrara kini, sama ada pihak kementerian akan terus mengambil tindakan sebagai program penswastaan dilakukan kerana lokasi di kawasan ini memang strategik. Jadi sama ada diteruskan program penswastaan atau tidak, atau tapak TUDM ini dijadikan sebagai pusat latihan untuk apa pada masa akan datang?

Tuan Pengerusi, rancangan menubuhkan Pusat Latihan Serantau bagi mencegah keganasan di Malaysia. Di dalam konteks Asian, usaha itu pasti tidak akan membuka pintu masuk kepada tentera asing untuk bergerak ke Asia Tenggara. Sewajarnya menghapuskan segala syak wasangka daripada sesetengah pihak yang mungkin menggunakan isu ini untuk kepentingan politik tertentu. Maka jaminan pihak kerajaan atau pihak kementerian terhadap penubuhan pusat berkenaan tidak terlibat dalam aspek ketenteraan atau operasi ketenteraan adalah wajar, kerana cadangan penubuhan pusat itu di negara ini oleh Presiden Amerika Syarikat pasti mempunyai sebabnya.

Jadi dalam merealisasikan pusat serantau ini, negara-negara serantau perlu mempunyai pendirian jelas dalam memahami isu keganasan. Apa pun langkah yang diambil bagi membendung masalah keganasan tidak akan berkesan jika ada pihak tertentu cuba untuk mengelak daripada memahami punca sebenar timbulnya masalah itu.

Tuan Pengerusi, pandangan dan pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terhadap isu keganasan ini adalah jelas. Dengan ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah persiapan, perancangan yang telah dan sedang diatur terhadap rancangan membuka Pusat Latihan Serantau bagi mencegah keganasan di Malaysia, dan apakah kesannya mencegah berlaku keganasan sepanjang masa ini.

Penerangan dan penjelasan daripada pihak kementerian terhadap isu ini adalah wajar dan penting di kalangan rakyat negara ini. Tuan Pengerusi, Program Khidmat Negara merupakan suatu yang baru, yang melibatkan rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun dengan latihan membina semangat kesetiaan kepada negara dalam tempoh enam bulan, yang mengikut garis panduan pelaksanaan program ini. Walaupun amalan kerahan tenaga untuk perkhidmatan tentera merupakan amalan biasa di negara lain, tetapi negara kita tidak pernah mempunyai sistem kerahan tenaga. Program Khidmat Negara sememangnya bukanlah suatu kerahan tenaga dalam erti kata yang diamalkan oleh negara-negara lain. Sudah tentu akan berlaku pandangan-pandangan atau suara-suara yang berbeza, yang melibatkan program ini dari sudut negatif.

Justeru itu pihak kementerian wajar terus memberi penerangan yang meluas dan memuaskan sehingga tidak membuka sebarang ruang kepada kritikan. Saya berharap bahawa kurikulum untuk program ini, agar kehadiran anak-anak muda dalam Latihan Khidmat Negara ini akan mengeratkan hubungan dan memberi manfaat tertentu. Dengan sedemikian ibu bapa harus melihat program ini dari sudut pandangan positif dan memberi galakan kepada anak-anak mereka untuk terlibat sama. Masyarakat kita juga perlu menganggap bahawa program ini sebagai suatu proses lanjutan daripada sistem persekolahan untuk muafakat berbilang bangsa dan negara, kerana harapan masa depan negara terletak pada generasi muda pada hari ini.

Negara kita tidak boleh maju jika generasi muda terlalu berkira dan hanya mengutamakan kepentingan sendiri tanpa prihatin terhadap masyarakat dan negara. Saya minta pihak kementerian akan memberi penjelasan terhadap pengurusan memproses dan tindakan untuk menjayakan program ini demi kepentingan lapisan masyarakat di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya fikir hanya satu dua orang sahaja. Empat. Tidak apa. Yang Berhormat Seputeh.

**4.36 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jangan ejek saya. Nanti saya panggil kuorum ya. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri susah kalau saya panggil. *[Ketawa]*. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 - Pentadbiran Pertahanan, tentang PERHEBAT. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perkembangan usaha membantu bekas perajurit di seluruh negara? Walaupun kerajaan telah menubuhkan PERHEBAT untuk mengumpul dan menggerakkan usaha membantu bekas perajurit, tetapi kami tidak jelas berapakah jumlah bekas perajurit yang berpeluang mendapat khidmat daripada PERHEBAT. Kita masih melihat bekas perajurit yang nasib mereka tidak terbela apabila mereka telah tua.

Ada di antara mereka yang terlantar sakit tanpa mendapat apa-apa bantuan dan ganjaran. Saya pernah melihat seorang bekas perajurit yang menghidap penyakit *diabetes* sehingga kakinya terpaksa dipotong. Persatuan Bekas Perajurit tidak menziarahi beliau dan persatuan juga tidak memberi apa-apa bantuan yang diperlukan kepadanya termasuk kaki palsu. Saya ternampak juga sesetengah bekas perajurit terpaksa menjadi penjaga bangunan dan juga penjaja tanpa lesen yang selalu menghadapi penghalauan daripada pihak penguat kuasa tempatan. Selain itu ramai bekas anggota tentera yang telah menyumbangkan umur keemasan mereka kepada tanah air, terpaksa hidup dalam keadaan yang susah payah.

Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kementerian telah mengadakan apa-apa bentuk rancangan dan juga dasar untuk memperbaiki kebajikan dan kehidupan bekas perajurit tersebut. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Pasir Mas.

**4.38 ptg.**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan yang baik ini kepada saya untuk saya sama-sama bincang dalam Bekalan 50, Kementerian Pertahanan. Sebagaimana yang kita maklumi semua bahawa di antara kementerian-kementerian yang kita kira penting di negara kita ini iaitu Kementerian Pertahanan. Sebuah negara kalau tidak mempunyai keselamatan negara, sempadan dan sebagainya sudah tentu bahawa rakyat jelata tidak akan hidup dalam keadaan aman damai.

Oleh yang demikian, dalam Islam sendiri meletakkan bahawa mempertahankan negara ini adalah suatu perkara yang terlalu besar. Sebagaimana Rasulullah S.A.W menyebut *[Membaca sepotong hadis]* yang bermaksud: "*Kasih sayang kepada watan adalah setengah daripada iman.*" Al-Qurannul Karim menyebut supaya kita mempertahankan tanpa mengira orang PAS, orang UMNO dan siapa yang berada di negara ini, kita mesti mempertahankan negara. *[Membaca beberapa potong ayat suci Al-Quran]* yang bermaksud: "*Hendaklah kamu bersiap sedia sedaya upaya yang mampu oleh kamu menyediakan dengan kekuatan tentera berkuda dan sebagainya untuk menakutkan seteru-seteru Allah dan seteru kamu.*"

Dan dalam pesanan Sayidina Umar mengatakan, "*Ajarlah anak-anak lelaki kamu dengan Suratul Anfal.*" Barangkali ramai orang tidak sebut lagi benda ini, saya sebut di sini "*Ajarlah anak-anak lelaki kamu dengan membaca dan memahami Suratul Anfal.*" Suratul Anfal ini surah perang *[Membaca sepotong ayat al-Quran, Suratul Anfal:1]* Boleh rujuk kepada Al-Quranul Karim. "*Dan ajarlah anak-anak perempuan kamu dengan Suratul Nur.*" Suratul Nur ini kita boleh lihat juga kepada Al-Quranul Karim, di mana kedua-dua surah ini menekankan kepada pertahanan negara dan pertahanan wanita. Saya tidak sempat sebut tadi.

Jadi, walau bagaimanapun, saya mengambil kesempatan di sini bagaimana Nabi s.a.w. menyebut dalam sebuah hadis *[Membaca sepotong Hadis]* Bahawa bermaksud bahawa orang mukmin yang kuat iaitu fizikalnya kuat, spiritualnya kuat, dia lebih baik daripada orang mukmin yang lemah tetapi kedua-duanya baik. Dalam konteks ini saya ringkaskan kerana ada kawan-kawan lagi mahu bercakap, pertama sekali, kelengkapan

senjata yang cukup dan canggih. Saya melihat dan ramai yang melihat bahawa negara kita ini, oleh kerana negara kita berada di satu strategi yang cukup-cukup berbahaya, laluan lautan, udara dan sebagainya kita melihat kepada kelengkapan senjata negara kita ini tidak sedaya upaya yang dapat ditonjolkan oleh sebuah negara.

Kita lihat bagaimana kapal terbang yang dibeli daripada Amerika sekarang ini tersadai di padang pasir Arizona. Tidak tahulah bila kapal terbang itu akan boleh dibawa balik dan sebanyak mana kerugian telah ditanggungkan oleh kerajaan. Dan kita dapati kapal terbang kita jatuh sebelum daripada berperang. Kapal terbang orang lain jatuh dalam berperang, kita jatuh tidak berperang, jatuh sendiri. Kelmarin jatuh, baru-baru ini jatuh dan boleh dikatakan sentiasa jatuh. Tidak tahulah jenis apa kapal terbang kita, wallahualam! Apakah kerana penyelenggaraannya tidak lengkap ataupun kerana kapal terbang yang dibeli dengan harga yang tidak berpatutan, kemudian dibawa masuk ke negara. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kementerian ini sila memberi jawapan yang sebaik-baiknya.

Yang kedua, saya kira benda yang paling penting selain daripada itu iaitu askar-askar terlatih. Askar-askar kita mesti dilatih dengan semaksimumnya kerana kita memahami bahawa negara kita tidak pernah terlibat dengan peperangan. Bila tidak terlibat dengan peperangan dengan erti kata bahawa pengalaman peperangan barangkali ada tetapi tidak banyak sebagaimana negara yang sentiasa dalam keadaan berhadapan dengan peperangan. Cuma adalah sedikit-sedikit di waktu kita hantar tentera kita bersama-sama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu sekadar dua, tiga bulan tetapi tidak berperang. Mereka hanya sekadar melindungi sahaja.

Jadi, oleh yang demikian, tentera kita mesti dilatih dan latihan ini ada dua perkara. Pertama, latihan fizikal sebagaimana yang telah dan sedang kita lakukan tetapi hendaklah mesti *diupgraden* lagi. Dan askar-askar kita mesti askar yang berani mati. Dalam satu sejarah Islam, di waktu tentera-tentera musuh ditanya oleh ketua mereka "*Mengapa kita kalah dalam peperangan terhadap tentera Islam.*" Dia kata "*Bagaimana kita tidak kalah, kerana tentera kita bila pergi berperang dia mahu melihat saudaranya mati terlebih dahulu, bukan dia tetapi tentera Islam yang pergi berperang, dia sendiri mahu mati.*" Ini bagaimana risiko besar dalam menghadapi keadaan ini.

Saya membaca satu sejarah bila tentera yang dihantar oleh Maharaja Egypt di waktu itu melihat tentera Islam yang di bawah kepimpinan tentera Umar bin As. Tentera Umar bin As ini datang daripada Madinah memasuki Palestin, kemudian terus ke Mesir dan berlabuh di tebing Sungai Nil di masa itu selama tujuh bulan. Dia ditimpa dengan berbagai-bagai – ribut, taufan, sejuk, dingin dan sebagainya dan kehabisan ubat tetapi mereka tidak lari. Akhir sekali Maharaja Mesir di waktu itu Raja Qibti menghantar utusan untuk melihat bagaimana kekuatan tentera Islam. Bila dia balik dia buat laporan, dia kata [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Bahawa, kami melihat tentera-tentera yang mereka cintakan kepada mati....

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Hendak bagi, hendak bagi, saya hendak menguatkan tentera kita, bukan saya hendak hentam kerajaan, tidak. Saya membantu, jangan mengganggu.

Dia kata, kami melihat satu kekuatan yang mereka ini ingin mati daripada hidup dan kami melihat mereka rendah diri, tidak besar diri dan kami melihat pemimpin-pemimpin mereka, ketua-ketua mereka sama sahaja dengan orang lain. Askar-askar mereka dilatih sedemikian rupa. Kita bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh Kementerian Pertahanan dengan adanya Kor Agama dan sebagainya tetapi saya kira kalau kita sama-sama memberi saham untuk menguatkan lagi dari segi disiplin tentera, dari segi kekuatan tentera, dari segi beraninya tentera, dua, tiga perkara kalau kelengkapan perang sudah ada, askar kita terlatih tetapi kalau pengecut, kalau penakut tidak jadi.

Tuan Pengerusi, dia kena berani.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Selangor.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ah ini baru betul, baru betul.

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang telah memberikan peluang kepada saya untuk turut sama memberikan pandangan. Kementerian Pertahanan satu-satunya kementerian yang kita rasa untuk menjaga keselamatan, kestabilan negara kita dan saya rasa memang berani mati terutama mereka yang telah pun terkorban, terpaksa meninggalkan keluarga, anak, isteri dan sebagainya. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat, adakah ini tidak seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tidak berani mati. Sekarang ini telah pun diadakan sebagai menghormati Hari Pahlawan dan sebagainya, diadakan bacaan Yasin, tahlil dan sebagainya. Minta pandangan. Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih kepada alfadzil ustaz Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Selangor tadi bahawa saya tidak mengatakan bahawa askar Malaysia tidak berani mati tetapi bagi menguatkan lagi, semangat ini mesti ditanam sungguh-sungguh kepada askar kita bahawa askar mesti berani. Sebagaimana saya katakan tadi bahawa pertama, kekuatan senjata; kedua, askar terlatih; ketiga, askar mesti berani. Kalau askar tidak berani misalnya, saya tidak kata bahawa askar Malaysia tidak berani tetapi cuma saya mengatakan bahawa keberanian ini mesti ada kepada askar-askar kita, para jaguh perjuangan di negara kita mesti berani lagi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** ....mesti berani tempur, mesti berani...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Satu, dua...Yang ketiga, saya tidak dapat melihat di negara kita ini kursus-kursus kepada orang awam dalam menghadapi keadaan-keadaan peperangan. Saya pernah pergi ke satu wilayah Thailand, saya bercakap dengan DO, dengan ketua jajahan di sebuah wilayah di Patani, dia kata bahawa orang Thailand sekarang ini DO-DO di Thailand dibawa ke Tel-Aviv dilatih oleh askar-askar sana bagaimana untuk melayani di waktu peperangan. Kita sekarang tidak pernah buat bagaimana orang awam dalam keadaan peperangan.

Yang ketiga, saya melihat kepada bekalan makanan di negara kita tidak mencukupi kalau berlaku peperangan. Jika takdir berlaku peperangan, rizab makanan di negara kita ini terlalu rendah – beras tidak cukup, bekalan daging tidak cukup dan berbagai-bagai lagi tidak cukup. Saya kira benda-benda ini perlu diambil kira oleh kementerian-kementerian kita khususnya Kementerian Pertahanan kerana kita bimbang dalam keadaan negara kita yang mempunyai di selatannya ada saingannya, di utara dan sebagainya ada saingan masing-masing yang kita dapat melihat bahawa bila-bila sahaja boleh tercetus.

Masalah sempadan di antara Malaysia-Thailand dengan Kelantan tidak selesai sampai hari ini, bila-bila masa boleh berlaku. Kita jangan rasa seronok sahaja bahawa kita mesti buat persiapan bukan untuk berperang tetapi untuk mempertahankan, benar-benar bahawa bekalan makanan di negara kita ini cukup di waktu-waktu berlakunya bencana selain daripada bencana alam dan bencana peperangan.

Saya sudah dengan satu potong Hadis Rasulullah S.A.W. [*Membaca hadis dalam bahasa Arab*] Maksudnya siapa yang mati mempertahankan harta dia maka dia mati syahid, siapa yang mati mempertahankan kemuliaan dia maka dia mati syahid, dan siapa yang mati mempertahankan agama dia adalah mati syahid. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, saya jemput Tumpat.

**4.50 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut ingin membahaskan sedikit di bawah Maksud Bekalan Kementerian Pertahanan dan kebanyakan yang saya hendak sebutkan ini ialah di bawah Butiran 010100 – Pentadbiran dan Dasar Pertahanan.

Tuan Pengerusi, tahun ini, waktu ini adalah amat penting bagi Kementerian Pertahanan. Sebagaimana kita maklum, salah satu tugas penting Kementerian Pertahanan

ialah untuk membuat perancangan-perancangan berasaskan kepada senario-senario politik dan keselamatan serta pertahanan negara. Dengan izin, kementerian ini membuat apa yang dipanggil *threat paper* atau kertas yang berkenaan dengan ancaman-ancaman terhadap negara kita.

Dalam masa beberapa hari sahaja lagi, negara kita akan berubah. Perdana Menteri akan bertukar. Jadi soalan utama saya pada awal ini ialah bagaimana kementerian ini merancang untuk menghadapi dunia yang bergolak di bawah kepimpinan negara yang baru. Buat pertama kali mungkin juga setelah berpuluh-puluh tahun, bakal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, bekas Menteri Pertahanan juga dan orang kata mungkin bakal Timbalan Perdana Menteri pun daripada Kementerian Pertahanan.

Sudah tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menyokong tetapi sudah tentu ramai juga yang inginkan calon yang bukan daripada Kementerian Pertahanan tetapi ini adalah perkara-perkara serius yang saya fikir negara perlu diberikan suatu persiapan yang rapi oleh kementerian ini dalam merangka rancangan-rancangan, ancaman-ancaman yang sudah tentu akan berbeza apabila pimpinan negara kita berbeza, bertukar daripada seorang yang agresif, seorang yang lantang bersuara, seorang yang berani mencabar Amerika Syarikat, berani mencabar Yahudi dan sebagainya, kepada seorang bakal Perdana Menteri dalam empat, lima hari nanti, yang sudah jelas kita semua tahu dan akui, bukan untuk membezakan dari lemah atau kuatnya tetapi mempunyai cara dan pendekatan serta kaedah yang berbeza daripada yang sedia ada sekarang ini.

Jadi apakah mengikut perancangan Kementerian Pertahanan ancaman-ancaman yang mungkin berlaku, ancaman-ancaman yang mungkin reda atau yang mungkin meningkat, apabila berada dan berlaku perubahan daripada seorang Perdana Menteri kepada seorang Perdana Menteri seperti yang akan kita lalui tidak beberapa lama lagi.

Dari segi dasar pertahanan juga, saya ingin membawa kepada keadaan yang ada dalam dunia hari ini yang mana Amerika Syarikat menguasai dunia dari segi ekonominya, dari segi pertahanannya dan dari banyak segi. Saya baca ada suatu contoh bagaimana kuasa Amerika tidak ada tolok banding pertandingannya. Misalnya dalam sistem yang digunakan untuk menentukan lokasi atau tempat kita berada, jentera kita berada, kereta kita berada yang dipanggil Global Positioning System (GPS).

Saya dimaklumkan bahawa Amerika Syarikat sahaja ada cukup satelit yang mana bererti sekurang-kurangnya 24 biji satelit melingkungi bumi kita ini dan khidmat 24 biji satelit ini sekurang-kurangnya, maka ianya memadai, mencukupi untuk menjayakan Global Positioning System ini yang mana kalau kita berkereta di dunia Barat, kita akan dapat tahu di mana kita berada dan yang bahayanya, orang ingin mengetahui di mana kita berada, orang boleh mengetahui di mana kita berada.

Misalnya kereta kita, motokar kita akan diketahui melalui satelit ini oleh Amerika Syarikat kerana Amerika Syarikat sahaja yang mempunyai GPS ini. Rusia pernah ada sistem ini tetapi oleh kerana masalah kewangan, tidak mampu untuk memastikan adanya sejumlah satelit di angkasa raya untuk menjadikan sistem ini dapat berjalan. Apakah keadaan kita dalam suasana yang sebegini kuat? Kita dapati bahawa Amerika Syarikat sebagaimana yang berlaku beberapa tahun yang akhir ini menyerang dan menakluki negara Afghanistan, menyerang dan menakluki negara Iraq, mencabar negara Iran dan sebagainya. Apakah pendirian dan dasar kerajaan kita dalam hal ini?

Saya agak bimbang sebab kita tahu sebagaimana yang kita dengar juga tadi bahawa kerajaan melalui kementerian ini mengadakan hubungan ketenteraan dengan negara-negara lain termasuklah negara Amerika Syarikat. Saya fikir dari segi itu tidak dapat dinafikan tetapi yang kita ingin tahu ialah setakat mana persiapan kita, setakat mana yang kita lakukan untuk memastikan bahawa hubungan kita dengan Amerika Syarikat ini tidak merugikan keselamatan negara kita.

Dalam laporan prestasi aktiviti hanya disebutkan mesyuarat dengan tentera Thailand, mesyuarat dengan tentera Indonesia. Untuk tahun 2004, dijangka tiga kali dengan tentera Thailand, tiga kali dengan tentera Indonesia, tidak disebut tentang hubungan dan mesyuarat kita dengan tentera Amerika Syarikat yang saya yakin berbanding dengan

tentera Thailand, berbanding dengan tentera Indonesia, adalah lebih banyak kita mengadakan hubungan dengan tentera Amerika Syarikat.

Dari segi hubungan mesyuarat dengan tentera-tentera luar ini, saya juga ingin mengetahui sama ada kita telah dan akan merancang untuk mengadakan mesyuarat juga dengan tentera negara-negara ASEAN yang lainnya terutama Singapura yang mana kadangkala kita mempunyai masalah-masalah dengan negara itu dari beberapa segi - ekonomi, sempadan dan juga wilayah rebutan antara kita dengan mereka. Jadi ini saya fikir perlu dilengkapkan. Yang saya utamakan sudah tentu sebagaimana saya sebutkan tadi ialah hubungan kita dengan tentera Amerika Syarikat.

Keduanya, dari segi hubungan kita dengan tentera Amerika Syarikat itu, negara-negara yang Amerika Syarikat serang dan takluki seperti yang telah berlaku di Afghanistan dan yang sedang berlaku di negara Iraq pula. Saya hendak tanya daripada kementerian ini adakah kita mempelajari daripada peristiwa-peristiwa ini, adakah tentera kita, negara kita, kementerian kita dalam hal dasar pertahanan ini mempelajari bagaimana mereka boleh menyerang sesebuah negara, menaklukinya dalam masa hanya beberapa minggu seperti yang berlaku di Afghanistan, yang tidak memeranjatkan kerana Afghanistan boleh dikatakan tidak mempunyai tentera yang ditakuti tetapi dalam kes negara Iraq, mereka dapat lakukan demikian.

Kalau kita baca bagaimana mereka boleh lakukan demikian, ianya berpunca daripada persiapan-persiapan yang mereka lakukan. Disebutkan bahawa Amerika Syarikat melalui bidang *intelligence* mereka telah menghubungi Jeneral-jeneral, Panglima-panglima Negara Iraq, dengan mengugut mereka melalui SMS dan sebagainya, ini saya fikir balik kepada *point* saya tadi bahawa Amerika Syarikat menguasai teknologi termasuk teknologi GPS dan teknologi-teknologi lain yang boleh menguasai, menakutkan negara-negara musuh yang mereka ingin serang tetapi sudah tentu ada pelajaran yang kita boleh lakukan.

Sebagaimana Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebut tadi tentang persiapan rakyat kita untuk menghadapi apabila negara kita diserang sebagaimana contoh yang sedang berlaku di Iraq. Walaupun Amerika Syarikat boleh menakluki secara rasminya dan Presiden Bush boleh mengisytiharkan di atas kapal perang Amerika Syarikat bahawa perang dengan Iraq sudah tamat pada 1 Mei 2003 tetapi tentera Amerika Syarikat lebih ramai yang terbunuh selepas 1 Mei daripada sebelum 1 Mei. Ini semuanya kerana rakyat tidak bersedia untuk ditawan, rakyat tidak bersedia untuk ditakluki oleh sebuah negara dan kuasa asing. Adakah kita melatih rakyat kita dalam hal ini?

Ini membawa saya kepada Program Khidmat Negara. Bagaimanakah Program Khidmat Negara ini akan dirancang oleh pihak kementerian? Adakah kita mengutamakan usaha-usaha untuk melibatkan anak-anak muda kita ini dalam bidang politik supaya mereka menolak parti pembangkang, supaya mereka hanya menerima kerajaan yang memerintah dan sebagainya, merugikan masa anak-anak muda kita ini ataupun kerajaan melalui kementerian ini benar-benar dengan cara yang insaf dan sedar memikirkan jangka masa panjang negara ini dan oleh itu benar-benar melatih anak-anak muda kita ini dalam umur belasan tahun mereka ini, supaya mereka benar-benar mempunyai cinta kepada negara seperti yang Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebutkan tadi dan kecintaan kepada negara ini akan menghasilkan semangat dan kesediaan untuk mengorbankan nyawa mereka sendiri akhirnya apabila terpaksa untuk mempertahankan negara kita ini.

Saya harap itu yang ditumpukan dan bukan untuk memberikan kepada anak-anak muda kita ini gula-gula untuk mereka menyokong hanya satu parti politik sahaja dan menolak pemikiran-pemikiran yang lain yang sudah tentulah sikap dan perbuatan ini akan merosakkan anak-anak kita ini, akan merugikan masa depan negara kita ini dan tidak akan memberi apa-apa sumbangan kepada pertahanan negara kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Masa cukup. Saya ucapkan terima kasih.

**Puan Fong Po Kuan:** [Bangun]

**Tuan Thong Fah Chong:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat baru sampaikah? [Ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur yang baru mengambil tempat duduk] Batu Gajah. Tadi tidak ada orang bangun.

**Puan Fong Po Kuan:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini keputusan sini, bukan Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya bagi cadangan sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas Batu Gajah, saya akan benarkan seorang lagi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

**5.00 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan satu perkara sahaja. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 – Pentadbiran Pertahanan. Ketika Akta Latihan Khidmat Negara ini diluluskan di dalam Dewan ini, bukan sahaja orang ramai tidak mempunyai maklumat yang lengkap, malah ahli-ahli dalam Dewan juga tidak mempunyai maklumat yang lengkap, sehingga apabila rang undang-undang ini diberi sesalinan kepada ahli-ahlinya.

Pada ketika perbahasan tersebut dijalankan. Ramai Ahli juga membangkitkan perasaan kurang bermaklumat, perasaan risau dan pihak kementerian juga tidak dapat menjawab kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli pada masa tersebut.

Saya akan membangkitkan semula perkara di mana jawapan Yang Berhormat Menteri yang pada ketika itu adalah kemungkinan kami akan runding, kami akan bincang. Jadi saya akan bangkitkan untuk mendapat tahu sama ada kementerian telah bersedia melaksanakan program ini atau belum.

Sebaik sahaja Akta diluluskan dalam Dewan ini, kita boleh nampak ramai yang begitu risau di luar termasuk 26 orang organisasi Cina telah pergi berjumpa dengan Menteri. Kita tahu *Malaysian Consultative Council on Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* juga telah pergi berjumpa Menteri untuk bertanya apakah sebenarnya kandungan Program Khidmat Negara ini.

Ini adalah satu petunjuk bahawa program ini, Akta ini telah diluluskan dalam Dewan tergesa-gesa tanpa meminta pandangan yang sempurna dari semua pihak yang akan terlibat dalam program ini. Saya ingin tahu beberapa perkara. Satu, adakah program ini akan dijalankan pada bulan Februari? Saya hendak tahu bagaimanakah pemilihan ini akan dijalankan? Saya tahu sebelum ini Menteri ada menyatakan bahawa ia akan penuh dengan ketelusan melalui komputer.

Jadi, saya hendak tahu cara pemilihan tersebut. Adakah ia akan cara terbuka untuk orang ramai menyaksikan pemilihan tersebut. Kalau kita tengok buat masa ini pengambilan pelajar untuk memasuki IPTA, kurang ketelusan. Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati terhadap para pelajar. Saya risau perkara seperti sedemikian juga akan wujud jika pemilihan mereka untuk mengikuti kursus ini tidak dijalankan secara terbuka. Ini perkara pertama.

Perkara kedua ialah pelajar yang akan melanjutkan pendidikan ke luar negeri. Yang Berhormat Menteri pada ketika tersebut menyatakan bahawa tidak ada seorang akan terkecuali jika mereka terpilih. Jadi, yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri ini kalau mereka datang balik semasa umur 35 tahun, bagaimanakah pihak kementerian akan dengan izin, *track* mereka. Jadi, kalau balik lepas berumur 35 tahun, 40 tahun apakah kementerian masih memanggil mereka untuk mengikuti kursus ini.

Perkara ketiga adalah berkenaan program yang selama 90 hari. Adakah ia berturut-turut sepanjang 90 hari atau sekerat, sekerat, sepenggal, sepenggal. Ini saya hendak tahu. Ibu tanya saya. Saya kata saya pun tidak ada maklumat. Jadi, saya pun pernah tanya pelajar. Mereka kata kalau terpilih apa hendak buat. Kalau tak pergi, ibu bapa akan didenda.

Jadi saya hendak tahu sama ada kementerian pernah menjalankan kajian. Jika mereka dipaksa untuk menghadiri program ini, apakah akibat yang mungkin timbul ekoran paksaan anak-anak muda kita untuk menghadirinya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya Yang Berhormat bagi Batu Gajah sama ada beliau sedar bahawa khidmat negara ini diwajibkan kepada budak-budak atau pemuda-pemudi yang berumur 18 tahun perlu menyertainya. Tetapi di dalam rang undang-undang dikatakan 16 tahun. Jadi, ada kekeliruan di antara 16 dan 18 tahun. Yang mana satu yang betul.

**Puan Fong Po Kuan:** Perkara ini pernah dibangkitkan oleh pihak kami di sini. Yang Berhormat Menteri kata umur 16 hingga 35 tahun ini hanyalah *an enabling clause* untuk membenarkan tetapi buat masa ini kita tidak akan memilih mereka. Kita hanya memilih yang berumur 18 tahun.

Jadi, kalau tujuan dan objektif program ini kumpulan sasarannya ialah 18 tahun mengapa tidak dengan spesifiknya menyatakan 18 tahun. Mengapa ruangan begitu besar 16 tahun hingga 35 tahun. Ini saya harap Menteri boleh menjawab perkara ini. Perkara seterusnya adalah berkenaan mereka yang terpilih dipaksa hadir. Yang mereka tidak terpilih bagaimana pula.

Perkara ini pernah dibangkitkan tetapi Menteri tidak dapat menjawabnya. Mereka yang terpilih ini macam cuba nasib. Ramai kata ini cuba nasib. Tengok nasiblah, kalau baik, nasib baik tidak dipilillah. Kalau nasib tak baik, kena dipilillah. Ini saya hendak tanya yang bakinya bagaimana mereka akan dilatih untuk cintakan negara kononnya objektif program ini.

Sebelum ini Menteri kata dalam Dewan bahawa lima atau enam kali program ini dijalankan setahun. Baru-baru ini laporan menyatakan tiga kali setahun. Sebenarnya berapa kali kerana tidak konsisten, saya hendak tahu. Mengapa selalu berubah-ubah.

Perkara yang satu lagi ialah kepada mereka yang berniaga sendiri. Ada ramai anak muda ini selepas tamat SPM, mereka membantu ibu bapa mereka menjalankan perniagaan. Apabila hilang pendapatan dari segi ini, hilang seorang pembantu kerja dalam aspek ini, bagaimanakah kementerian akan membantu mereka, ahli keluarga mereka yang hilang seorang tenaga buruh dalam erti kata yang lain, yang anak terpaksa menghadiri program ini.

Perkara satu lagi ialah berkenaan pekerja. Saya pernah bangkitkan. Tetapi Menteri tidak dapat menjawabnya. Saya percaya sekarang kementerian lebih sedia, berkenaan mereka yang bekerja juga mengikut Akta jika mereka yang bekerja dipilih mengikuti kursus kurang 30 hari ini, majikan kena bayar untuk gaji mereka. Tetapi sekarang ini pihak kementerian menyatakan semua program 90 hari, bagaimana dengan baki dua bulan. Apakah mereka akan pergi tanpa bayaran gaji.

Seterusnya berkenaan elaun. Ini juga ketika tersebut Menteri kata, kami akan runding dan akan bincang tentang elaun. Apakah kementerian telah membuat ketetapan, keputusan. Apakah elaun akan dibayar kepada mereka sebab ramai selepas peperiksaan, mereka akan pergi bekerja sebagai pekerja sambil sementara menunggu keputusan peperiksaan ke Tingkatan 6 atau ke Matrikulasi.

Perkara seterusnya skim insurans. Skim insurans ini apakah mereka akan dilindungi oleh insurans dan juga berkenaan kokurikulum. Saya memang minat hendak tahu, apakah kandungan kokurikulum tersebut dan juga mereka yang akan dipanggil untuk memberi latihan, keadaan pelajar-pelajar ini yang telah dipilih untuk program ini.

Inilah saya rasa perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan dan akhirnya ialah saya hendak tahu syarikat yang mendapat kontrak yang membekalkan pakaian seragam kepada mereka yang menyertai program ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Timur. Lepas Ipoh Timur, Timbalan Menteri menjawab.

**5.09 ptg.**

**Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepala Pembangunan 50 Butiran 00600 – Kelengkapan Tentera Udara. Tentang pembelian pesawat Sukhoi SU30 kita mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha memantapkan keupayaan pertahanan udara kita. Di dalam konteks ini saya mohon penjelasan tentang perancangan seterusnya.

TUDM terutama di dalam mempelbagaikan lagi pesawat pejuang, peninjau dengan izin *Civilian Aircraft* yang diperlukan untuk kelengkapan sistem pertahanan udara kita.

Keduanya, ialah mengenai sistem 'Manpad' yang lebih diselubungi kontroversi kerana usaha Amerika Syarikat untuk mengharamkannya. Saya ingin tahu sedikit tentang keupayaan sistem pertahanan ini dan jika ianya amat berkesan, adakah perancangan kerajaan untuk membeli dan menempatkannya di perbatasan negara terutama sempadan dengan Singapura. Pun begitu, saya bimbang sekiranya kepunyaan ini jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab seperti pengganas, lanun dan penculik, ianya akan membahayakan operasi menyelamatan. Adakah perancangan kerajaan di dalam mencegahnya?

Saya juga hendak menyentuh Kepala Pembangunan B.50, Butiran 01100 – Pengubahsuaian dan Pembaikan Kem/Pangkalan Tentera. Isu seterusnya ialah berkenaan isu Markas Briged Kedua Infantri Angkatan Tentera Malaysia di Jalan Hospital Ipoh, di dalam kawasan saya, Ipoh Timor. Adakah perancangan kerajaan untuk menutup kem ini dan memindahkan ke pinggir estet yang bersaiz 500 ekar yang diberitahu telah dibeli oleh Kementerian. Jika benar, bilakah projek pembangunan kem baru ini akan dimulakan dan adakah perancangan Kementerian terhadap pembangunan dan tanah yang ada di kem sedia ada di Jalan Hospital ini yang terletak di tengah-tengah Kawasan Perbandaran Ipoh.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Kementerian memikirkan cara yang paling sesuai untuk meningkatkan prasarana kesejahteraan di dalam projek pembangunan kem baru iaitu melengkapkan dengan kemudahan hospital. Ianya bukan sahaja akan dapat memberi khidmat kepada anggota ATM, ia juga kepada keluarga atau bekas ATM, serta rakyat setempat.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5.12 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memperlihatkan minat mereka dengan melibatkan diri dengan persoalan di Peringkat Jawatankuasa ini mengenai dengan peruntukan berhubung kait dengan pentadbiran, logistik, dan pelbagai. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan untuk membahaskan di Peringkat Jawatankuasa ini.

Yang Berhormat bagi Bagan telah membahaskan tentang perkara yang berhubung kait dengan projek perumahan di Telok Air Tawar. Projek ini telah dilaksanakan menggunakan kaedah penswastaan dan seperti Yang Berhormat pun sedia maklum, projek ini sudah pun siap secara berfasa, iaitu Fasa 1 pada tahun 1998 dan Fasa 2 pada Ogos 2003. Sebagai mana yang Yang Berhormat telah mempersoalkan, sama ada kerajaan mengalami kerugian tentang perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak mengalami kerugian apa-apa dari konteks kewangan kerana projek ini telah dilaksanakan secara penswastaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan agak kerugian dari segi masa menyiapkan projek. Kita faham bila projek yang kita laksanakan, jika terbantut dan tertunda oleh kerana kegagalan pihak pelaksana, maka sudah pasti ia akan terpaksa ditanggung oleh pihak tertentu khususnya tentera yang seharusnya menduduki rumah itu dan mereka terpaksa berada di tempat-tempat yang lain dan sudah pasti ini sedikit sebanyak ada bebanan tetapi kita dapat mengatasi masalah ini dengan baik...

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Bangun*]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, saya bagi ruang sedikit.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna di bahagian tanah yang dicadangkan untuk membina kondominium itu, Kementerian atau ATM langsung tidak ada apa-apa kepentingan lagi, kerana di bahagian inilah kerja-kerja pembinaan telah terbengkalai.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kementerian memang ada kepentingan dengan projek-projek yang berhubung kait dengan mana-mana milik tanah yang telah diusahakan bersama oleh pihak swasta. Persetujuan, kebiasaannya kita laksanakan ialah atas dasar kita mempunyai sebidang tanah dan ia akan dimajukan oleh pihak swasta dan swasta akan mengeluarkan sedikit kewangan untuk membangunkan tanah yang telah kita majukan dan ada juga faedah yang diperolehi oleh pihak swasta di mana bidang tanah yang lain kita berikan kepada pihak swasta. Seperti yang saya sebut dari segi kerugian, kita tidaklah menampung seperti apa yang membimbangkan Yang Berhormat bagi Bagan tadi.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan tentang kem transit di Skudai, Johor. Pemaju dan pihak Malaysian Building Society Berhad (MBSB) iaitu pembina projek ini telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah ini dengan mengambil langkah-langkah berikut. Pemaju akan menyerahkan salah satu daripada dua lot tanah yang digadai kepada MBSB untuk memberi pinjaman. Kedua, pemaju perlu memajukan dokumen penilaian kerja untuk menentukan kerja-kerja telah siap dan belum siap dikemukakan kepada Kementerian.

Seterusnya, *Land Bond* baru hanya akan dikeluarkan apabila isu keluasan pinjaman dan penentuan penilaian kerja diselesaikan. Kerajaan akan melantik kontraktor baru dengan persetujuan MBSB dan pemaju apabila isu-isu yang perlu diatasi selesai. Dalam melaksanakan projek yang dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan, kita tidak terkecuali daripada peraturan-peraturan kerajaan tempatan ataupun peraturan-peraturan yang sedia ada. Kita sering mengambil perhatian, meminta kerjasama daripada kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan sebelum projek-projek ini kita laksanakan. Kita perlu laporan pihak-pihak tertentu untuk mendapat persetujuan sama ada tanah itu sesuai dilaksanakan ataupun tidak sesuai dari segi ketahanan tanah itu...

**Tuan Chang See Ten:** [*Bangun*]

**Tuan Hassan bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan Besut, bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Tadi semasa saya membahaskan kes ini, saya ada kata pemaju mengabaikan peraturan pihak berkuasa tempatan. Memang benar, kerana saya pernah minta pihak JKR dan minta Majlis Perbandaran JBT, turut bersama dalam mesyuarat, kerana projek ini menyebabkan banjir kilat di Jalan Gelang Patah, sampai kenderaan tidak boleh lalu.

Tiga kali kita ada mesyuarat tetapi maklumat yang datang dari Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Perbandaran Johor Bharu Tengah kata, mereka tidak memperoleh kebenaran sejak dimulakan, tanpa kelulusan mereka mula kerja. Sebab itu pihak majlis beri notis, mesti *submit*, kemungkinan sekarang sudah ada tetapi mereka buat pada asalnya mereka buat tanpa kebenaran, kemungkinan sekarang ada. Ini kira, mereka tidak mematuhi kehendak undang-undang. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang saya akui di peringkat awal ada mempunyai sedikit masalah, kerana kadang-kadang bila kita melantik pemaju dan pemaju juga melantik subkontraktor tertentu dan mereka melaksanakan tanpa ada persetujuan daripada pihak-pihak tertentu, maka itu seperti yang saya sebut. Kita telah tekankan beberapa syarat seperti yang saya sebut di peringkat awal dan ini atas persetujuan pihak pemaju dan kita akan melantik kontraktor baru dengan

persetujuan Malaysian Building Society Berhad untuk melaksanakan projek ini setelah isu-isu berhubung kait juga seperti yang Yang Berhormat sebut tadi.

Alhamdulillah, setakat ini peraturan-peraturan sudah pun dipatuhi oleh pihak-pihak pemaju ini.

**Tuan Hassan bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Besut.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya.

**Tuan Hassan bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada kenyataan akhbar, "*Orang Dalam Beri Projek RM113 Juta di Kem Tentera Tanpa Kebenaran*" Di mana Panglima Tentera Darat, Jeneral Dato' Wira Muhammad Shahrom Nordin mendedahkan terdapat orang dalam, memberi beberapa projek pembangunan di Pusat Latihan dan Kem Tentera Darat berharga RM113 juta tanpa kebenaran kerajaan menyebabkan tentera darat terlebih membelanjakan peruntukan.

Katanya lagi pelaksanaan projek yang tidak termasuk dalam senarai peruntukan itu menyebabkan tentera darat kini terpaksa membekukan semua projek pembangunan semasa. Katanya lagi kita dapati RM63 juta dibelanjakan tanpa kelulusan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat bagi Besut memang saya akui bahawa apa Yang Berhormat sebut berhubung kait dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh bekas Panglima Tentera Darat dahulu berhubung kait dengan projek yang berjumlah hampir RM113 juta iaitu ada penyelewengan. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat mungkin juga sedia maklum perkara ini sudah pun dibawa kepada siasatan pihak polis dan juga pihak BPR dan kita yakin bahawa dalam perjalanan proses ini tindakan undang-undang akan diambil kepada pihak-pihak tertentu dan kita tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terbabit dalam penyelewengan ini.

Dalam pada itu tidak bererti bahawa ada permasalahan ini bahawa kita terlebih belanja oleh kerana kita belanja peruntukan sedemikian, bukan oleh kerana sebab ini bahawa kita terlebih belanja. Kita harus mengikut peraturan sebelum kita membuat pembayaran kepada mana-mana kontraktor, harus disediakan segala dokumen dan selepas itu pegawai-pegawai kita akan turun menyelidik tentang sama ada kebenaran projek itu sudah siap ataupun tidak ataupun kadang-kadang kita bagi pendahuluan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor.

Namun untuk ini adalah merupakan projek-projek yang hanya kecil kita pecah-pecahkan untuk membolehkan seramai mungkin orang-orang yang akan terlibat, kontraktor-kontraktor bertaraf Kelas F akan terlibat dengan tujuan untuk mereka mendapat ruang peluang perniagaan di dalam Kementerian Pertahanan. Walaupun demikian, seperti yang saya sebut tindakan sedang berjalan oleh pihak polis dan juga pihak BPR dan saya rasa sedikit masa lagi akan ada tindakan berhubung kait dengan itu.

Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan tentang status kedudukan Hospital Kinrara apabila Hospital ATM yang baru disiapkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Serdang, tapak Hospital Kinrara akan diserahkan kepada pemaju apabila Hospital ATM yang baru disiapkan ini kerana pelaksanaan projek Hospital ATM dilaksanakan secara penswastan dan melibatkan *land swap* di antara pemaju dan kerajaan. Seperti yang saya sebut, ada juga langkah-langkah di mana seperti Audit Negara sebut, ini merupakan salah satu langkah yang baik untuk menjimatkan kewangan di mana ada tanah yang dimiliki oleh pihak Kementerian Pertahanan kemungkinan kewangan tidak mencukupi dan kita gunakan tanah itu sebagai sebahagian daripada cara dan kaedah untuk mendapatkan kewangan, membangunkan kelengkapan yang diperlukan oleh pihak Kementerian Pertahanan seperti pembinaan hospital Yang Berhormat memaklumkan tadi.

Yang Berhormat bagi Serdang juga bertanya tentang, apakah cadangan pada masa akan datang untuk tapak TUDM di Kinrara...

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta maaf, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Dengan adanya program penswastaan supaya tapak Hospital Kinrara, Puchong akan dijadikan kawasan perumahan. Jadi, bilakah projek ini akan dilaksanakan supaya memaklumkan kawasan sebab ada di katakan pembinaan hospital baru melalui program penswastaan. Jadi, apa terjadinya kepada tapak Hospital Kinrara akan datang itu.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya kurang faham apa Yang Berhormat telah sebut tadi. Dalam jawapan saya di peringkat awal seperti yang saya sebut bahawa pembinaan hospital yang sedia ada ialah untuk dimajukan pihak pemaju yang baru, selepas itu tanah akan kita berikan kepada pihak pemaju dan pemaju ini terserahlah apa bentuk kaedah sama ada dia hendak buat satu pusat latihan ataupun satu tempat yang sesuai untuk pemaju ini.

Yang Berhormat bagi Serdang juga mencadangkan pada masa depan untuk tapak asal TUDM Kinrara akan dikekalkan dengan pembinaan Sekolah Latihan Pengurusan Logistik. Pelaksanaan projek ini adalah secara konvensional dengan JKR sebagai agensi pelaksana dan bukannya melalui kaedah penswastaan.

Yang Berhormat bagi Serdang juga membangkitkan tentang Program Khidmat Negara di mana Yang Berhormat sebut tentang perlunya penerangan lebih lanjut, dan ini ada hubung kait sedikit dengan apa yang disebut oleh Batu Gajah. Banyak perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah tentang kebimbangan sama ada program ini akan dapat dilancarkan dengan baik.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, kita akan melaksanakan Program Khidmat Negara ini pada bulan Februari 2004 dan segala rangka yang telah kita atur, rancangan dari segi modul, dari segi prasarana, logistik sudah pun kita bincang begitu mendalam melibatkan beberapa kementerian dan kita yakin insya-Allah, kita akan dapat melaksanakan program ini dengan baik dengan penglibatan beberapa pihak khususnya sasaran kita ialah generasi muda masyarakat, rakyat Malaysia yang datangnya dari semua kaum termasuk Melayu, Cina, India dan juga kaum-kaum bumiputera yang lain di negara ini.

Yang Berhormat bagi Serdang juga membangkitkan tentang masalah kekurangan pegawai perubatan di Hospital Angkatan Tentera Malaysia, bagaimanakah pihak kementerian akan mengatasi masalah ini. Memang kita akui bahawa untuk menarik pegawai-pegawai ini berkhidmat di peringkat kementerian, di peringkat awal agak tidak mudah bagi kita kerana tawaran dan juga insentif yang diberikan di peringkat luar agak menarik bagi mereka untuk memasuki hospital swasta contohnya, kemudahan begitu banyak dengan pulangan dari segi ganjaran, gaji, kewangan yang begitu baik berbanding dengan apa yang diberikan oleh pihak kerajaan termasuk hospital kerajaan dan juga pihak kementerian.

Sebahagian daripada langkah-langkah yang kita ambil ialah menaikkan elaun dan di samping itu juga memberi biasiswa kepada *servicing officers* yang ada. Contohnya, kita galakan pegawai-pegawai, kita taja di peringkat awal yang mempunyai minat untuk memasuki bidang perkhidmatan perubatan dan selepas itu mereka tidak akan memasuki perkhidmatan ini dengan menandatangani kontrak bagi tahun-tahun tertentu untuk membolehkan agar dapat kita kekalkan perkhidmatan mereka di samping kita menggalakkan juga generasi-generasi muda yang menyertai sektor perkhidmatan perubatan ini.

Di samping itu juga kita mengambil beberapa langkah seperti mengambil pakar-pakar yang lain daripada luar negara untuk menampung keperluan kita. Kita tahu bahawa bukan hanya Kementerian Pertahanan yang menghadapi masalah ini, malahan hospital-hospital kerajaan pun kita faham seperti hospital di luar bandar yang ada pada hari ini, banyak hospital alhamdulillah telah dibina oleh kerajaan sehingga hospital saya rasa bertaraf Lima Bintang pun sesetengah hospital di luar bandar ini tetapi malangnya tidak mencukupi dan kerajaan cuba mengatasi dengan pembinaan pusat-pusat latihan dan menggalakkan agar anak-anak bangsa kita mengambil jurusan-jurusan yang tertentu di mana mempunyai pasaran, bukan hanya belajar contohnya ke Timur Tengah untuk belajar

bidang tertentu khusus yang akhirnya bila mana mereka balik ke tanahair tidak akan mendapat pasaran, tidak mendapat pekerjaan oleh kerana tidak selaras dengan apa yang diperlukan oleh pasaran.

Yang Berhormat bagi Serdang juga bertanya tentang Pusat Latihan Pengurusan Logistik TUDM, Kinrara, adakah ianya akan dikekalkan? Ini saya sudah jawab tadi.

Yang Berhormat bagi Kepong bertanya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Serdang.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, berkaitan dengan ini, apa perancangan telah dijalankan berkaitan dengan menubuhkan Pusat Latihan Serantau bagi mencegah keganasan di Malaysia ini. Ini penting, apa perancangan telah dirancang.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ini yang pusat latihan, apakah langkah-langkah yang kita akan ambil, untuk makluman Yang Berhormat bagi Serdang terdapat pelbagai latihan dan kemahiran yang akan dilaksanakan di pusat latihan tersebut. Antaranya iaitu Pengurusan Bahan Api, Pengurusan Pengangkutan Darat dan Udara, Pengurusan Material dan Gudang, Kursus Asas Pegawai dan Anggota dan ia akan melibatkan seramai lebih kurang 600 anggota akan dilatih setahun menerusi pusat latihan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa sudah cukup.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat bagi Kepong...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh sambunghlah pada minggu depan. Dewan bersidang semula.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, besok adalah Hari Deepavali. Rakyat Malaysia akan menyambut hari perayaan ini. Saya ingin menyampaikan ucapan Selamat Hari Deepavali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, semua pegawai yang ada khasnya kepada mereka yang beragama Hindu.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Berpuasa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai di Dewan yang mulia ini dan juga semua kakitangan Parlimen yang beragama Islam pada bulan Ramadan yang akan bermula pada minggu depan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya menanggungkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin minggu depan.

***Dewan ditanggungkan pada pukul 5.30 petang.***